# PEMIKIRAN PENGLIPUR LARA DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN*

ANIS NAZURAH BINTI MD KARIM

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2023

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# PEMIKIRAN PENGLIPUR LARA DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN*

ANIS NAZURAH BINTI MD KARIM

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHIKEPERLUAN UNTUK IJAZAH
SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

| | | |
|---|---|---|
| ☑ | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| ☐ | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah<br>Dari tarikh…..sehingga….. |
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

| | |
|---|---|
| Tandatangan | Tandatangan Penyelia |
| Anis Nazurah Binti Md Karim<br>C19A0043<br>Tarikh: / / 2023 | Dr.Mohd Firdaus Che Yaacob<br>Tarikh: / / 2023 |

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## PERHARGAAN

Assalamualaikum dan Bismillahirahmannirahim.

Bersyukur ke hadrat Allah dengan limpah kurnianNya akhirnya saya berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna. Saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pada kesempatan kali ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya untuk melaksanakan penyelidikan ini. Semoga segala jasa baik yang telah curahkan dibalas dengan ganjaran tertinggi serta memperoleh pentunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya iaitu Md Karim Bin Besar dan Rosiah Binti Mohamad serta keluarga atas dorongan serta sokongan kepada saya sewaktu melaksanakan kajian ini. Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dari segi masa dan tenaga dalam menyempurnakan kajian ini. Setiap jasa serta pergorbanan yang telah diberikan oleh mereka amatlah saya hargai.

Akhir kalam, saya berharap kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat serta pendedahan kepada masyarakat agar generasi akan datang dapat menjadikannya sebagai sumber rujukan yang berilmiah dan bermanfaat. Segala kelemahan dalam penyelidikan ini datangnya daripada kekurangan diri saya sendiri dan segala sifat yang baik datang daripada keizinan Allah SWT.
Sekian, Terima Kasih

Anis Nazurah Binti Md Karim
No 5B, Kampung Panggong Bukit Apit,
21800 Ajil,
Hulu Terengganu
0145253297
Nazurah.c19a0043@siswa.umk.edu.my

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KANDUNGAN HALAMAN


| | | |
|---|---|---|
| PENGESAHAN TESIS | | i |
| PENGHARGAAN | | ii |
| JADUAL KANDUNGAN | | iii |
| SENARAI CARTA | | v |
| SENARAI RAJAH | | vi |
| ABSTRAK | | vii |
| ABSTRACK | | vii |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Pernyataan Masalah | 5 |
| 1.3 | Persoalan Kajian | 7 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 | Batasan Kajian | 9 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 13 |
| 1.7 | Definisi Operasional | 15 |
| | 1.7.1 Naratif Lisan | 15 |
| | 1.7.2 Pemikiran | 16 |
| | 1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu | 17 |
| 1.8 | Organisasi Kajian | 19 |
| 1.9 | Penutup | 22 |
| BAB 2 | SOROTAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.1 | Pengenalan | 23 |
| 2.2 | Pengkajian Naratif Lisan Di Malaysia | 24 |
| 2.3 | Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-Karya Sastera Melayu | 57 |
| 2.4 | Penutup | 77 |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 78 |
| 3.2 | Reka bentuk Kajian | 79 |
| 3.3 | Kaedah Kajian | 79 |
| | 3.3.1 Kajian Kepustakaan | 79 |
| | 3.3.2 Rujukan Teks dan Dokumen | 79 |
| 3.4 | Teori Pengkaedahan Melayu | 81 |
| | 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah | 82 |
| | 3.4.1.1 Pendekatan Moral | 83 |
| | 3.4.1.2 Pendekatan Firasat | 84 |
| | 3.4.1.3 Pendekatan Gunaan | 85 |
| | 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan | 86 |
| | 3.4.2.1 Pendekatan Dakwah | 86 |
| | 3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan | 87 |
| | 3.4.2.3 Pendekatan Seni | 88 |
| 3.5 | Kerangka Konseptual | 89 |
| 3.6 | Penutup | 90 |
| BAB 4 | ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 91 |
| 4.2 | Pemikiran Penglipur Lara dalam Aspek Nilai | 93 |
| | 4.2.1 Aspek Nilai Keberanian | 94 |
| | 4.2.2 Aspek Nilai Tanggungjawab | 97 |
| | 4.2.3 Aspek Nilai Kerajinan | 100 |
| | 4.2.4 Aspek Nilai Hormat-Menghormati | 102 |
| | 4.2.5 Aspek Nilai Toleransi | 106 |




FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW


| | | |
|---|---|---|
| | 4.2.6 Aspek Nilai Tolong-Menolong | 109 |
| 4.3 | Pemikiran Penglipur Lara dalam Aspek Sosiobudaya | 113 |
| | 4.3.1 Golongan Masyarakat | 114 |
| | 4.3.2 Gaya Hidup Masyarakat | 117 |
| | 4.3.3 Adat Tradisi | 121 |
| | 4.3.4 Seni Budaya | 123 |
| 4.4 | Pemikiran Penglipur Lara dalam Aspek Mitos | 127 |
| | 4.4.1 Unsur Mitos Melalui Mimpi | 128 |
| | 4.4.2 Unsur Mitos Melalui Cerita Asal-Usul | 131 |
| | 4.4.3 Unsur Mitos Melalui Cerita Binatang | 134 |
| | 4.4.4 Unsur Mitos Melalui Kisah Mistik | 137 |
| | 4.4.5 Unsur Mitos Melalui Kepercayaan kepada perkara khurafat | 140 |
| 4.5 | Pemikiran Penglipur Lara dalam Aspek Rohani | 146 |
| | 4.5.1 Tanggungjawab Kepada Allah | 147 |
| | 4.5.2 Hubungan Individu dengan Masyarakat | 152 |
| | 4.5.3 Kesabaran Dalam Menghadapi Ujian | 156 |
| 4.6 | Penutup | 160 |
| BAB 5 | RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP | |
| 5.1 | Pengenalan | 160 |
| 5.2 | Rumusan | 161 |
| 5.3 | Cadangan | 169 |
| 5.4 | Penutup | 173 |
| | Bibliografi | 174 |
| | Biodata Penulis | 185 |


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI CARTA HALAMAN

Carta 1: Teori Pengkaedahan Melayu 81
Carta 2: Jenis Pengkaedahan Alamiah 82
Carta 3: Jenis Pengkaedahan Keagamaan 86

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

| RAJAH | HALAMAN |
|---|---|
| Rajah 3.1 Kerangka Konseptual | 89 |

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pemikiran Penglipur Lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

FYP FTKW

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian Naratif Lisan yang menjalankan penelitian terperinci terhadap Pemikiran Penglipur Lara dalam Teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini dikatakan demikian kerana naratif ditafsirkan sebagai sesuatu penceritaan sama ada satu atau lebih berdasarkan kisah yang benar atau tidak benar oleh beberapa orang pencerita atau beberapa orang penerima cerita yang dapat dijadikan sebagai satu wadah dalam pembentukan masyarakat yang lebih bertamadun. Tujuan kajian ini dilaksanakan ialah pengkaji mendapati terdapat kelompongan berdasarkan soratan kajian lepas kurang kajian mengenai pemikiran penglipur lara telah dibuat. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti pemikiran penglipur lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan* dan menganalisis pemikiran penglipur lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan* yang dapat dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Melalui kajian ini, pengkaji membataskan kajian kepada 24 cerita rakyat yang telah dipilih. Selain itu, Kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan, teks dan dokumen serta melayari internet telah digunakan sebagai sumber rujukan untuk menghasilkan kajian ini. Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan sebagai deduktif kajian. Menerusi Teori Pengkaedahan Melayu ini, pengkaji menerapkan pendekatan kemasyarakatan, pendekatan dakwah dan pendekatan moral. Rumusan daripada hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai pemikiran yang telah diterapkan berdasarkan pemikiran penglipur lara dalam cerita rakyat ini bagi memberi pengajaran dan tauladan kepada masyarakat Melayu untuk membentuk insan yang lebih bertamadun.

Kata Kunci: Naratif lisan, Pemikiran penglipur lara, Teori Pengkaedahan Melayu, Teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Penglipur Lara's Thoughts In The Text Of The Oral Narrative Stand In The Pengkalan Datu River Basin, Kelantan.


ABSTRACT

This study is an Oral Narrative study that conducts a detailed study of *Penglipur Lara's Thoughts in the Oral Narrative Text in Pengkalan Datu River Basin, Kelantan.* This is said because narrative is interpreted as a story either one or more based on true or false stories by some narrators or some recipients of stories that can be used as a vessel in the formatuon of a more civilized society. The purpose of this study is that the researcher found that tehere is a gap based on previous research, less research on the thoughr of consoling the sick in the text of *the Oral Narrative in the Pengkalan Datu Rive Basin, Kelantan* and to analyze the thought of the comforting in the *text of the Oral Narrative in the Pengkalan Datu Basin Kelantan* that can be linked to the Malay Methodology Theory. Through this study, the research limited the study to 24 selected folk tales. In addtion, qualitative methods through library methods, text and documents as well as surfing the internet have been used as reference sources to produce this study. Malay Methodology Theory is applied as a deductive study. Through this Malay Methodology Theory, the researcher applies a societal approach, a preaching approach and a moral approach. The summary from the results of the study found that there are various thoughts that have been applied based on the thought of comforting the sick in this folk tale to give lessons and examples to the Malay community to form more civilized people.



Keywords: Comforting thoughts, Malay Methodology Theory, *Oral Narrative Text in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Kesusasteraan ditafsirkan sebagai satu seni bahasa dan persuratan. Berdasarkan Harun Mat Piah (2000) menyatakan bahawa kesusasteraan mempunyai erti yang sama seperti *literature* dalam bahasa Inggeris. Kesusasteraan merupakan perbuatan daripada gerak hati seseorang individu yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Umum mengetahui bahawa sastera adalah satu hal yang dipamerkan kepada para sasterawan Negara sebagai pemberian kepada golongan masyarakat. Setiap idea yang diterapkan dalam bidang kesusasteraan dapat membuka minda masyarakat mengenai dunia kesusasteraan dalam sudut yang berbeza. Menurut Hashim Awang (1987) menyatakan sastera merupakan sebuah ciptaan estetika yang dibawa dari bahasa. Sastera tulisan dikenali sebagai sebuah penulisan yang telah ditulis oleh seseorang manakala sastera lisan pula ditakrifkan sebagai sesuatu yang memerlukan pertuturan untuk memahami segala isi daripada sebuah penceritaan tersebut. Hal ini dapat dirumuskan bahawa sastera terkenal dengan keindahan menerusi aspek pemikiran serta daya ucapannya.

Menurut Muhammad Haji Salleh (1995) berpendapat bahawa karya lisan dan nukilan yang mempunyai unsur kiasan dan dapat diaplikasikan menerusi bahasa serta pelbagai kata juga merujuk kepada kesusasteraan. Dalam menghasilkan sebuah karya ia perlulah menghasilkan kepekaan, gabungan daya rasa serta perlu mengambil berat mengenai sesuatu yang telah dipelajari serta pengalaman yang telah dilalui oleh setiap individu. Oleh itu, jelaslah bahawa kesusasteraan bukan hanya bidang ilmu yang estetik



FYP FTKW

namun iainya berkaitan dengan segala aktiviti masyarakat yang melakukannya secara kreatif.

Naratif lisan merupakan sebuah karya yang wujud sejak generasi terdahulu lagi. Umum mengetahui bahawa naratif lisan ini berkembang daripada mulut ke mulut bagi mengekalkan setiap keaslian cerita tersebut. Dalam organisasi sesebuah keluarga memainkan peranan yang penting untuk menyebarkan cerita lisan ini agar ia tidak ditelan dek zaman. Orginasasi dalam sesebuah keluarga perlulah menceritakan cerita lisan ini kepada ahli keluarga. Perkara ini dapat dibuktikan apabila seorang bapa akan menceritakan kepada anak mereka mengenai definisi sebenar sastera sebagai sebuah lisan atau bertulis yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa,nyata atau rekaan bagi menyakinkan serta memberi kesan hiburan kepada khalayak yang terdiri daripada pembaca atau pendengar.

Cerita lisan melalui sastera Melayu tradisional merupakan makalah yang merupakan hak milik masyarakat serta ia disebarkan melalui warga tua kita dan diturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Hal dikatakan demikian, tukang cerita atau penglipur lara bertanggungjawab untuk menyampaikan sesuatu cerita tersebut kepada khalayak ramai. Sebagai contoh, sesebuah cerita lisan akan disebarkan dari golongan tua kepada cucu-cucu mereka agar setiap cerita tersebut tersebar dengan lebih meluas serta menjadi warisan bangsa. Perkara tersebut merupakan suatu insiatif yang berkesan bagi memastikan teks naratif lisan ini masih relevan pada masa kini. Dengan itu, jelaslah bahawa, secara keseluruhannya naratif disifatkan sebuah gambaran meluas secara linguistik atau berbentuk bahan visual untuk menyampaikan sesuatu perkara. Secara jelasnya, Dalam memahami teknik penceritaan terdapat  tiga fasa yang mudah seperti permulaan, pertengahan serta pengakhiran.



FYP FTKW

Sesebuah idea yang bernas lahir daripada pemikiran yang baik. Pemikiran ditafsirkan sesuatu proses dalam mencari sebuah makna dan usaha bagi mencapai sesuatu keputusan yang baik. Pemikiran juga dikenali sebagai aktiviti mental terhadap fungsi deria dengan menggunakan setiap maklumat dalam ingatan bagi mengadaptasi sesuatu maksud. Pemikiran merujuk kepada sesuatu penggunaan konsep, perkataan dan simbol. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan menggunakan pemikiran, pembentukan konsep terhadap rangsangan ditafsirkan melalui penggunaan simbol dan perkataan.

Pemikiran merupakan aktiviti mental dalam sesuatu perkara bagi menyelesaikan setiap permasalahan yang berlaku. Pemikiran ditafsirkan sebagai proses untuk membina ilmu serta pemahaman yang melibatkan mental dan otak seseorang manusia. Tuntasnya, pemikiran adalah hal penting kerana ia mampu memberi pemahaman yang lebih baik terhadap seseorang individu dan ia juga mampu menyelesaikan setiap permasalahan dengan mudah apabila menggunakan pemikiran.

Penglipur lara dikenali sebagai seseorang yang menyampaikan cerita rakyat dengan cara menghiburkan seseorang individu dalam keadaan kesedihan atau dukacita. Seperti yang kita ketahui bahawa istilah ‘Penglipur’ yang bermaksud sebagai seorang penghibur manakala ‘Lara’ ditasirkan sebagai kesedihan hati. Penglipur lara ini juga lebih dikenali sebagai seorang tukang cerita yang menyampaikannya melalui mulut ke mulut agar kesemua generasi dapat mengetahui kewujudan cerita rakyat ini. Penglipur lara merupakan seorang yang sangat penting kerana tanpa mereka cerita lisan tidak mampu untuk dikekalkan lagi. Pada zaman modenisasi kini, penglipur lara memainkan peranan yang penting bagi memastikan cerita rakyat dapat dikekalkan keasliannya.



FYP FTKW

Oleh itu, jelaslah bahawa kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini bertujuan untuk membuka minda masyarakat mengenai cerita rakyat Melayu supaya ia tidak akan mudah pupus dek ditelan zaman sejajar dengan teknologi yang kian canggih ini. Tuntasnya, kajian yang bersifat akademik ini seharusnya dipertahankan kerana mampu memartabatkan dan dapat menjadi sebuah kajian yang bermanfaat serta sebagai satu sumber rujukan kepada individu yang lain.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian penyelidikan yang dijalankan oleh para sarjana kebiasaanya akan menimbulkan pernyataan masalah pada kajian yang dilaksanakannya. Setiap kajian penyelidikan ini, pengkaji mendapati terdapat pelbagai permasalahan kajian yang akan timbul.

Naratif lisan merupakan sebuah karya daripada masyarakat Melayu yang mempunyai nilai yang tinggi. Melalui karya cerita lisan ini dapat dilihat bahawa pemikiran masyarakat Melayu sangat kreatif dalam membina setiap cerita. Umum juga mengetahui bahawa setiap karya cerita lisan dihasilkan bertujuan untuk menjadi pengajaran serta panduan dalam kehidupan seseorang individu agar menjadi seseorang individu yang lebih bertamadun. Tuntasnya, setiap karya cerita rakyat ini telah menarik minat pengkaji-pengkaji untuk melakukan penyelidikan. Berdasarkan daripada kajian sorotan lepas mendapati bahawa penyelidikan naratif lisan dalam kalangan pengkaji di Malaysia terbukti kurang kajian yang memfokuskan kepada pemikiran penglipur lara dalam teks naratif lisan. Pengkaji juga mendapati terdapat beberapa kajian sahaja yang menyentuh tentang pemikiran penglipur lara iaitu menerusi artikel daripada Masrizayu Mustafa (2006), Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Aisyah Abdullah (2014).

Namun begitu, hasil penyelidikan pengkaji mendapati bahawa beberapa sarjana di Malaysia ini banyak memfokuskan mengenai nilai-nilai yang terkandung dalam cerita rakyat. Hal ini dapat dibuktikan menerusi kajian iaitu *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2020) , *Nilai Baik Hati menerusi Cerita Rakyat Melayu terhadap Masyarakat Melayu Suatu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016), *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan: Satu penelitian Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd



FYP FTKW

Firdaus Che Yaacob (2018), *Nilai-Nilai Kemanusian dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Lagenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022), *Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022), *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2022) dan *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Guang Musang, Kelantan, Malaysia* oleh Mohd Fahmi Ismail (2017).

Melalui hasil daripada sorotan kajian ini mendapati bahawa sarjana-sarjana Malaysia lebih banyak mengkaji mengenai nilai kemanusian, nilai islam, nilai moral, nilai murni dan nilai budaya. Justeru itu, pengkaji telah mengambil insiatif untuk mengkaji pemikiran penglipur lara menerusi teks yang terpilih dengan lebih terperinci agar dapat membuka minda penyelidik akan datang untuk menjadikan kajian sebegini sebagai sumber rujukan. Pengkaji juga telah memilih sebuah teks yang baru dikeluarkan bertujuan untuk menjalankan kajian tentang pemikiran penglipur lara melalui teks tersebut dapat membantu mengisi kekurangan sorotan kajian yang lepas yang lebih menjuruskan kepada aspek nilai. Kesimpulannya, melalui kajian yang yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu pemikiran penglipur lara menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan* merupakan usaha untuk mengupas setiap pemikiran penglipur lara menerusi beberapa cerita rakyat berdasarkan teks tersebut yang dapat memberikan pengajaran serta dapat menjadi wadah pembelajaran yang berguna kepada semua masyarakat Melayu.



FYP FTKW

1.3 Persoalan Kajian

1.3.1 Apakah Pemikiran Penglipur Lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

1.3.2 Bagaimanakah pemikiran Penglipur Lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dikaitkan dengan teori pengkaedahan Melayu?

FYP FTKW

## 1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Mengenal pasti pemikiran penglipur Lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan.*

1.4.2 Menganalisis Pemikiran Penglipur Lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1.5 Batasan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dipilih oleh pengkaji adalah genre naratif lisan. Bagi menyempurnakan kajian tersebut, Pengkaji memilih kajian yang bertajuk pemikiran penglipur lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob yang diterbitkan pada tahun 2021. Buku ini diterbitkan oleh UMK Press dan mempunyai 100 halaman bercetak.

Terdapat beberapa justifikasi yang mendorong pengkaji memilih buku ini sebagai sumber rujukan teks. Pemilihan sesebuah buku merupakan satu aspek yang penting kerana buku yang perlu dipilih hendaklah mempunyai struktur dalaman yang mampu memberikan faedah kepada pengkaji. Hal ini dapat dibuktikan melalui pemilihan teks tersebut mempunyai olohan cerita lisan lebih tersusun mengikut jenis ceritanya. Sebagai contoh, dalam teks tersebut terdapat kelas yang tersendiri seperti cerita asal-usul, cerita-cerita mistik, cerita-cerita tokoh dan cerita-cerita binatang.

Selain itu, justifikasi ini mendorong pengkaji memilih buku ini sebagai sumber rujukan teks adalah melalui pengalaman pengarang. Hal ini dapat dilihat menerusi pengarang buku itu sendiri yang mempunyai kepakaran mendalam mengenai cerita rakyat. Seperti yang kita ketahui nama Mohd Firdaus Che Yaacob tidak asing lagi dalam dunia penglibatan pengkajian cerita rakyat Melayu. Terdapat beberapa buah buku, artikel dan jurnal yang berkaitan dengan cerita rakyat telah dihasilkan oleh beliau. Hal ini dibuktikan menerusi google scholar sebanyak 60 lebih kajian yang telah dibuat oleh beliau bagi memastikan cerita rakyat Melayu masih mampu dikekalkan dan tidak lapuk ditelan dek zaman.



FYP FTKW

Di samping itu, teks ini dikatakan sangat bersesuaian dijadikan sebagai bahan bacaan kerana pengkaji boleh mendalami gaya hidup masyarakat pada generasi terdahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi cerita rakyat Melayu ini, pengkaji banyak menggambarkan mengenai gaya kehidupan masyarakat Melayu di Kelantan pada zaman dahulu. Hal ini dibuktikan apabila terdapat banyak olahan cerita rakyat ini yang menunjukkan secara jelas perbezaan gaya hidup masyarakat dahulu dan kini. Oleh itu, jelaslah bahawa menerusi teks ini dapat membuka minda pengkaji mengenai perbezaan gaya hidup masyarakat dahulu dengan generasi kini.

Tambahan pula, justifikasi yang dapat dilihat adalah dari aspek penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa yang bersesuaian dengan tahap umur seseorang pembaca merupakan faktor yang perlu dititikberatkan. Hal ini kerana buku ini mudah untuk difahami serta dihadam oleh pembaca. Setiap isi yang ingin disampaikan adalah tidak melarat tetapi padat dengan cerita-cerita rakyat yang mampu menarik perhatian pembaca. Selain dari itu, setiap bahasa yang dipersembahkan dalam karya ini tersirat dengan kata-kata positif yang dapat menimbulkan nilai-nilai moral yang tinggi dalam diri pembaca.

Seterusnya, justifikasi yang dapat dilihat menerusi buku ini ialah menerusi kandungan yang terdapat dalam teks tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kandungan buku tersebut bersesuaian dengan kajian yang telah dipilih oleh pengkaji. Dengan adanya bahan pembacaan seperti buku ini, ia dapat membantu pengkaji menjalankan sebuah penyelidikan yang berasaskan cerita rakyat dengan lebih pantas dan terperinci.



FYP FTKW

Seterusnya, pengkaji juga telah melakukan pemilihan cerita rakyat yang terpilih menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai bahan dapatan kajian. Pelbagai cerita rakyat dipilih mengikut genre yang berbeza bagi mencapai objektif kajian untuk mengenal pasti serta menganalisis pemikiran penglipur lara berdasarkan teks tersebut. Pengkaji juga telah membataskan kajian kepada pelbagai jenis cerita lisan seperti:

| Bil | Tajuk | Jenis Cerita |
|---|---|---|
| 1. | Cerita-Cerita Asal Usul | *Kain Sutera Cina*<br>*Pertahanan Benteng Pengkalan Datu*<br>*Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*<br>*Simbolik Rebana*<br>*Terhempasnya Zero Fighter Jepun di Ti Lebar*<br>*Rumah Api Penyelamat Saudagar*<br>*Kepesatan Pengkalan Parit* |
| 2. | Cerita-Cerita Mistik | *Disorok Jin*<br>*Pemujaan Tok Mekong*<br>*Misteri Gajah Berkaki Enam*<br>*Jelmaan Saka Harimau* |
| 3. | Cerita-cerita Tokoh | *Tok Perindu*<br>*Kehebatan Laksamana Laut*<br>*Bidan Tok Haji Esah*<br>*Tok Karim Guru Silat Masyhur*<br>*Kehebatan Pawang Ali*<br>*Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta*<br>*Nurani Che Him dalam Masyarakat*<br>*Kezaliman Seorang Raja* |
| 4. | Cerita-cerita Binatang | *Keajaiban Si Kera Putih*<br>*Kisah Sekumpulan Tupai*<br>*Kebijaksanaan Burung Hantu*<br>*Kelawar Suka Keluar Waktu Malam* |

Jadual 1: Senarai Tajuk Cerita

Seterusnya, tujuan cerita rakyat ini dipilih kerana ingin mengenal pasti pemikiran penglipur lara menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Penyelidikan ini menggunakan teori pngkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Teori ini dipilih sebagai deduktif kajian bertujuan untuk mencapai objektif



FYP FTKW

kajian yang telah dikemukakan. Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan merupakan dua bahagian daripada Teori Pengkaedahan Melayu. Tuntasnya, pendekatan kemasyarakatan dan dakwah digunakan bagi menghasilkan analisis kajian. Oleh itu, Penggunaan teori pengkaedahan Melayu merupakan satu teori yang paling sesuai dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji serta ia dapat membantu pengkaji untuk memantapkan serta memastikan hasil kajian lebih sistematik.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini dilakukan untuk menambahkan maklumat mengenai pemikiran penglipur lara melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan* kepada setiap generasi masyarakat.

Kajian ilmiah ini dapat membantu membuka mata pembaca dengan lebih jelas mengenai setiap isi cerita rakyat yang ingin disampaikan. Hal ini kerana melalui kajian ini, pengkaji ingin memberi lebih pendedahan mengenai pemikiran seorang penglipur lara menerusi karya yang telah dilaksanakannya. Sebagai contoh, melalui pembacaan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini mampu membawa masyarakat lebih memahami setiap pemikiran yang telah diolah oleh penulis yang banyak memberi input yang positif bagi membentuk diri ke arah insan yang lebih terpuji. Sebagai contoh, melalui pembacaan teks ini pembaca akan mudah untuk menerapkan setiap nilai murni seperti hormat-menghormati, tolong-menolong, serta pembentukan budaya hormani. Oleh itu, dengan adanya kajian ini setiap masyarakat Melayu dapat membuka minda tentang terdapat banyak perkara positif yang dapat diambil menerusi teks naratif lisan tersebut serta dapat membentuk prilaku masyarakat kearah yang bertamadun.

Seterusnya, kajian ini juga dapat mengubah pemikiran masyarakat tentang cerita rakyat ini. Masyarakat akan lebih membuka fikiran kerana menganggap setiap perkara yang dilakukan dalam setiap watak dalam cerita rakyat Melayu ini boleh dijadikan sebagai pengajaran. Hal ini kerana setiap perwatakan tersebut boleh dijadikan sebagai contoh untuk masyarakat membentuk tingkah laku yang baik dalam diri masing-masing.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Di samping itu, Makalah ini dapat memberi kebaikan kepada Negara. Perkara ini dinyatakan sedemikian disebabkan oleh Malaysia merupakan sebuah Negara yang merangkumi daripada perbezaan agama, kepercayaan, bangsa dan kaum. Penerapan nilai murni merupakan satu aspek yang sangat penting yang dapat membentuk masyarakat yang sentiasa bertoleransi tanpa mengira apa-apa serta setiap bahan penyelidikan yang dijalankan akan dimasukkan ke dalam kaedah kepustakaan melalui laman sesawang seperti *Google Scholar.*

Akhirnya, hasil kajian ini juga amat penting kepada pengkaji serta pembaca lain supaya ia dapat dijadikan sebagai sumber rujukan yang bermanfaat. Tuntasnya, melalui pembacaan teks cerita rakyat ini ia dapat dijadikan sumber rujukan serta pembaca akan lebih memahami tentang hubungan dua hala antara pengkaji dan tukang cerita supaya dapat mengambil maklumat yang baik serta dapat dijadikan panduan tentang setiap nilai-nilai moral yang telah diterapkan dalam semua watak dalam setiap naskah cerita rakyat tersebut.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.7 Definisi Operasional

Merujuk bahagian ini, definisi operasional ditulis bagi menyenaraikan setiap frasa penting yang terdapat dalam kajian ini. Melalui kajian ini, pengkaji menjelaskan beberapa maksud yang telah dikenal pasti bagi memberi penjelasan yang lebih sistematik dan tersusun. Antara istilah yang digunakan bagi menyempurnakan kajian ini ialah Naratif lisan, pemikiran dan teori pengkaedahan Melayu.

### 1.7.1 Naratif Lisan

Menurut Ismail Hussein (1965) menyatakan sastera dikenali sebagai bahasa pertuturan oleh masyarakat Melayu tradisional terdahulu serta menjadi alat hiburan. Naratif lisan didefinisikan sebagai masyarakat Melayu berkembang daripada satu cabang sastera. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa Naratif Lisan daripada zaman dahulu kala menjadi satu kebudayaan dalam masyarakat melayu bagi mendidik anak-anak tentang pantang larang, adat, prinsip hidup serta kepercayaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia adalah berpegang teguh daripada masyarakat Melayu pada zaman lampau. Berdasarkan pendapat daripada Hashim Awang (1985) mendapati masyarakat Melayu tradisonal terdahulu telah mewujudkan karya sastera seperti naratif lisan. Naratif lisan adalah naskah kesusasteraan Melayu tradisional yang menjadi milik masyarakat, disebarkan menerusi mulut ke mulut serta dihebahkan kepada satu zaman kepada zaman yang lain. Perkara ini kerana setiap cerita lisan pada masa dahulu akan dihebahkan melalui penglipur lara atau tukang cerita. Tambahan pula, setiap cerita ini akan disampaikan oleh golongan tua kepada anak dan cucu mereka berterusan mengikut generasi ke generasi sehingga cerita tersebut menjadi satu



FYP FTKW

warisan. Mohd Taib Osman (1976) juga menyatakan naratif lisan sebagai sebuah budaya yang berkait dengan masyarakat Melayu zaman terdahulu.

Secara kesimpulannya, menerusi pendapat para sarjana di atas dapat disimpulkan bahawa naratif lisan boleh ditafsirkan bahawa sebuah sastera lisan yang disampaikan secara mengikut orginisasi keluarga yang di dalamnya terdapat pelbagai nilai moral yang dapat memberi pengajaran serta tauladan kepada masyarakat untuk membentuk diri ke arah lebih bertamadun.

1.7.2 Pemikiran
`

Pemikiran dedifinisikan sebagai proses untuk membina ilmu serta pemahaman yang melibatkan mental dan otak seseorang manusia. Menurut Ezzah' Afifah dan Che Ibrahim (2015) berpendapat bahawa pemikiran merupakan sebuah ilham para ilmuan yang terhasil melalui penggunaan akal dengan memikirkan mengenai suatu permasalahan yang terjadi dalam diri masyarakat serta boleh dijadikan sebagai pegangan. Berdasarkan pendapat Zainal Kling (1989) pula menyatakan bahawa pemikiran merupakan sebuah kegiatan yang bertujuan untuk membentuk suatu sistem tanggapan yang bakal menjadi rangka bagi seseorang untuk berfikir. Secara jelasnya dapat dilihat bahawa pendapat Othman Puteh (1983) berkata pemikiran merupakan satu tunjang kepada ketamadunan sesuatu bangsa.

Menurut pendapat dari Rahil Mahyudin (1990) mentafsirkan bahawa pemikiran dikenali sebagai sebuah proses untuk seseorang individu untuk melakukan sesuatu hal yang berkaitan dengan sekeliling . Tuntasnya, jelaslah bahawa pemikiran adalah perkara yang sangat penting kerana ia mampu memberi pemahaman yang lebih baik terhadap seseorang individu dan ia juga mampu menyelesaikan setiap permasalahan dengan mudah dengan menggunakan pemikiran. Hal ini dapat dirumuskan bahawa,



FYP FTKW

para tokoh diatas menyatakan bahawa pemikiran merupakan sesuatu proses atau usaha untuk mendapatkan sesuatu keputusan tentang sesuatu hal yang telah dilakukan sama ada melibatkan perkara yang positif atau negatif dengan menggunakan akal fikiran.

### 1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori pengkaedahan Melayu dikenali sebagai teori diasaskan oleh seorang pengkritik tanah air yang dikenali sebagai Hashim Awang. Pada tahun 1989, teori ini mula diperkenalkan serta berkait rapat dengan aspek kehidupan manusia iaitu mengenai kebudayaan setempat, cara hidup dan kepercayaan dalam diri seseorang masyarakat yang mampu mencipta setiap karyanya yang tersendiri. Menurut Muhammad Haji Salleh (2008) berpendapat keindahan sesuatu bahasa ini mula muncul daripada pengaruh luar dan teori pengkaedahan Melayu digunakan bertujuan untuk dibangunkan melalui masa serta perubahan mengikut waktu berjalan. Teori ini terkenal kerana ia berkait rapat dengan manusia kerana ia menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupan. Berdasarkan pemikiran daripada Mana Sikana (1991) menyatakan bahawa teori merupakan budi pekerti orang Melayu dan adalah penghasilan nilai sastera. Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan merupakan dua bahagian dua bawah cabang Teori Pengkaedahan Melayu.

Umum juga mengetahui bahawa Pendekatan Moral, Pendekatan Firasat dan Pendekatan Gunaan merupakan di bawah cabang Pengkaedahan Alamiah manakala Pendekatan Kemasyarakatan, Pendekatan Dakwah dan Pendekatan Seni ini pula merupakan di bawah Pengkaedahan Keagamaan. Tambahan pula, kedua-dua teori yang dikemukakan ini mempunyai kaitan antara satu sama lain atau berhubungan antara kedua-duanya. Kesimpulannya, jelaslah bahawa penggunaan Teori



FYP FTKW

Pengkaedahan Melayu ini telah memberi sedikit sebanyak bahan pembelajaran dalam menghasilkan kajian serta ia dapat memantapkan hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Secara rumusannya, teori pengkaedahan Melayu adalah sebuah teori yang telah diolah oleh Hashim Awang yang melibatkan dua jenis pengkaedahan seperti pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Menerusi pendapat tokoh di atas juga dapat dirumuskan bahawa teori ini menjadi satu hal yang boleh dijadikan sebagai pengikat dalam penghasilan nilai sastera.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.9 Organisasi Kajian

Dalam menyempurnakan penulisan penyelidikan ini, terdapat lima bahagian bab utama yang dihasilkan supaya penulisan yang dilaksanakan lebih berkesan, tersusun dan teratur.

### Bab Satu

Berdasarkan bab satu ini ada menghuraikan mengenai pengenalan kajian yang dijalankan dan pernyataan masalah yang dihadapi. Kandungan bab satu ini juga menjelaskan tentang objektif dan persoalan kajian agar kajian yang dilakukan oleh pengkaji lebih lengkap. Batasan kajian serta definisi operasional digunakan sewaktu penyelidikan dijalankan bertujuan untuk memastikan setiap kajian yang dilakukan dapat difahami oleh pembaca dengan mudah. Akhirnya, kepentingan kajian ini adalah satu hal yang mustahak menerusi sesebuah kajian disebabkan ia dapat membuktikan kepentingan pengkaji dalam memastikan ketepatan kajian tersebut serta terdapat penutup dalam bab satu ini bagi menyimpulkan setiap hal yang telah diperbincangkan dalam bab satu ini.

### Bab Dua

Dalam kajian pada bab dua menjelaskan tentang sorotan kajian. Terdapat beberapa kajian lepas yang ditulis sebagai sumber rujukan untuk melaksanakan tugasan ini. Kajian lepas yang diambil adalah berdasarkan tajuk yang dipilih oleh pengkaji. Perkara ini kerana melalui penulisan sorotan lepas, pengkaji boleh melakukan penyelidikan yang diberikan dengan lebih mudah kerana terdapat sumber rujukan yang tepat. Dalam sorotan kajian ini juga pengkaji dapat membandingkan tentang perbezaan



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

serta persamaan kajian yang dikaji dengan kajian yang lepas dari segi ciri, sifat serta unsur dalam sesuatu peristiwa yang berlaku. Melalui sorotan kajian ini juga pengkaji dapat menganalisis maklumat serta dapat menghuraikan maksud yang tersirat disebalik sesebuah kajian tersebut dan ia juga terdapat dalam penulisan kajian ini kerana ia dapat memahami serta mengaitkan antara bahagian-bahagian yang terlibat.

Bab Tiga

Kandungan pada bab ketiga ini pula menceritakan berkenaan metodologi kajian. Setiap prosuder yang digunakan menerusi kajian ini akan dikupas secara lebih teliti. Hal ini dikatakan demikian kerana metodologi kajian yang digunakan menerusi penyelidikan ini ialah melalui reka bentuk kajian, pengumpulan data serta menganalisis data secara lebih menyeluruh bagi memantapkan hasil sesebuah kajian.

Bab Empat

Kandungan dalam bab empat lebih tertumpu kepada analisis kajian. Analisis kajian bermaksud pemeriksaan dilakukan secara lebih terperinci tentang sesuatu perkara untuk mengetahui mengenai keadaan dan faktor-faktor yang terlibat. Analisis ini juga dianggap sebagai mampu untuk memproses maklumat bagi mencari jalan penyelesaian yang lebih baik. Melalui bab empat ini, pengkaji telah melakukan penelitian secara lebih terperinci tentang pemikiran penglipur lara menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Melalui kajian ini, pengkaji telah membataskan kepada 24 buah cerita rakyat iaitu *Kegemilangan Pengkalan Datu, Kain Sutera Cina, Rumah Api Penyelamat Saudagar, Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu, Pemujaan Tok Mekong, Misteri Gajah Berkaki Enam, Bidan Tok Haji Esah, Kezaliman Seorang Raja, Kehebatan Laksamana Laut, Kehebatan Pawang Ali, Keajaiban Si Kera*



FYP FTKW

*Putih, Kisah Sekumpulan Tupai, Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta, Nurani Che Him dalam Masyarakat,Simbolik Rebana, Disorok Jin, Pengunduran Raja Patani, Kepesatan Pengkalan Parit, Tok Perindu, Kebijaksanaan Burung Hantu,Kelawar Suka Keluar Waktu Malam,Terhempasnya Zero Fighter Jepun di Ti Lebar, Tok Karim Guru Silat Masyhur* dan *Jelmaan Saka Harimau.* Setiap dapatan kajian yang dihasilkan berdasarkan persoalan dan objektif kajian yang telah dibuat pada bab satu. Oleh itu, jelaslah bahawa dalam bab empat ini pengkaji telah menghasilkan mengenai analisis kajian dengan lebih lengkap dan tersusun untuk menyempurnakan tugasan ini.

Bab Lima

Berdasarkan bab yang kelima akan menghuraikan mengenai rumusan keseluruhan penyelidikan yang telah dijalankan. Melalui bab ini, pengkaji akan mengupas rumusan serta cadangan bagi memudahkan pengkaji lain untuk melakukan kajian pada masa akan datang.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.9 Penutup

Secara kesimpulannya, umum mengetahui bahawa naratif lisan merupakan sebuah teks yang menarik untuk dikaji kerana terdapat tinggi nilainya. Menerusi teks yang telah dipilih mendapati bahawa pengkaji dapat memahami dengan lebih jelas mengenai pemikiran penglipur lara tentang karya yang telah dihasilkan. Berdasarkan kajian ini juga terdapat banyak nilai positif yang diterapkan menerusi setiap cerita rakyat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob. Pengkaji telah mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu bertujuan untuk mengukuhkan lagi tentang pemikiran penglipur lara menerusi teks tersebut. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pemikiran penglipur lara merupakan satu aspek yang penting dalam karya sastera bagi menarik minat pembaca untuk meneliti setiap cerita yang telah disebarkan oleh penglipur lara dengan lebih mendalam. Kajian ini juga terdapat banyak pengajaran atau tauladan yang mampu melahirkan masyarakat yang lebih harmoni. Justeru itu, cadangan pengkaji supaya lebih banyak kajian yang lebih berilmiah dapat dilakukan oleh sarjana pada masa akan datang. Hal ini bertujuan untuk memastikan bahawa setiap karya yang dihasilkan dapat melahirkan masyarakat yang lebih bertamadun serta mempunyai sifat sahsiah yang tinggi disamping masyarakat yang berilmu dan berguna. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian penyelidikan yang dijalankan ini selari dengan objektif kajian kerana ia dapat membantu menghasilkan makalah yang lebih kreatif dan kritis.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 2

# SOROTAN KAJIAN LEPAS

## 2.1 Pengenalan

Berdasarkan bab dua ini akan menjelaskan tentang sorotan kajian lepas untuk dijadikan sebagai sumber rujukan berilmiah. Sorotan kajian ini merupakan sebuah penelitian kembali secara lebih berilmiah terhadap sesuatu penyelidikan yang terdahulu berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji. Melalui sorotan kajian ini, pengkaji akan mencari maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang telah dipilih iaitu Pemikiran Penglipur Lara dalam *Seuntaian Naratif Lisan di Lambangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan*. Di dalam bab ini juga, pengkaji akan menghuraikan setiap perbincangan sorotan kajian lepas ini kepada dua bahagian iaitu pengkajian terhadap Naratif Lisan di Malaysia dan Pengkajian terhadap Teori Pengkaedahan Melayu melalui karya-karya sastera. Hasil penelitian kajian sorotan daripada para sarjana ini telah membuktikan bahawa ia dapat melakukan penambahbaikkan kajian penyelidikan yang bakal dilaksanakan serta dapat membantu menyusun setiap penyelidikan secara lebih terancang.

FYP FTKW

2.2 Pengkajian Naratif Lisan di Malaysia

Mohd Fahmi, Salmah Jan Noor Muhammad, Mohd Sharifudin Yusop (2015) dalam kajiannya *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu.* Cerita rakyat Melayu kurang diminati dan dikenali oleh masyarakat disebabkan oleh teknologi moden yang semakin membangun. Penyelidikan ini dijalankan bertujuan bagi mendapatkan perhatian masyarakat mengenai cara untuk mempertahankan cerita rakyat Melayu daripada terus ditelan dek zaman. Pengkaji juga melakukan kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis mengenai jati diri yang wujud dalam diri masyarakat Melayu. Kajian ini dilaksanakan dengan berlandaskan kepada Teori Ekologi Budaya kerana dianggap bersesuaian dengan tajuk kajian. Pengkaji juga membataskan kajian ini kepada 12 jenis cerita rakyat Melayu agar dapat dijadikan sebagai bahan rujukan serta menggunakan kaedah kualitatif. Hasil daripada kajian mendapati terdapat nilai keberanian, kerajinan dan sifat rasional. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian lepas ini dijalankan bertujuan untuk merungkai mengenai jati diri masyarakat Melayu tersemat dengan nilai-nilai moral yang tinggi yang mampu membentuk pribadi masyarakat.

Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2015) yang bertajuk *Cerita Lisan Sebagai Sumber Pelancongan: Suatu Perbandingan di Malaysia dan Singapura.* Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa terdapat saranan untuk meningkatkan kembali cerita lisan serta ditempatkan di sebuah tempat seperti perkampungan budaya agar dapat menarik perhatian pelancong. Perkara ini dapat dilihat apabila kajian ini juga memfokuskan kepada cerita lisan yang mempunyai sifat lagenda yang berkaitan dengan sesebuah tempat menarik agar dapat dijadikan sebagai tempat pelancongan di Malaysia dan Singapura pada zaman kini. Pengkaji juga membataskan kajian ini kepada beberapa



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

tempat pelancongan yang menarik iaitu di Singapura dan Malaysia. Sebagai contoh, ia dapat dilihat terdapat tempat menarik yang bertempat di Singapura adalah *Cerita Pulau Kusu, Cerita Pulau Ubin dan Merlion manakala Malaysia pula ialah Cerita lagenda Mahsuri di Pulau Langkawi, Lagenda Batu Kapal di Gunung Jerai dan Lagenda Tok Syeikh di Gunung Jerai,Kedah.* Hasil daripada dapatan kajian mendapati terdapat dua kaedah yang dipaparkan bagi menarik pelancong di Singapura dan Indonesia seperti cerita lisan melalui web pelancongan dan cerita lisan disebarkan melalui bentuk replika serta catatan di kawasan pelancongan. Oleh itu, jelaslah bahawa dengan adanya cerita lisan ini dapat menarik perhatian masyarakat untuk lebih mengenali tempat-tempat menarik yang boleh dijadikan sebagai tempat pelancongan di samping dapat menambahkan pendapatan negara.

Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan dalam kajiannya *Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan* (2015) merumuskan bahawa pendekatan pengurusan telah digunakan bertujuan bagi memberi fokus kepada aspek kepimpinan. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan serta kaedah analisis teks bagi mendapatkan hasil analisis yang bertepatan. Pengkaji juga membataskan kepada satu jenis cerita iaitu *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* bagi mencungkil prinsip kepimpinan yang digambarkan dalam teks tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa melalui kajian ini *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dapat berfokuskan kepada aspek kepimpinan seperti mempunyai sifat kebijaksanaan, berwawasan jauh dan mempunyai sifat yang berjiwa rakyat.

Shaiful Bhari Md. Radzi (2015) dalam kajiannya *Si Tanggang Moden dan Perubahan Makna dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka* merumuskan bahawa kajian ini menfokuskan kepada sudut pandang yang berbeza dengan perubahan versi cerita



FYP FTKW

Si Tanggang dari setiap generasi kepada generasi lain. Menerusi kajian lepas ini mendapati bahawa ia lebih menfokuskan kepada perubahan makna yang bermotifkan anak derhaka menerusi cerita *Si Tanggang*. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dengan menganalisis teks, artikel dan jurnal yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Oleh itu, jelaslah bahawa cerita yang bermotifkan kepada anak derhaka ini boleh dijadikan sebagai alat kawalan sosial bertujuan untuk memberi kesedaran serta pengajaran kepada masyarakat tentang dengan ibu bapa.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* merumuskan mengenai nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu menjadi satu landasan yang penting bagi masyarakat mengamalkan perilaku yang baik untuk membentuk peribadi yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana teks cerita rakyat menonjolkan tentang perwatakan yang dapat dijadikan tauladan kepada manusia. Dapatan kajian yang diperolehi menerusi kajian lepas ini ialah hormat-menghormati, keberanian, baik hari, berdikari dan berhemah tinggi. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa objektif kajian lebih berfokuskan kepada menganalisis nilai-nilai murni dengan menggunakan teks *Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat melayu.* Kajian ini juga membataskan kepada 19 buah cerita rakyat dalam teks Seuntaian *Himpunan 366 Cerita Rakyat Melayu*. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif bagi membantu kajian. Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu sememangnya sarat dengan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan sebagai panduan dalam membentuk diri lebih baik.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kajian penyelidikan daripada Ezzah' Afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh (2015) yang bertajuk *Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara.* Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat secara jelas mengenai pemikiran Melayu dalam setiap karyanya. Cerita lipur lara ini dikenali dengan perangungan wira, percintaan dan kesaktian. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu seperti kaedah kepustakaan dan kaedah menganalisis teks yang telah dipilih. Pendekatan sosiologi digunakan dalam menjalankan kajian ini bagi menyokong hasil dapatan kajian. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat pemikiran Melayu yang telah digambarkan dalam hasil analisis ini seperti kepimpinan, sosioekonomi, kepahlawanan, moral dan budi serta sosiopolitik. Oleh itu, jelaslah bahawa dengan adanya kajian tentang pemikiran Melayu ini dapat membuka mata masyarakat bahawa pemikiran Melayu bukan sepenuhnya tertumpu kepada satu skop malah ia juga melibatkan dari sudut ekonomi, politik dan sosial.

Minah Sintian (2015) dalam kajiannya *Personaliti Ibu Bapa dalam teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun*. Penyelidikan ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti tentang perwatakan ibu bapa yang terdapat dalam teks cerita rakyat. Kajian ini dilaksanakan dengan menfokuskan kepada cerita rakyat kadazan Dusun dan menggunakan teori Hierarki keperluan Maslow serta Psikoanalisis Sigmund Freud bagi menyokong dapatan kajian ini. Pengkaji lepas menfokuskan kepada penyelidikan kualitatif iaitu menfokuskan kepada enam buah cerita rakyat seperti "*Rakian* dan *Bulontoi", "Buaya Menjadi Manusia", "Poinuun* dan *Poundapu, "Ikan Menjadi Manusia", "Batu Besar* dan *Telur Ayam"* dan *"Sugaring Si Hati".* Dapatan kajian yang dijelaskan dalam penyelidikan ini adalah berkaitan dengan imej perwatakan ibu bapa iaitu sanggup berkorban apa sahaja demi anaknya. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana perwatakan imej yang dibawa oleh ibu bapa apabila berdepan dengan sesuatu kesulitan.



FYP FTKW

Mohd Zaki Abdul Latiff & Suriati Zakaria (2016) dalam kajiannya *Konsep Ruang Melalui Fauna dalam Cerita Lipur Lara.* Menerusi tradisi lisan ini, terdapat konsep ruang yang boleh dilihat bukan hanya dengan menggunakan ruang fizikal semata-mata tetapi juga melibatkan tentang ruang sosial dan ruang masa. Kajian ini juga membataskan kepada *Cerita Anggun Cik Tunggal* sahaja bagi menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai konsep ruang yang wujud menerusi cerita lipur lara Melayu. Pendekatan Semantikinkuisitif digunakan dalam kajian sebagai deduktif kajian. Hasil kajian yang dapat dilihat ialah mengenai kebijaksanaan dan ketinggian akal orang Melayu. Rentetan itu, dengan adanya cerita lipur lara ini dapat menambah ilmu pengetahuan masyarakat yang mempelbagaikan perspektif linguistik.

Sesila Seli (2016) dalam kajiannya *Kearifan Tempatan dalam cerita rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik* membincangkan mengenai *cerita rakyat Dayak* mempunyai pelbagai jenis peristiwa kehidupan masyarakat yang berkait rapat dengan nilai moral. Pengkaji telah menfokuskan kepada 16 buah cerita rakyat yang mempunyai kelasnya yang tersendiri seperti *gesah* dan *singara.* Kajian ini memfokuskan kepada menganalisis aspek-aspek kearifan tempatan, mentafsirkan mengenai simbol spiritual dari kearifan tempatan serta mentafsirkan serta mentafsirkan simbol spiritual daripada kearifan tempatan komuniti Dayak Kanayatn yang terdapat dalam cerita rakyat. Kaedah kualitatif telah digunakan menerusi kaedah analisis teks cerita rakyat Dayak serta menggunakan teori hermeneutik bagi menyokong hasil dapatan kajian. Hasil daripada analisis kajian membincangkan mengenai teknologi dan ketrampilan tempatan, pengetahuan tempatan serta kesolideran kelompok tempatan. Secara analoginya, jelaslah bahawa pelbagai jenis cerita rakyat Dayak ini telah membuka minda masyarakat tentang perkara-perkara yang baharu serta dapat dijadikan sebagai pembelajaran.



FYP FTKW

Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) dalam kajiannya *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak* merumuskan mengenai peranan cerita rakyat yang dapat membentuk ekspresi budaya dalam kalangan masyarakat. Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji adalah untuk menganalisis mengenai kesinambungan unsur budaya yang terdapat dalam kelompok masyarakat Melayu melalui cerita rakyat kanak-kanak. Pengkaji juga membataskan kajian ini dengan menggunakan buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Melayu* karya Othman Puteh dan Arifin Said. Kaedah Kepustakaan telah digunakan dengan menganalisis tentang cerita rakyat Melayu dalam buku tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa unsur budaya yang wujud menerusi cerita rakyat Melayu ini dapat membentuk minda generasi muda kini.

Floraina Jumil & Norjietta (2017) menjalankan penyelidikan mengenai Nilai *Pendidikan dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun.* Kajian ini menfokuskan kepada penyelidikan yang berkaitan dengan cerita rakyat atau lebih dikenali sebagai tangon-tangon oleh masyarakat Kadazandusun. Kajian ini dilakukan bertujuan bagi memberi fokus kepada mengenal pasti nilai pendidikan yang terdapat dalam beberapa tangon-tangon kadazandusun. Kajian ini menggunakan Teori Pendekatan Moral serta Teori Formalistik sebagai sokongan kepada deduktif kajian. Penyelidikan kualitatif juga digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan analisis teks *Himpunan Cerita Kadazandusun.* Dapatan kajian mendapati terdapat nilai-nilai pendidikan seperti nilai kasih sayang, kerajinan, tidak bersikap tamak dan baik hati. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian ini mampu membina keperibadian masyarakat di samping dapat mengaplikasikan setiap nilai dalam kehidupan seharian.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah (2017) dalam kajiannya iaitu *Penggunaan Multimedia ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu* merumuskan bidang teknologi memainkan peranan yang sangat penting dalam membawa cerita rakyat Melayu lebih dikenali di peringkat global dengan mempelbagaikan jenis medium yang digunakan. Hal ini kerana cerita rakyat mampu membentuk minda masyarakat dalam menyelesaikan masalah serta teknologi dapat menyampaikan mesej yang berguna dalam menbentuk insan bertamadun. Melalui kajian lepas ini mendapati bahawa telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan penggumpulan data serta menganalisis data secara bentuk konkrit. Pengkaji telah menggunakan cara dengan membaca beberapa buah cerita rakyat Melayu karya Arifin Said dan Othman Puteh. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu ini seharusnya dikekalkan supaya setiap generasi mengetahui tentang kewujudan cerita ini dengan menggunakan teknologi yang sejajar dengan arus kemodenan masa kini.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi dalam kajiannya *Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* (2017). Kajian ini memberi tumpuan kepada cerita rakyat melayu yang mempunyai keunikan tersendiri kerana setiap bangsa memiliki perbezaan dari sudut budaya serta sejarahnya. Melalui kajian ini juga, pengkaji mensasarkan kepada menganalisis cerminan moral yang wujud dalam masyarakat Melayu menerusi teks cerita rakyat Melayu. Pengkaji lepas ini juga, telah menggunakan teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang. Selain itu, kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan serta teks. Pengkaji lepas telah menggunakan buku dari teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dari Aripin Said dan Othman Puteh (2015). Menerusi teks *Himpunan*



FYP FTKW

*366 Cerita Rakyat di Malaysia* ini, pengkaji lepas telah memilih beberapa buah cerita seperti *Awang Yang Lurus, Raja Kuyuk, Padi Berbuah Emas dan Padidan Penjual Api Yang Lurus.* Oleh itu, melalui kajian ini mendapati bahawa setiap cerita rakyat yang terdapat dalam teks tersebut mampu menjadi pengajaran serta tauladan kepada masyarakat Melayu bagi mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka.

Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2017) dalam kajiannya *Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea* menjelaskan bahawa kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji lepas ini berfokuskan kepada persepsi pelajar terhadap cerita rakyat Melayu. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat dengan lebih jelas mengenai persepsi pelajar mengenai cerita rakyat Melayu yang hampir pupus ini. Objektif penyelidikan ini dijalankan bertujuan bagi membincangkan menangani persepsi pelajar berkenaan dengan cerita rakyat Melayu. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah temu bual kepada 20 orang pelajar lelaki dan perempuan bertempat di University of Foreign Studies, Korea. Sebanyak tiga buah buku cerita rakyat telah digunakan sebagai sampel dalam temu bual ini. Hal ini bertujuan untuk menguji kefahaman pelajar tersebut mengenai cerita rakyat Melayu ini. Oleh itu, menerusi kajian ini mendapati bahawa cerita rakyat Melayu mampu dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Fifi Rinyuk (2017) yang bertajuk *Nilai-Nilai Moral dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh, Serian.* Matlamat pengajian ini adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai moral yang wujud dalam cerita rakyat kaum Bidayuh di daerah Serian, Sarawak. Menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa terdapat



FYP FTKW

tiga objektif kajian yang dilaksanakan untuk mendapatkan hasil kajian yang berkesan iaitu dengan mengkategorikan cerita-cerita rakyat Bidayuh di daerah Serian, Sarawak, menghuraikan nilai-nilai moral yang wujud dalam cerita rakyat kaum Bidayuh serta menghubungkaitkan nilai-nilai moral dengan kehidupan seharian masyarakat Bidayuh. Pendekatan moral telah digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk menyokong hasil dapatan kajian. Menerusi cerita rakyat ini dapat dilihat bahawa ia mampu menyampaikan unsur pengajaran yang boleh memberi kesedaran kepada pembaca untuk menjadi insan yang lebih baik. Rentetan itu, jelaslah bahawa cerita rakyat Melayu masih relevan untuk diaplikasikan sehingga kini kerana ia banyak terkandung hal-hal positif yang mampu memupuk pengajaran yang berguna kepada seseorang individu.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asiah Muhamad (2017) dalam kajiannya *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* merumuskan kajian mengenai kesesuaian cerita rakyat sebagai bahan pembelajaran untuk asas literasi kanak-kanak Orang Asli. Melalui kajian ini, pengkaji telah mensasarkan objektif kajian iaitu mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai satu medium pengajaran serta pembelajaran literasi asas kanak-kanak golongan orang asli di Sabah. Kesimpulannya, pengkaji lepas menggunakan cerita rakyat Orang Asli dalam membangunkan literasi asas bagi memelihara tradisi bercerita kajian seperti ini.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob dalam kajiannya *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan* (2018) membincangkan mengenai masyarakat Orang Asli Temiar yang kaya dengan khazanah cerita rakyat dapat mengeratkan



FYP FTKW

silaturahirahim sesama mereka. Objektif kajian yang dapat dilihat menerusi teks ini ialah menganalisis nilai budaya menerusi cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Dalam kajian lepas ini, kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan telah digunakan bagi memastikan kajian yang dijalankan menggunakan analisis yang tepat. Selain itu, kajian ini menggunakan teori Sastera Warisan sebagai deduktif kajian. Oleh itu, jelaslah bahawa dalam kajian lepas ini pengkaji ingin menonjolkan unsur budaya disamping ingin menyampaikan nilai-nilai murni yang wujud dalam cerita rakyat Melayu ini.

Tambahan lagi, Norfarizah Mohd Bakhir (2018) dalam kajiannya *Preserving and Promoting Malay Folklores and Legends Using Interactive Motion Comic: The Fang King (Raja Bersiong).* Kajian ini menempukan kepada usaha bagi memastikan cerita rakyat kekal relevan sehingga kini walaupun terpaksa menghadapi cabaran dengan arus teknologi moden. Hal ini kerana kaedah komik animasi digunakan bagi memperkenalkan cerita rakyat dengan lebih meluas dalam dunia yang penuh dengan kemodenan ini. Kajian ini melibatkan kepada tiga objektif kajian iaitu terdiri daripada menentukan cerita rakyat Malaysia yang bersesuian bagi diubah kepada komik interaktif, memberikan pengalaman yang baru kepada penonton bagi dinikmati dengan mampu menarik minat anak muda zaman kini serta dapat menguji keberkesanan komik interaktif ini terhadap generasi kini bermula dari umur 13 sehingga 15 tahun. Kesimpulannya, dengan wujudnya komik animasi ini telah memberi nafas baharu kepada cerita rakyat kerana ia salah satu usaha yang boleh dilakukan oleh pengkaji bagi mengatasi ia tidak ditelan dek zaman.



FYP FTKW

Hazrul Mazran Rusli (2018) dalam kajiannya *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari* menjelaskan mengenai penghasilan sebuah karya cetakan blok kayu melalui adaptasi kepada bahan sastera rakyat Melayu. Pengkajian ini dilakukan bertujuan untuk menfokuskan kepada unsur-unsur didaktik yang terdapat dalam teks jenaka Melayu tersebut. Pengkaji menggunakan penyelidikan kualitatif yang melibatkan mengenai temu bual bersama dengan seniman serta ilmuan seni. Bagi menyokong kajian yang dilakukan ini, pengkaji telah mengaplikasikan teori adaptasi serta kaedah eksplorasi visual kerana dianggap bersesuaian dengan hasil kajian. Kajian ini juga membataskan kepada 17 hasil karya seniman tempatan serta antarabangsa. Secara jelasnya, menunjukkan bahawa setiap proses adaptasi bahan karya sastera ke dalam bentuk seni visual dapat memartabatkan kesenian tersebut.

Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effandy (2018) dalam kajiannya *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif* merumuskan bahawa Melalui cerita jenaka Melayu masyarakat beranggapan bahawa ia merupakan sebuah cerita yang berunsurkan kepada lurus, tidak bertamadun, bodoh dan tidak bijak dalam berfikir. Kajian lepas ini dilakukan bertujuan untuk menepis dakwaan kesemua tanggapan tersebut kerana menerusi cerita jenaka Melayu ini terdapat pelbagai pengajaran yang positif dapat diambil. Pengkaji membataskan kepada empat buah cerita jenaka iaitu *Pak Kaduk, Pak Pandir*, *Awang Lurus* dan *Si Luncai.* Menerusi kajian lepas ini juga mendapati bahawa kaedah kepustakaan dan kaedah menganalisis teks cerita jenaka Melayu telah dilakukan bertujuan untuk mendapatkan analisis kajian yang bertepatan. Seterusnya, pendekatan Psikologi Humanistik seperti keperluan fisiologi, Keperluan kasih sayang, keperluan keselamatan serta keperluan bagi mencapai kesempurnaan dalam diri. Oleh itu, jelaslah



FYP FTKW

bahawa melalui cerita jenaka Melayu ini bukan sahaja terselit unsur jenaka tetapi terdapat nilai postif yang wujud menerusi setiap perwatakan yang telah diketengahkan oleh mereka.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019) dalam kajiannya *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia* merumuskan bahawa perubahan zaman membawa kepada perubahan dalam bentuk penceritaan cerita rakyat Melayu iaitu daripada sistem cetak kepada sistem. Hal ini juga dikatakan demikian kerana masyarakat kini sudah berada di era modenisasi iaitu kebanyakkan pelbagai hal dilakukan dengan menggunakan teknologi. Pengkaji lepas menggunakan insiatif memperkembangkan cerita rakyat ini kedalam bentuk digital agar kesemua generasi mengetahui akan setiap cerita rakyat tersebut. Kajian lepas ini juga memfokuskan kepada cerita rakyat Melayu dalam menghasilkan dapatan kajian yang lebih kritis. Oleh itu, jelaslah bahawa pengkaji lepas menggunakan sistem digital sebagai satu medium dalam memastikan cerita rakyat Melayu dapat dikekalkan kepada kesemua generasi.

Asniza Zakaria (2019) dalam kajiannya *Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih.* Menerusi perbincangan ini dapat dilihat bahawa kajian ini berkaitan dengan warna namun begitu terdapat kekurangan dalam kajian ini yang berkait antara darah putih dengan dua buah lagenda. Kajian ini juga motif darah putih kepada kedua-dua buah cerita Lagenda iaitu *Mahsuri* dan *Puteri Lindungan Bulan*. Kaedah kualitatif dengan menganalisis teks *Mahsuri* serta *Puteri Lindungan Bulan* telah dilakukan bertujuan untuk memastikan penyelidikan dapat dijalankan secara lebih terperinci. Hasil dapatan kajian juga dapat dilihat melalui dari aspek ciri-ciri dan fungsi kedua-dua buah lagenda tersebut. Sebagai contoh, aspek fungsi dapat dilihat iaitu



FYP FTKW

dengan cara menjadi medium pendidik dan bersifat migrasi. Oleh itu, jelaslah bahawa motif darah putih dalam kedua-dua buah kisah lagenda ini dapat membuka minda masyarakat untuk mengenai unsur interinsik yang wujud daripada darah putih tersebut.

Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019) melalui penyelidikan iaitu *Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak.* Penyelidikan ini menerangkan mengenai cerita binatang yang memaparkan watak *Sang Kancil* sebagai seekor yang mempunyai sifat kepimpinan. Kajian ini menfokuskan kepada aspek adab yang boleh diaplikasikan dalam kumpulan masyarakat Melayu terutamanya kanak-kanak. Kajian ini dilakukan kerana menerusi kajian lepas dapat dilihat bahawa para sarjana hanya menfokuskan cerita rakyat Melayu secara lebih meluas serta tidak berfokus kepada satu kajian yang lebih terperinci. Objektif kajian ini adalah dengan mengenal pasti unsur adab menerusi teks cerita binatang serta menganalisis kesan penerapan adab dalam kelompok masyarakat Melayu menerusi kisah Sang Kancil dan Memerang. Bagi mendapatkan hasil dapatan kajian yang bertepatan, pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif iaitu dengan melakukan kaedah kepustakaan dan kaedah menganalisis teks *Kisah Sang Kancil*. Dapatan kajian yang dapat dilontarkan dalam kajian ini adalah mempunyai akal budi serta setiap penceritaannya memaparkan tauladan serta pengajaran kepada Masyarakat. Renteten itu, jelaslah bahawa dengan adanya watak binatang seperti kancil yang memiliki nilai-nilai seperti manusia telah menarik minat pembaca tanpa mengikut batasan umur.



FYP FTKW

Kajian daripada Siti Norashikin Azmi, Hanita Hassan, Wan Farah Wani Fakhruddin & Zaliza Mohamad Nasir (2019) yang bertajuk *Pemaknaan Naratif Pengalaman dalam Cerpen Melayu* membincangkan tentang pemaknaan naratif pengalaman secara lebih meluas. Kajian ini menggunakan objektif kajian iaitu menganalisis pemaknaan naratif pengalaman menggunakan pendekatan analisis transtiviti daripada fungsional sistematik. Pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah kepustakaan dengan mencari rujukan teks digunakan dalam kajian ini serta mengaplikasikan teori metafungsi ideasional. Melalui hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat maklumat yang baharu yang diperolehi menerusi kajian bahasa Melayu dengan menggunakan teori Linguistik Fungsional.

Muhammad Qawien Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2020) dalam kajiannya *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater* merumuskan bahawa kajian ini bertujuan untuk mengetahui potensi cerita rakyat Melayu di Sarawak sebagai sebuah karya teater disamping dapat menghasilkan sebuah dokumentari kajian. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunaan kaedah kepustakaan serta kaedah menemu bual penduduk Melayu yang berasal dari Sarawak bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat bagi memudahkan pelaksanaan ke atas analisis kajian. Pengkaji telah mengetengahkan cerita rakyat Melayu seperti *Bawang Putih Bawang Merah serta Puteri Gunung Ledang* sebagai bahan kajian untuk melihat tradisi lisan yang wujud dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, jelaslah bahawa melalui kajian ini mendapati bahawa pengkaji lebih menfokuskan kepada cerita rakyat bersesuian agar setiap masyarakat mengetahui tentang cerita tersebut.



FYP FTKW

Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam kajiannya *Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* membincangkan mengenai naratif lisan sebagai sebuah wadah penceritaan yang dapat membentuk sebuah kebudayaan yang tinggi melalui adat resam serta gaya hidup masyarakat Melayu. Melalui kajian ini juga mendapati bahawa pengkaji menfokuskan kepada dua objektif kajian sahaja seperti mengenal pasti serta menganalisis unsur kebudayaan yang terdapat dalam *Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Melalui kajian ini juga teori pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan sebagai deduktif kajian. Pengkaji juga menggunakan penyelidikan kualitatif yang melibatkan kepada kaedah kepustakaan serta menganalisis teks tersebut. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa cerita rakyat memberi dampak yang positif kepada pembaca kerana terdapat pelbagai pengajaran didalamnya.

Rahimah Hamdan & Alya Batrisya Annuar (2020) telah membincangkan tajuk berkaitan dengan *Perspektif 'Melayu Malas' dan Melayu Bodoh' oleh Barat serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu.* Kajian ini menyentuh mengenai stigma negatif yang dibawa oleh penjajahan Barat di Alam Melayu bahawa masyarakat peribumi sebagai seorang yang mempunyai kelemahan dari sudut kepimpinan serta mereka perlu untuk dibimbing. Matlamat pengkajian ini dilakukan bertujuan untuk menepis stigma penjajah barat mengenai 'Melayu bodoh dan 'Melayu Malas' dengan menjalankan beberapa objektif seperti mengenal pasti dan menganalisis kebenaran tentang perspektif penjajahan barat mengenai 'Melayu bodoh dan 'Melayu Malas' berdasarkan cerita jenaka Melayu. Pengkaji menggunakan kaedah menganalisis teks dengan menggunakan empat buah cerita Jenaka Melayu seperti *Pak Belalang*, *Pak Pandir* dan *Si Luncai*. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kurangnya sikap berkerjasama dan kurang berusaha telah menyokong stigma penjajahan barat bahawa



FYP FTKW

Melayu Malas dan Melayu Bodoh. Kesimpulannya, perspektif terhadap karya-karya sastera Melayu ini mampu merosokkan imej masyarakat Melayu kepada masyarakat.

Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), telah melakukan sebuah kajian iaitu *Akal Budi dalam Naratif Lisan penduduk Kota Baharu,Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan.* Melalui kajian ini, pengkaji telah menfokuskan tentang akal budi dalam naratif lisan terhadap penduduk di Kota Bharu,Kelantan. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis akal budi yang terdapat dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini menggunakan satu pendekatan iaitu teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan sebagai untuk melengkapkan sebuah kajian. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu yang melibatkan tentang kepustakaan dan kajian lapangan bertujuan untuk memastikan setiap maklumat yang telah diperolehi adalah tepat. Berdasarkan hasil kajian naratif lisan ini mendapati terdapat unsur akal budi seperti berani kerana benar, rasional, daya usaha serta ikhlas yang membentuk kepada keperibadian seseorang individu kearah lebih baik.

Selain itu, kajian daripada Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi kajiannya *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu* membincangkan mengenai cerita rakyat kepada corak kehidupan masyarakat Melayu pada masa lampau. Melalui kajian ini terdapat dua objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji lepas ini iaitu mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai islam dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif iaitu berkaitan dengan kaedah perpustakaan dan kajian teks. Di samping itu juga, teori takmilah digunakan bagi memantapkan hasil kajian serta kajian ini terbatas kepada beberapa



FYP FTKW

cerita rakyat sahaja seperti *Kelakatu Sombong, Ditelan Yu, Mengapa Bangau Kurus, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, bertukar Menjadi Batu,Bukit serta Pokok dan Setiakawan*. Hasil kajian ini mendapati bahawa nilai-nilai islam dalam cerita rakyat ini dapat diterapkan dalam masyarakat zaman dahulu untuk membentuk masyarakat yang mempunyai akhlak yang mulia.

Nur Ezatull Fadtehah Hedel, Mary Fatimah Subet dalam kajiannya *Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuistif (2020)* merumuskan peristiwa aneh yang dimasukkan dalam sesebuah kajian yang melibatkan cerita rakyat adalah bagi menarik minat pembaca untuk mendalami sebuah karya itu dengan lebih menyeluruh. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui artikel ini pengkaji lepas ingin menimbulkan perasaan teruja serta tanda tanya dalam diri pembaca kerana seperti kita ketahui, peristiwa aneh ini bersifat tersirat. Melalui kajian ini, pengkaji lepas telah menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif dari Jallaluddin (2014) serta menggunakan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang digagaskan oleh Kempsin (1986). Kaedah kajian yang telah digunakan oleh pengkaji lepas dalam kajian ini ialah bentuk kualitatif iaitu dengan menganalisis teks yang telah dibukukan. Antara teks yang digunakan bagi menghasilkan kajian ini ialah *Antologi Enam Hikayat* karya Nor (2016) dengan menghuraikan dengan lebih terperinci 10 jenis peristiwa aneh. Kesimpulannya, jelaslah bahawa pengkaji menggunakan kedua-dua pendekatan tersebut bagi menjawab setiap persoalan tentang kejadian aneh yang berlaku dalam cerita rakyat berpandukan kepada teori kognitif serta data bagi membentuk akal budi yang bersahsiah.

FYP FTKW

Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marliina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi & Maizira Abdul Majid (2020) dalam kajiannya *Hubungan dan Pemerintahan dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan* merumuskan bahawa kajian lepas ini dapat melihat sejauh mana stigma masyarakat terhadap pemerintah menerusi cerita rakyat Melayu. Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa terdapat dua objektif kajian yang telah dibangkitkan iaitu mengenal pasti hubungan antara rakyat serta pemerintah melalui cerita- cerita lisan di Pahang dan menganalisis kesan hubungan timbal balik antara rakyat serta pemimpin menerusi tradisi lisan menggunakan teori Kepimpinan. Pengkaji lepas telah mengguanakan kajian kepustakaan dan kaedah analisis teks cerita rakyat Pahang karya Zakaria Hitam. Oleh itu, ia dapat dilihat bahawa kajian lepas ini dilaksanakan bagi menonjolkan pengaruh kepimpinan tradisional yang dapat memberikan kesan timbal balik melalui hubungan pemerintah dan rakyat yang berfungsi sebgai pembentukan sistem sosial masyarakat Melayu.

Muhammad Nur Al- Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Kemanusian Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah* merumuskan tentang nilai-nilai islam yang mencerminkan corak kehidupan masyarakat Melayu. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita lisan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan rujukan teks bagi menghasilkan kajian yang lebih sistematik. Teori Takmilah diaplikasikan bertujuan untuk memantapkan setiap analisis yang telah dikupas. Berdasarkan kajian ini dapat dirumuskan bahawa nilai-nilai kemanusiaan banyak dibuktikan menerusi cerita lisan yang mampu menghasilkan masyarakat ke arah yang lebih baik dan bertamadun.



FYP FTKW

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah dalam kajiannya *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu (*2021) membincangkan mengenai cerita lisan Melayu mempunyai keistimewaannya yang tersendiri kerana terselit pelbagai unsur nasihat dan sindiran dan pengajaran kepada masyarakat. Melalui kajian ini, pengkaji telah membataskan kepada 12 cerita lisan Melayu menerusi *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Bagi mendapatkan analisis kajian yang bertepatan dengan kajian, teori budaya telah digunakan. Oleh itu, jelaslah bahawa unsur spiritual telah diketengahkan dalam cerita lisan Melayu kerana ia dapat menarik minat masyarakat untuk dijadikan sebagai bahan penceritaan di samping dapat memberi tauladan dalam menjadi insan yang baik.

Muhammad Irfan Waqiuddin Hasanudin, Mohd Affiq Affandy Azlizan & Muhd Norizam Jamian (2021) dalam kajiannya *Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya*. Kajian ini membincangkan mengenai perbezaan yang wujud dalam teks cerita daripada Malaysia dan Indonesia. Hal ini dapat dilihat apabila wujud perbezaan latar budaya antara kedua-duanya. Kajian ini menfokuskan kepada menganalisis latar budaya yang wujud dalam *cerita rakyat Bawang Putih Bawang Merah* di Malaysia dan Indonesia. Penyelidikan secara kualitatif seperti kaedah kepustakaan telah digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk membantu hasil dapatan kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat tiga unsur kebudayaan yang dikemukan seperti ekonomi, agama dan kepercayaan serta bahasa. Oleh itu, jelaslah bahawa daripada kajian ini dapat membuka mata masyarakat Melayu tentang perbezaan yang wujud dalam kedua-dua versi tersebut serta dapat menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan unsur budaya masyarakat di Indonesia.



FYP FTKW

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak (2021) dalam kajiannya *Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang:Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan* membincangkan mengenai kesan cerita lisan dalam memastikan cerita ini tidak pupus dek zaman serta masyarakat Orang Asli mengetahui mengenai cerita rakyat lisan ini. Kajian ini menfokuskan kepada menganalisis pemuliharaan cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun di samping berusaha dengan gigih untuk mengekalkan setiap generasi itu. Pengkaji menggunakan pemerhatian berdasarkan kaedah penyelidikan kualitatif dengan melakukan kaedah kajian lapangan serta kaedah temu bual. Pengkaji lepas ini juga membataskan kajian pada Kampung Sungai Mok, Rompin, Pahang. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian lepas ini telah membuka minda orang ramai untuk memulihara cerita lisan ini supaya terus kekal dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun kerana seperti kita ketahui cerita tersebut terdapat banyak pengajaran serta nilai moral terkandung di dalamnya.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor dalam kajiannya *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak* (2021) menyatakan bahawa pedagogi responsif budaya adalah pembelajaran yang berasaskan kepada menyampaikan ilmu pengetahuan, membantu dalam mendidik pembentukan tingkah laku seseorang pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan nilai-nilai murni serta pengajaran yang tersirat dan tersurat di dalamnya. Pengkaji lepas menjalankan kajian ini kepada sekumpulan kanak-kanak yang berumur empat tahun sehingga enam tahun di sebuah tabika di Tangkak, Johor. Hal ini telah membuktikan bahawa kajian lepas ini menggunakan kaedah temubual dalam menbantu bagi mendapatkan dapatan kajian yang tepat. Kesimpulannya, kajian tersebut telah



FYP FTKW

membentuk psikologi kanak-kanak untuk menjadi manusia yang lebih beradab serta mempunyai akhlak yang baik.

Mohd Firdaus Bin Che Yaacob, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanapiah (2021) melalui kajiannya *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Karya dan Khalayak* menceritakan mengenai nilai-nilai islam yang mampu membentuk kepada sahsiah dan akhlak yang terpuji. Dua objektif kajian telah dipilih untuk bagi melaksanakan kajian ini iaitu mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah perpustakaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, sebuah buku digunakan bagi menjalankan kajian ini iaitu *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2017) karya Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusof & Fatimah Abdul Nasir sebagai bahan utama kajian ini. Kajian ini juga mengaplikasikan teori takmilah melalui pendekatan karya untuk mencapai dua objektif kajian tersebut.Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa nilai-nilai yang dikaji dapat membentuk sahsiah serta dapat membina nilai yang baik dalam diri seseorang menjadi berakhlak yang terpuji.

Nur Yuhanis Mohd Nasir, Rahmah Bujang & Eizan Mat Hussain (2021) dalam kajiannya *Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan* merumuskan mengenai adaptasi kisah *legenda Puteri Saadong* yang didapati menerusi teks sastera tradisional Melayu menggunakan animasi dua demensi (2D) dengan cara persembahan bangsawan. Melalui kajian lepas ini, mendapati bahawa terdapat objektif jelas yang ingin ditonjolkan oleh pengkaji iaitu bagi mengenal pasti serta menganalisis *Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong dalam teks atau persembahan.* Menerusi kajian ini juga mendapati bahawa reka bentuk kualitatif bagi mendapatkan maklumat secara lebih tepat dan terperinci. Oleh itu, jelaslah bahawa animasi salah satu



FYP FTKW

perantaraan adaptasi yang bersesuaian bagi mempersembahkan kandungan yang lama kepada generasi muda kini.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan & Nur Samsiah Mazlan (2021) dalam kajiannya iaitu *Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja Melalui Media Animasi* merumuskan mengenai keberkesanan tentang cerita rakyat dalam kelompok kanak-kanak serta remaja menerusi animasi. Objektif kajian ini ialah bagi mengenal pasti serta menganalisis keberkesanan animasi kepada golongan kanak-kanak dalam cerita rakyat. Pengkaji lepas ini juga membataskan kajian dengan menggunakan beberapa cerita lisan *Sombong Membawa Padah, Si luncai dengan Labu-labunya serta bersikap jujur dan Kasih Sayang Keluarga yang terdapat dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia.* Seterusnya, kaedah kepustakaan serta teks telah digunakan bagi memastikan kajian yang dilakukan lebih bersifat kritis. Pendekatan Gunaan dalam cabang Teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan sebagai deduktif kajian. Oleh itu, media animasi adalah satu perkara yang berguna bagi memastikan cerita lisan ini dapat dikekalkan kepada generasi menerusi generasi lain.

Seterusnya, Melalui kajian yang telah dihasilkan oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) yang bertajuk *Naratif Puteri dan Santubong dan Puteri Sejinjing Mepertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* membincangkan tentang makna tersirat melalui sastera rakyat Melayu di Sarawak. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis maksud tersirat melalui sastera rakyat Melayu di Sarawak merupakan salah satu objektif kajian utama. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan data sekunder iaitu himpunan lagu rakyat yang dibukukan bertajuk *Koleksi Lagu-Lagu Koir* serta menggunakan teori daripada Superber dan



FYP FTKW

Wilson iaitu teori Relevans. Oleh itu, melalui kajian ini dapat dirumuskan bahawa terdapat mesej yang tersirat yang dikaji oleh pengkaji lepas ini serta ia dapat meluaskan ilmu pengetahuan tentang sesuatu perkara yang baharu.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob & Muhammad Al-Hakim Mohamad Hanapiah (2021) dalam kajiannya *Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah* membincangkan tentang nilai-nilai islam yang boleh dijadikan sebagai pengajaran. Melalui kajian ini terdapat dua objektif kajian yang ingin dicapai iaitu mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai Islam yang terdapat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia.* Bagi metodologi kajian pula menggunakan kaedah kualitatif serta mengaplikasikan teori takmilah sebagai deduktif kajian untuk memantapkan sebuah kajian. Sehubungan dengan itu, rumusan daripada kajian ini mendapati bahawa nilai-nilai yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat ini mampu membentuk akhlak yang baik serta menjadi sumber rujukan ilmu pengetahuan bagi membentuk insan yang lebih baik.

Intan Sazima (2021) dalam kajiannya *Wadah Pemikiran dan Konsep Kepercayaan Dalam Sastera Lisan Bagi Masyarakat Asli Jah Hut* menbincangkan mengenai sastera lisan merupakan sebuah medium dalam menyampaikan pemikiran serta konsep kepercayaan dalam diri Orang Asli Jah Hut. Menerusi kajian ini sebanyak tiga objektif kajian telah dikaji seperti mengenal pasti sastera lisan masyarakat Orang Asli Haj Hut di Temerloh Pahang serta menganalisis kepentingan sastera lisan terhadap generasi muda dan mengkaji kepentingan sastera lisan terhadap generasi muda Orang Asli Jah Hut di Temerloh Pahang. Pengkaji menggunakan teori budaya kerana sejajar dengan gaya hidup masyarakat. Oeh itu, kajian lepas ini dapat dirumuskan bahawa



FYP FTKW

sastera lisan merupakan sebuah khazanah yang banyak menerapkan nilai-nilai positif yang mampu mengubah gaya hidup masyarakat.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan & Nur Shamsiah Mazlan (2021) dalam kajiannya *Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja Melalui Media Animasi* merumuskan industri animasi yang dapat menarik minat remaja menerusi watak-wataknya. Objektif kajian ini dilakukan ialah untuk mengenal pasti serta menganalisis keberkesanan media animasi kepada golongan kanak-kanak melalui cerita rakyat. Kajian ini pula menggunakan pendekatan kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Gunaan digunakan sebagai deduktif kajian bagi memastikan setiap kajian yang dijalankan lebih bersifat ilmiah dan dapat menyempurnakan hasil kajian. Oleh itu, kesimpulan daripada kajian ini mendapati bahawa cerita rakyat dapat dipopularkan dengan menggunakan medium media animasi kerana ia berhasil menarik minat kanak-kanak untuk lebih memahami tentang cerita rakyat.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aisyah Jusoh (2021) dalam kajiannya *Polimik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidik Moral Kepada Kanak-Kanak* merumuskan tentang polimik yang terkandung dalam cerita rakyat membawa kepada pembentukan moral kepada kanak-kanak. Objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti serta membincangkan polimik yang terdapat dalam beberapa cerita rakyat terpilih kepada pembentukan moral kanak-kanak. Kajian ini membataskan kepada beberapa buah cerita rakyat seperti *Menuntut Bela, Melanggar Janji, Puteri Sejinjing dan Puteri*



FYP FTKW

*Santubong, Kapak Emas, Pemberu tidak tahu bersyukur dan Bawang Putih Bawang Merah* berdasarkan teks *366 Cerita Rakyat Malaysia*. Pendekatan kualitatif digunakan melalui kaedah kepustakan serta kajian teks manakala deduktif kajian pula mengaplikasikan pendekatan Takmilah melalui prinsip hubungan karya dengan khalayak yang bertujuan untuk memantapkan hasil kajian yang telah dilaksanakan. Kesimpulannya, cerita rakyat ini dapat membantu pembentukan moral dalam diri kanak-kanak melalui unsur polimik.

Selain itu, Noorzatul Hidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal, Nasirin Abdullah (2021) dalam kajiannya bertajuk *Ritual dalam Cerita rakyat di Mukin Bebar, pekan, Pahang, Malaysia* membincangkan mengenai kepercayaan yang terdapat dalam cerita rakyat sesebuah tempat. Objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti serta membincangkan mengenai ritual yang terdapat dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan kerja lapangan serta kaedah temu bual yang mengaitkan penduduk di Mukim Bebar Pekan, Pahang yang menjadi tukang cerita. Di samping itu juga, pengkaji dari kajian lepas ini mengaplikasi teori fungsionalisme untuk memastikan sebuah kajian menjadi lebih berkualiti.Melalui hasil kajian ini mendapati bahawa kebudayaan Masyarakat Melayu ini mempunyai hubung kait yang dekat dengan ritual yang terdapat menerusi ceirta rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat sehingga kini.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* merumuskan keistimewaan cerita rakyat yang membentuk nilai ketamadunan dalam masyarakat Melayu. Kajian ini



FYP FTKW

menggunakan dua objektif iaitu mengenal pasti serta menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang terkandung di dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Pengkaji membataskan kajian kepada beberapa cerita rakyat iaitu *Puja Berubat, Sungai Ketapang, Tujuh Bersaudara dan Semangat Laut.* Kaedah kualitatif digunakan menerusi kajian analisis teks yang telah dipilih serta menggunakan pendekatan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral bagi memastikan penyelidikan dijalankan dengan sempurna. Hasil rumusan keseluruhan mendapati cerita rakyat di Tumpat, Kelantan ini mampu membentuk nilai ketamadun yang tinggi dalam diri seseorang masyarakat Melayu.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) dalam kajiannya *Kawalan Sosial dalam Cerita Rakyat Melayu di Pasir Mas, Kelantan* menbincangkan mengenai nilai yang menjadi sebuah bahan kawalan sosial dalam cerita rakyat Melayu seharusnya dilakukan penyelidikannya. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat Melayu semakin dilupakan sejajar dengan arus kemodenan walaupun terdapat banyak kelebihan yang boleh didapati dalam cerita rakyat tersebut. Kajian lepas ini menfokuskan kepada mengenal pasti serta menganalisis kawalan sosial menerusi cerita rakyat Melayu di Pasir Mas, Kelantan. Teori Takmilah digunakan dalam kajian ini kerana bersesuaian dengan analisis kajian yang telah dikaji oleh penulis ini. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah temu bual serta menganalisis teks bagi mendapatkan maklumat yang terperinci untuk menghasilkan dapatan kajian. Oleh itu, kajian lepas ini telah membuktikan bahawa cerita rakyat ini kaya dengan nilai-nilai yang boleh menjadi kepada kawalan sosial.



FYP FTKW

Tambahan pula, Siti Noridayu Abd Nasir & Hazlina Abdul Halim (2022) dalam kajiannya *Elemen dalam Buku Cerita Binatang sebagai Sumber Pemerolehan Bahasa Murid Lembam*. Penghasilan bahan sastera yang berbentuk buku cerita binatang adalah salah satu bahan yang dapat menarik minat pelajar untuk membaca buku tersebut. Hal ini kerana setiap penghasilan buku cerita binatang ini berkonsepkan kepada mudah untuk difahami, penggunaan imej yang berwarna dan teks yang ditulis adalah besar dan ianya dianggap bersesuaian bagi pelajar lembam. Menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa ia menfokuskan kepada dua buah cerita binatang kanak-kanak dengan mengenal pasti unsur yang mampu menarik minat perhatian pelajar yang mempunyai masalah lembam. Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif dengan melakukan pemerhatian di negeri Perlis keatas seorang pelajar lelaki. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa buku cerita binatang berkesan untuk membantu murid lembam untuk lebih mengenal tulisan. Oleh itu, jelaslah bahawa buku cerita binatang menjadi satu elemen yang penting dalam membentuk pemikiran murid lembam kearah yang lebih baik serta ia juga mampu membantu mereka untuk tertarik dengan pembelajaran.

Nor Muhammad Shahir Nordin (2022) menerusi kajiannya iaitu *Unsur Mitos dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menjelaskan mengenai pantang larang, kepercayaan, adat dan prinsip hidup dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Selain itu,kajian ini hanya terbatas kepada 30 cerita rakyat sahaja dipilih seperti *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Bisu,keasyikan Suara Buluh perindu,Tok Karim Guru Silat Masyur, Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu, Kehebatan Laksamana Laut, Raja Sakti Perintah yang berwibawa, Kegemilangan Pengkalan Datu, Haji long Abdul Rahman,*



FYP FTKW

*Kezaliman Seorang Raja,Rumah Api Penyelamat Saudagar,Pemujaan Pantai,Kisah Sekumpulan Tupai, Kebijaksanaan burung Hantu, Pemujaan Tok Mekong, Kubang Dek, Tok Perindu, Berpuakakah Kanva Pengkalan Parit?, Bidan Tok Esah, Kelawar Suka Keluar Malam, Milik siapakah Saka itu?, Kehebatan Pawang Ali, Keajaiban Kera Putih, Misteri Gajah berkaki Enam, Disorok Jin, Jelmaan Mok Kurus, Kehebatan Bomoh Siam, Misteri Batu Hampar, Kain Sutera Cina, Jelmaan Saka Harimau dalam teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob dan *Mok Su Nab Tok Bomoh Ular.* Melalui kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan serta rujukan berdasarkan teks yang telah dipilih. Pendekatan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan firasat digunakan bagi menyempurnakan penyelidikan ini. Kesimpulan daripada hasil kajian ini mendapati bahawa unsur mitos merupakan sebuah cerita yang menarik serta boleh dijadikan panduan kepada masyarakat untuk diaplikasi dalam kehidupan.

Nur Erieyana Hassan (2022) dalam kajiannya iaitu *Kepercayaan Terhadap Cerita Asal Usul dalam Masyarakat Kampung Gajah: Satu Kajian Naratif Lisan*. Melalui kajian ini daoat dilihat bahawa pengkaji untuk menelusuri dengan lebih mendalam mengenai kepercayaan terhadap Cerita Asal Usul dalam Masyarakat Kampung Gajah. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat pelbagai stigma yang berbeza mengenai kepercayaan tentang asal usul kampung tersebut. Terdapat tiga objektif kajian yang dibincangkan iaitu mengenal pasti jenis dan versi cerita asal usul dalam masyarakat Kampung Gajah, menganalisis kepercayaan dan pemikiran penduduk Kampung Gajah mengenai cerita asal tempat tersebut dan menghuraikan impak cerita asal usul terhadap penduduk di Kampung Gajah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif serta mengaplikasikan teori sastera budaya. Melalui kajian ini, ia dapat merumuskan bahawa ia mampu meneroka tempat yang baharu serta dapat mengetahui dengan lebih



FYP FTKW

mendalam tentang perkampungan tersebut. Akhirnya, dapat dilihat bahawa dengan adanya kewujudan pelbagai versi cerita tentang Kampung Gajah ini ia dapat membuka pengetahuan dengan lebih meluas mengenai setiap kepercayaan yang dipegang oleh penduduk kampung menerusi cerita asal usul.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Lagenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Melalui kajian ini dapat dilihat pelbagai nilai telah diselitkan bertujuan untuk mendedahkan kepada masyarakat bahawa terdapat banyak nilai-nilai yang tersirat dalam cerita lagenda. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai cerita lagenda yang penuh dengan nilai-nilai murni serta menjadi keagungan sejarah serta mentaliti masyarakat yang menganggap bahawa ia hanya bersifat khayalan, fantasia tau bersifat hiburan semata-mata. Pengkaji melakukan kajian ini bagi mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita lagenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Menerusi kajian ini kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan, kaedah temu bual dan kaedah menganalisis teks. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat nilai-nilai seperti hormat-menghormati, hemah tinggi dan kasih-sayang. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks yang terpilih dapat dijadikan sebagai pengajaran untuk membentuk keperibadian diri ke arah insan yang lebih baik.

Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi & Nordiana Ab Jabar (2022) dalam kajiannya *Kisah Sang Kancil dan Harimau Sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi dalam Kalangan Kanak-Kanak* merumuskan bahawa menerusi cerita binatang terdapat pelbagai nilai murni yang tersirat yang membawa kepada nilai-nilai murni yang



FYP FTKW

dapat memberi pengajaran kepada masyarakat. Melalui kajian ini mendapati bahawa terdapat dua objektif kajian yang ingin dirungkai seperti mengenal pasti nilai budaya tinggi yang terkandung dalam cerita rakyat ini dan menganalisis penerapan nilai budaya tinggi yang terkandung dalam *cerita Sang Kancil dan Harimau* kepada kanak-kanak. Pendekatan moral dari cabang teori pengkaedahan Melayu telah digunakan dalam kajian ini yang bertindak sebagai deduktif kajian. Kesimpulannya, kajian lepas ini menunjukkan bahawa perwatakan haiwan dalam cerita rakyat Melayu juga mampu mengambarkan tentang nilai-nilai moral yang dapat mendidik keperibadian diri menjadi insan yang lebih bersahsiah.

Nor Anis Izzati Noridzulhata (2022) melalui kajiannya *Nilai Budi dalam Cerita Asal Usul melalui teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menceritakan berkenaan tentang kejadian alam semesta, sesuatu tempat dan haiwan. Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti serta menganalisis nilai budi yang terdapat dalam cerita asal usul berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif serta menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk melengkapkan sebuah kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana sebanyak tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan pendekatan moral. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat nilai budi yang dirungkai menerusi cerita asal usul seperti nilai berdikari, nilai hemah tinggi, nilai kerajinan dan nilai hormat-menghormati. Sehubungan dengan itu, rumusan daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak nilai murni yang diperolehi yang boleh dijadikan sebagai cerminan dalam kehidupan serta membentuk akhlak yang terpuji.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Mohd Firdaus Che Yaacob,Suriati Ismail,Daeng Haliza Daeng Jamal, Shahrudin Mohamed Som, Farah Atikah Saarif & Nasirin Abdillah (2022) menerusi kajiannya yang bertajuk *Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan.* Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk menepis dakwaan masyarakat bahawa cerita rakyat hanya bersifat ilusi semata-mata serta sekadar bertujuan untuk menghiburkan diri serta tidak mempunyai nilai-nilai murni yang boleh dijadikan sebagai tauladan dalam kehidupan. Kajian ini dijalankan kerana terdapat dua objektif yang perlu dicapai seperti mengenal pasti serta menganalisis nilai murni baik hati berdasarkan kepada keunikan dialek Kelantan yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan.Pengkaji membataskan dengan menggunakan sebanyak sebelas cerita rakyat Melayu yang didapati menerusi sumber yang berada di Bachok,Kelantan sebagai data kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual serta menggunakan pendekatan kemasyarakatan bagi melengkapkan sebuah kajian.Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa melalui kajian ini jelaslah bahawa keunikan dialek Kelantan yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu di Bachok,Kelantan dibuktikan terdapat beberapa penemuan yang menunjukkan sikap ketamadunan seseorang masyarakat pada zaman lampau berdasarkan nilai-nilai murni.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) menerusi kajiannya *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang* menjelaskan mengenai nilai-nilai terpuji yang terdapat pada personaliti Cik Siti Wan Kembang. Objektif kajian bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai murni dalam diri *Cik Siti Wan Kembang.* Kajian ini menggunakan kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan serta teks.Di samping itu juga, deduktif kajian menggunakan teori pengkaedahan melayu melalui pendekatan moral. Menerusi kajian ini mendapati bahawa *Cerita Cik Siti Wan Kembang*



FYP FTKW

ini memiliki banyak nilai-nilai murni yang boleh dijadikan sebagai contoh dalam usaha untuk membina sifat yang terpuji serta sifatnya mampu menjadi cerminan diri dalam membentuk akhlak yang baik.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) menerusi kajiannya *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* membincangkan cerita rakyat ini mampu menjadi sebuah medan yang berguna untuk kanak-kanak menjadi insan yang mempunyai nilai-nilai yang terpuji. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu kepada kanak-kanak sebagai asas pembentukan sosiobudaya. Pendekatan kualitatif iaitu dengan mengaitkan kaedah kepustakaan serta lapangan digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Penggunaan teori takmilah melalui prinsip hubungan khalayak dengan karya juga digunakan dalam kajian ini.Tuntasnya,jelaslah bahawa melalui kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu dapat dikupas yang mampu membentuk sosiobudaya golongan kanak-kanak ke arah yang lebih baik.

Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2022) dalam kajiannya menerusi tajuk *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat untuk orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater* membincangkan tentang pelbagai jenis tradisi lisan yang terdapat dalam cerita rakyat.Tujuan pengkaji melaksanakan kajian ini kerana ingin mengenal pasti cerita rakyat Melayu Sarawak yang mampu berpotensi sebagai satu karya teater sehingga dapat menghasilkan satu dokumentari yang menarik. Kaedah kajian ini menggunakan



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan serta kaedah temubual masyarakat yang berada di Sarawak.Akhirnya, kajian ini dapat dirumuskan bahawa kajian lebih berfokuskan kepada pengumpulan cerita rakyat yang bersesuaian bagi tujuan untuk menghasilkan sebuah dokumentasi yang lebih baik.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2022) dalam kajiannya *Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa*. Menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa melalui cerita rakyat terkandung nilai-nilai positif yang boleh dijadikan sebagai bahan didaktik atau mampu mendidik golongan masyarakat. Kajian ini juga menfokuskan kepada untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur nilai positif yang terdapat dalam sastera rakyat di Kelantan sebagai medium didaktik kepada golongan desa. Pendekatan kualitatif telah digunakan yang melibatkan dengan kaedah kepustakaan, kaedah lapangan berbentuk temubual serta analisis kajian. Teori Takmilah digunakan bagi menyokong dapat kajian menjadi lebih kritis. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat nilai merendah diri, nilai bersyukur dan nilai persahabatan. Kesimpulannya, masyarakat Melayu yang mengaplikasikan setiap nilai tersebut dapat membentuk peribadi yang baik. Oleh itu, dengan adanya kajian ini dapat mengelakkan daripada berlakunya masyarakat yang berpecah belah serta dapat mewujudkan masyarakat yang sentiasa harmoni.

Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) dalam kajiannya *Interaksi Sosioekonomi dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepimpinan Terhadap Kanak-Kanak dan Remaja* dirumuskan tentang cerita rakyat Kilatan Emas memiliki interaksi sosioekonomi. Melalui kajian ini terdapat dua objektif kajian yang dikaji iaitu mengenal pasti dan menganalisis interaksi sosioekonomi



FYP FTKW

dalam cerita rakyat *Kilatan Emas* berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji membataskan kajian dengan melakukan penelitian terhadap aspek kepimpinan melalui cerita rakyat *Kilatan Emas.* Pendekatan kualitatif menerusi kaedah kepustakaan serta lapangan digunakan untuk memantapkan hasil kajian. Deduktif kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan masyarakat untuk menganalisis kajian dengan lebih utuh. Menerusi hasil kajian ini mendapati cerita rakyat *Kilatan Emas* terdapat interaksi sosioekonomi yang ditonjolkan iaitu melalui aspek kepimpinan terhadap kanak-kanak serta remaja di samping dapat mengekalkan tradisi kebudayaan masyarakat Melayu. Kesimpulannya, kajian ini menonjolkan sikap kepimpinan kepada kanak-kanak dan remaja menerusi interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat Kilatan Emas serta dapat tradisi budaya masyarakat Melayu dapat dikekalkan.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2.3 Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-Karya Sastera Melayu.

Johari Yahaya (2015) dalam kajiannya *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu.* Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menfokuskan pelbagai aspek seperti sindiran, gurauan serta bentuk nasihat yang disampaikan menerusi pantun Peribahasa Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral dan gunaan digunakan bagi menghasilkan sesebuah penyelidikan yang mantap. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks untuk mendapat hasil analisis yang sistematik. Rumusan daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak nilai yang ditemui menerusi pantun tersebut yang dapat dijadikan sebagai pengajaran serta panduan dalam kehidupan seseorang individu.

Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2016) dalam kajiannya *Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu* membincangkan mengenai unsur alam iaitu padi dengan menggunakan makna yang tersirat. Hal ini dikatakan demikian kerana tanda-tanda yang terdapat pada padi dijadikan sebagai satu unsur peringatan, atau teguran kepada masyarakat menerusi peribahasa Melayu. Teori pengkaedahan Melayu yang melibatkan kepada pendekatan firasat dijadikan sebagai deduktif kajian. Kesimpulannya, padi dijadikan sebagai unsur tersirat yang berperanan dalam memastikan hubungan persaudaraan serta dapat membina akhlak yang baik menerusi daripada penghasilan peribahasa.

Roslina Abu Bakar & Aone Engelenhoven (2016) dalam kajiannya *Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* membincangkan mengenai cara hidup dan budaya yang diceritakan menerusi teks *Hikayat Pelanduk*



FYP FTKW

*Jenaka.* Hal ini dikatakan demikian kerana karya ini membahas mengenai kisah kehidupan binatang yang hidup di rimba serta lautan yang telah dipersonifikasi oleh penulisnya. Melalui kajian lepas ini dapat dilihat bahawa penggunaan teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang sebagai deduktif kajian. Pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi mendapatkan hasil dapatan kajian yang bertepatan dengan tajuk yang dikaji. Oleh itu, kajian ini dapat mengambarkan tentang hubungan antara alam serta masyarakat Melayu yang bertujuan untuk memberi peringatan serta unsur nasihat didalamnya yang dapat memberikan pengajaran berguna kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan sehariannya.

Mazarul Hassan Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali & Mohd Rosli Saludin dalam kajiannya *Simbol Dalam Mantera Menurut Kepercayaan Orang Melayu* (2016) merumuskan bahawa mantera mampu mempengaruhi pemikiran seseorang untuk menjadikan diri lebih baik dalam kehidupan serta kehidupan bermasyarakat. Melalui kajian ini juga menfokuskan kepada mengenal pasti simbol yang terdapat dalam mantera dan menghuraikan tentang fungsi simbol yang wujud dalam mantera dengan kepercayaan masyarakat Melayu. Selain itu juga, teori pengkaedahan Melayu seperti pendekatan firasat juga digunakan kerana dianggap sebagai bersesuaian dengan tafsiran pendekatan tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa simbol dalam sebuah mantera menjadi sesuatu aspek yang penting bagi mengambarkan kepercayaan masyarakat tentang sesuatu perkara.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) dalam kajiannya *Panerapan Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan dalam Masyarakat Melayu* membincangkan mengenai nilai-



FYP FTKW

nilai murni yang sarat dalam cerita rakyat Melayu dapat dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat. Pengkaji menggunakan dua objektif kajian seperti mengenal pasti nilai kasih sayang dan keadilan yang terdapat menerusi cerita rakyat Melayu. Teori pengkaedahan Melayu digunakan dalam kajian lepas ini bagi menyokong analisis kajian. Analisis kajian yang dapat dilihat dalam kajian ini adalah mengenai nilai-nilai murni seperti nilai keadilan dan nilai kasih-sayang. Kesimpulannya, pengkaji telah membuktikan melalui kajian lepas ini bahawa cerita rakyat Melayu kaya dengan pelbagai nilai-nilai murni boleh membentuk minda seseorang individu sejak dari kecil lagi.

Syaidul Azam Kamarudin & Arbai 'e sujud (2017) menerusi karyanya iaitu *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang jati diri Melayu yang terdapat dalam kumpulan puisi. Terdapat banyak hal yang telah dikupas menerusi teks kumpulan puisi yang terpilih untuk merungkai mengenai jati diri Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan serta mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu. Pengkaji menjalankan kajian dengan terbatas iaitu melalui teks *kumpulan puisi A. Aziz Deraman seperti Suara Gunung Kehidupan serta Gelora Nurani.* Hasil dapatan kajian mendapati terdapat jati diri menerusi aspek agama dan aspek budaya. Sehubungan dengan itu, rumusan daripada kajian ini mendapati jati diri ini seharusnya dipertahankan dalam kehidupan masyarakat Melayu serta membentuk sahsiah diri untuk menjadi insan yang lebih baik.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam kajiannya iaitu *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* membincangkan mengenai nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks tersebut. Kajian ini menggunakan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti



FYP FTKW

dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan digunakan untuk menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks tersebut. Pengkaji membataskan kajian ini dengan 43 naratif lisan telah diperolehi daripada sumber-sumber di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Rumusan daripada hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak nilai yang diperolehi menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dapat dijadikan sebagai bahan pembelajaran kepada masyarakat Melayu.

Che Abdullah Che Ya (2018) menerusi kajiannya *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang mengolah realiti Masyarakat Melayu menerusi *Bedar Sukma.* Penyelidikan ini mengambarkan keadaan realiti masyarakat Melayu pada zaman sebelum perang Dunia Kedua sehingga baru-baru ini di Malaysia. Teks ini membincangkan mengenai penglibatan orang Melayu dalam dunia korparat, keimanan serta persoalan tentang kepercayaan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif serta menggunakan rujukan analisis kandungan teks untuk mendapatkan setiap data yang tepat serta memantapkan hasil penyelidikan ini. Melalui kajian ini, teori pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan bagi memastikan setiap hasil kajian lebih bermutu. Rumusan daripada kajian ini mendapati bahawa teks *Sukma Bakti* ini banyak mengupas mengenai kehidupan masyarakat Melayu yang berpegang teguh dengan ajaran agama islam namun mereka masih terikat dengan amalan tradisi serta kepercayaan yang lampau.



FYP FTKW

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam kajiannya *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* merumuskan bahawa cerita rakyat Melayu menjadi sebuah medium dalam menyampaikan nilai-nilai moral. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji lepas telah menfokuskan kepada nilai baik hati untuk melakukan sebuah analisis kajian. Menerusi kajian lepas ini juga, pengkaji menggunakan dua objektif kajian seperti mengenal pasti serta menganalisis nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Di samping itu, teori pengkaedahan Melayu telah digunakan bagi menyokong dapatan kajian yang telah dipilih oleh pengkaji. Oleh itu, nilai baik hati merupakan salah satu nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu tersebut.

Maguna Elistuti (2018) dalam kajiannya *Analisis Nilai-Nilai Moral Dalam Novel "Kembang Turi" Karya Budi Sardjono* merumuskan bahawa terdapat banyak aspek yang positif telah ditonjolkan dalam karya ini yang mampu membentuk peribadi masyarakat Melayu ke arah lebih baik. Melalui kajian lepas ini mendapati bahawa pendekatan moral di bawah cabang teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan bagi menyokong analisis kajian. Kesimpulannya, novel yang dipilih oleh pengkaji mengandungi nilai-nilai positif yang mampu membimbing masyarakat serta dapat memberikan tauladan kepada semua menjadi insan yang lebih bertamadun.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018) dalam kajiannya *Introspeksi Puisi 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* merumuskan mengenai pemikiran yang diajukan oleh Zaen Kasturi mengenai proses dalam pencerminan diri kepada pembaca bagi membentuk diri ke arah yang lebih baik. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi puisi ini dapat dilihat bahawa pengarang ingin membawa pembaca lebih bersifat muhasabah terhadap diri sendiri. Menerusi kajian ini juga dapat dilihat bahawa



FYP FTKW

teori pengkaedahan Melayu digunakan dalam aspek pendekatan keagamaan kerana bersesuaian dengan tajuk kajian. Kajian ini juga telah menunjukkan tentang introspeksi yang terkandung dalam puisi tersebut yang membawa kepada unsur dakwah. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian lepas ini telah menunjukkan bahawa pengkaji ingin membawa pembaca untuk lebih dekat kepada Allah serta mampu mendidik masyarakat Melayu ke arah lebih bertamadun.

Melalui kajian yang dilaksanakan oleh Wan Nurzafirah Wan Zin (2019) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang nilai moral yang terdapat dalam cerpen yang telah dipilih oleh pengkaji. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan yang terkandung dalam kehidupan masyarakat dalam cerpen "*Saat Terakhir* " serta cerpen " *Dari Tanah ke Tanah"* dan menganalisis unsur-unsur atau nilai moral dalam teks bagi panduan masyarakat. Teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral diaplikasikan dalam penyelidikan ini bertujuan untuk menyempurnakan kajian. Kesimpulannya, rumusan daripada kajian ini mendapati cerpen *Saat Terakhir dan Dari Tanah Ke Tanah* mempunyai banyak nilai moral yang dapat membentuk cerminan diri menjadi lebih baik dan mempunyai sifat yang terpuji.

Melalui kajian daripada Wan Khairul Faiz & Wan Kamarul Ariffin (2019) yang bertajuk *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang masalah serta fahaman yang mempunyai kaitan dengan cerpen tersebut. Melalui kajian ini terdapat dua objektif kajian yang telah dikupas iaitu mengenal pasti dan membahaskan kepincangan-kepincangan yang telah berlaku dalam masyarakat berdasarkan cerpen-



FYP FTKW

cerpen yang terpilih dengan memaparkan tentang kehidupan penuh kemungkaran yang berfokuskan kepada masalah keganasan dan salah guna kuasa serta fahaman liberal serta menganalisis dan menonjolkan nilai-nilai serta ajaran agama Islam yang terdapat daripada cerpen-cerpen yang terpilih berdasarkan watak-wataknya. Kajian ini juga menggunakan teori yang digagaskan oleh Hashim Awang iaitu Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan agama serta diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan masyarakat. Oleh itu, rumusan daripada kajian ini mendapati terdapat beberapa nilai yang dapat dikupas serta penggunaan pendekatan masyarakat ini dapat memberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai kajian yang dijalankan serta ia dapat mengenal pasti serta mengetahui solusi terhadap segala masalah yang berleluasa di dalam masyarakat.

Berdasarkan Kajian yang dijalankan oleh Nurul Nasuha Mohd Rosle, Zubir Idris (2019) dengan tajuknya *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan* menbincangkan nilai-nilai islam yang menerusi teks *Hikayat Nabi Adam* menggunakan Pendekatan Keagamaan. Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada sejarah asal usul Nabi Adam serta mengupas mengenai nilai-nilai islam yang terkandung dalam teks bersandarkan Al-Quran dan hadis. Pendekatan Keagamaan menerusi Pendekatan Dakwah, Pendekatan Seni dan Pendekatan Kemasyarakatan digunakan sebagai deduktif kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan tersebut digunakan bagi menonjolkan analisis teks yang berfungsi sebagai wadah dalam membentuk diri menjadi insan patuh kepada Allah SWT dan dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan dalam diri. Rumusan daripada kajian ini mendapati terdapat banyak nilai yang mampu dijadikan pengajaran serta tauladan dalam membentuk insan yang mempunyai akhlak yang baik serta terpuji.



FYP FTKW

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin dalam kajiannya *Pendidikan Anak-anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* (2019) membincangkan mengenai surah al-Luqman sebagai panduan dalam proses pendidikan untuk membentuk sahsiah kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi surah tersebut terdapat kata-kata nasihat terhadap anak-anak. Kajian lepas ini berfokuskan kepada menganalisis pendidikan anak-anak melalui surah Luqman yang bertujuan bagi melihat pendidikan yang berpandukan kepada al-Quran. Pengkaji menggunakan pendekatan kemasyarakatan yang merupakan salah satu cabang dalam teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Oleh itu, kajian ini telah menunjukkan bahawa surah Luqman menjadi memberi sumbangan yang besar dalam membentuk serta mendidik anak-anak menjadi insan yang mempunyai keunggulan ketamadunan yang tinggi.

Azlin Mohd Rosdi, Siti Zubaidah Raja Mohamed, Salmiah Mohd Md Salleh & Anida Mohd Idrus dalam kajiannya *Tahap Kesediaan Aplikasi C-Pantun Sebagai Satu Kaedah Baharu dalam Penciptaan Pantun Melayu* (2020) merumuskan bahawa pantun ditafsirkan sebagai satu perkara yang sering digunakan dalam kegiatan seharian. Hal ini kerana melalui penggunaan pantun ini terdapat unsur teguran, nasihat serta digunakan dalam aktiviti keramaian. Pengkaji menfokuskan kepada menguji sejauh mana kesedian aplikasi C-pantun menjadi sebuah kaedah yang baharu dalam penciptaan pantun dengan masa yang lebih singkat serta dapat menarik masyarakat generasi kini untuk mengenali pantun. Menerusi kajian ini juga penggunaan teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang telah digunakan bagi menyokong analisis kajian. Oleh itu, jelaslah bahawa *penciptaan Aplikasi C-Pantun* memberi dampak yang baik kepada masyarakat untuk lebih tertarik dengan pantun.



FYP FTKW

Nur Safiah & Mohmad Zakir (2020) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* merumuskan nilai-nilai keislaman dalam cerpen yang terpilih bagi memberikan pengajaran kepada masyarakat. Kajian ini dijalankan berfokuskan kepada mengenal pasti nilai-nilai keislaman yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih menerusi *Seuntai Rindu Firdaus* karya Ana Balqis. Pengkaji membataskan kajian dengan menggunakan teks kumpulan cerpen *Rindu Firdaus* karya Ana Balqis. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini melalui penggunaan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi menghasilkan sebuah kajian yang lebih tersusun dan sistematik. Selain dari itu, Teori pengkaedahan Melayu digunakan sebagai deduktif kajian. Kesimpulannya, melalui kajian ini terdapat banyak nilai keislaman yang dapat dikupas menerusi teks kumpulan cerpen *Rindu Firdaus* yang boleh memberi pengajaran atau tauladan untuk menghasilkan masyarakat yang lebih bertamadun serta mempunyai akhlak yang bersahsiah tinggi.

Norzatul Iqmal Mohd Noor (2020) menerusi kajiannya iaitu *Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih Di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang nilai yang terdapat dalam sesebuah drama.Melalui kajian ini, terdapat dua objektif kajian ialah mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai kemelayuan yang terdapat dalam drama Melayu popular yang terpilih. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan, sumber internet, rujukan teks serta menggunakan Teori pengkaedahan Melayu bagi memastikan setiap penyelidikan lebih mantap dan tersusun. Rumusan daripada kajian ini ialah terdapat banyak nilai kemelayuan yang ditemui daripada drama – drama yang terpilih serta ia telah membentuk kepada individu yang baik serta terdapat banyak pengajaran atau tauladan yang baik yang ditemui.



FYP FTKW

Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) melalui kajiannya iaitu *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayub Melalui Pendekatan Dakwah Islamiah* membincangkan mengenai persoalan dakwah menerusi kumpulan cerpen *Melamar Rindu.* Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur dakwah dalam Kumpulan Cerpen *Melamar Rindu.* Melalui kajian ini, kaedah kualitatif digunakan menerusi kaedah kepustakaan, kaedah melayari internet dan kaedah rujukan teks bagi memastikan setiap kajian yang dijalankan mempunyai input yang tepat. Teori Pengkaedahan Melayu juga diaplikasikan menerusi pengkaedahan keagamaan kerana pendekatan ini paling bersesuaian dengan kajian. Rumusan daripada kajian ini mendapati terdapat banyak unsur dakwah islamiah serta nilai keagamaan yang dapat dikupas menerusi kumpulan cerpen Melamar Rindu yang memfokuskan kepada mencari ketakwaan kepada Allah SWT.

Ab.Rahim & Nurul Safiah (2020) dengan kajiannya bertajuk *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa Karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengkaedahan Melayu* membincangkan mengenai gambaran realiti mengenai kepahlawanan yang terdapat dalam sajak tersebut. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terdapat dua objektif kajian iaitu mengenal pasti, merumuskan, menganalisis serta membincangkan mengenai nilai-nilai kepahlawanan menerusi sajak-sajak terpilih dalam *antologi Suara Wirawan negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan, kaedah rujukan teks serta mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan alamiah dan pengkaedahan keagamaan sebagai deduktif kajian. Melalui kajian ini juga terdapat Batasan kajian dengan menggunakan sebuah antologi sahaja iaitu antologi *Suara Wirawan Negara* Bangsa karya Ramli Abdul



FYP FTKW

Halim.Kesimpulannya, kajian ini merumuskan bahawa terdapat banyak nilai kepahlawanan yang mampu dijadikan pengajaran serta tauladan dan menjadi cerminan masyarakat kearah lebih bertamadun.

Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan dalam kajiannya *Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I* (2020) membincangkan mengenai unsur dakwah yang berkait dengan kehidupan masyarakat Melayu yang terkenal dengan tatasusila hidup serta akal budi. Hal ini dikatakan demikian terdapat pelbagai persoalan mengenai dakwah telah dibincangkan menerusi cerpen-cerpen yang terpilih. Menerusi kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori Pegkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah sebagai deduktif kajian ini. Pengkaji juga menggunakan empat jenis tema yang terkandung dalam cerpen tersebut seperti ilmu, ketakwaan, keadilan serta taubat. Kesimpulannya, kajian lepas ini bertujuan dapat memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat Melayu serta untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Nur Shahirah (2020) dalam kajiannya *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan mengenai sejauhmana nilai-nilai murni masyarakat Melayu berdasarkan cerita rakyat yang telah dipilih. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti serta menganalisis akal budi orang Melayu di dalam cerita rakyat. Kaedah kualitatif digunakan seperti kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks bagi memantapkan sesebuah kajian tersebut. Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan Alamiah serta pengkaedahan Keagamaan digunakan bertujuan memastikan setiap kajian yang dijalankan lebih tersusun. Rumusan daripada kajian ini



FYP FTKW

mendapati bahawa cerita rakyat Malaysia ini penuh dengan nilai-nilai positif kepada masyarakat serta dapat membentuk masyarakat yang lebih bertamadun.

Selain itu, Kajian yang dijalankan Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri (2021) yang bertajuk *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu penelitian Pendekatan Kemasyarakatan* membincangkan kedinamikan citra masyarakat yang dapat memberikan pengajaran kepada golongan remaja.Berdasarkan kajian ini menggunakan dua objektif kajian seperti mengenal pasti, menganalisis, serta merumuskan kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih. Pengkaji membataskan kajian dengan menggunakan tiga buah novel remaja iaitu *Atukku Pejuang* hasil nukilan Faizal Jailani, *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin dan *Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah yang berkisarkan mengenai novel-novel remaja iaitu terbitan pada tahun 2019 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Teori yang diilhamkan oleh Hashim Awang iaitu Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan digunakan sebagai bahan deduktif kajian. Rumusan daripada kajian ini mendapati bahawa novel-novel remaja yang telah dipilih mempunyai sarat nilai-nilai murni yang mampu menjadi wadah dalam pembentukan insan yang berilmu serta bertamadun.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nur Samsiah Maziam & Nasirin Abdillah (2021) dalam kajiannya *Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pendekatan Melayu* membincangkan kehidupan serta kebudayaan masyarakat Melayu menerusi naratif lisan. Objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang terdapat dalam naratif lisan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan serta rujukan



FYP FTKW

teks untuk menhasilkan kajian ini dengan sempurna. Di samping itu juga, Teori pengkaedahan Melayu digunakan sebagai deduktif untuk menjadikan kajian ini lebih bersifat berilmiah serta mempunyai banyak input-input yang lebih menarik. Oleh itu, kajian ini dapat dirumuskan bahawa melalui naratif lisan ini terdapat banyak nilai-nilai moral yang dapat membentuk masyarakat yang lebih bertamadun serta dapat membentuk cerminan diri melalui nilai-nilai moral yang telah ditonjolkan dalam kajian lepas ini.

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menerusi kajiannya *Adat Dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan:Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan mengenai adat dalam teromba sebagai budaya serta amalan hidup masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Kajian ini dilakukan berdasarkan dua objektif yang jelas iaitu mengenal pasti serta menganalisis adat dalam teromba masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Bagi deduktif kajian pula mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu bagi memantapkan penyelidikan yang telah dijalankan. Kajian ini juga membataskan kepada satu rujukan teks yang bertajuk Teromba sebagai alat komunikasi dalam kepimpinan adat pepatih yang dihasilkan oleh Mohd Rosli Saludin.Melalui kajian ini, dapat dirumuskan bahawa teromba ini mampu menjadi sebuah alat yang berfungsi untuk membentuk kebudayaan masyarakat Melayu serta dapat membina jati diri serta setiap adat tidak akan dilupai dengan peredaran zaman.



FYP FTKW

Nur Aisyah Shahira Naimon (2021) dalam kajiannya *Gapura Iman: Citra Keagamaan Pengkaedahan Melayu* merumuskan bahawa melalui karya sastera Melayu dapat dilihat bahawa terdapat nilai-nilai murni. Dalam kajian lepas ini menekankan mengenai citra keagamaan dalam karya sastera iaitu sebagai wadah dalam memupuk peradaban serta memberikan pengajaran dalam mendidik manusia menjadi insan yang mempunyai akhlak yang baik. Pengkaji lepas menfokuskan kajian ini kepada menganalisis mesej keagamaan yang terdapat dalam Novel *Gapura Iman* yang diolah oleh W Kursiah Awang. Kajian lepas ini juga menggunakan teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Seterusnya, penyelidikan ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan memberi tumpuan terhadap analisis teks, kontekstual teks kajian tersebut. Secara kesimpulannya, dapat dilihat bahawa penggunaan teori Pengkaedahan Melayu membawa pengaruh yang tinggi kerana ia dapat menunjukkan tentang kelebihan pengarang dalam menzahirkan elemen keislaman menerusi teks novel tersebut yang mampu memberikan hal yang positif kepada masyarakat Melayu untuk lebih dekat dan taat kepadaNya.

Nur Haifa Rosle (2021) dalam kajiannya *Penenun Cinta: Analisis Sisi Pengkaedahan Melayu* merumuskan bahawa karya sastera menjadi sebuah medium dalam menyampaikan sebuah pengetahuan, pengalaman, penyataan serta maklumat yang dapat dilihat dengan jelas setiap fungsinya. Menerusi kajian lepas ini dapat dilihat bahawa pengkaji ingin menganalisis serta membongkarkan mengenai mesej-mesej keagamaan yang terkandung dalam novel *Penenun Cinta*. Teori pengkaedahan Melayu telah digunakan oleh pengkaji lepas sebagai deduktif kajian pada kali ini. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian ini mengetengahkan teori pengkaedahan Melayu kerana boleh memperlihatkan mengenai kekuatan seorang pengarang dalam menbangkitkan nilai keislaman menerusi teks *Penenun Cinta.*



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Sara Beden (2021) dalam kajiannya *Pengkaedahan Melayu: Manifestasinya Dalam Kumpulan Cerpen Perempuan Kerudung Hitam* merumuskan bahawa pengkaji mengetengahkan cerpen tersebut untuk menyampaikan unsur-unsur keislaman. Melalui kajian lepas ini juga pengkaji telah menganalisis serta memperincikan mesej-mesej keagamaan menerusi tiga jenis cerpen seperti *Perempuan Kerudung Hitam, Pemberian yang Ditolak dan Di Makkah Ada politik.* Selain itu, kajian ini juga menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang melibatkan kepada pendekatan moral, dakwah, firasat, seni dan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Kaedah kepustakaan dan menganalisis teks cerpen telah digunakan bagi memastikan setiap analisis yang dihasilkan bersifat kritis. Oleh itu, unsur-unsur keislaman dapat dilihat menerusi teks tiga cerpen tersebut yang bertunjangkan kepada teori Pengkaedahan Melayu.

Siti Norsyahira (2022) dalam kajiannya *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* membincangkan mengenai gambaran budaya atau gaya hidup sesebuah masyarakat menerusi teks yang telah dipilih oleh pengkaji lepas. Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa, pengkaji lepas megemukakan dua objektif kajian seperti mengenal pasti unsur didaktik menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Pengkalan Datu, Kelantan* serta menganaliis unsur didaktik melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan di lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menggunakan pendekatan Moral. Pendekatan Moral yang berasal dari teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan dalam kajian kali ini kerana bertepatan dengan tajuk yang dikaji. Kajian lepas ini telah membataskan kepada 24 jenis cerita rakyat Melayu bagi mendapatkan analisis kajian yang lebih terperinci. Kajian ini telah membuktikan bahawa unsur didaktik yang terdapat dalam teks tersebut mampu meningkatkan nilai moral dalam diri seseorang individu.



FYP FTKW

Nur Emy Amirah Zawawi (2022) dalam kajiannya *Analisis Nilai dan Pengajaran Dalam Buku Pantun Berkait: Peri Loka Tanah Melaka* karya Azimin Daud membincangkan mengenai nilai yang dapat dilihat menerusi teks yang telah dipilih oleh pengkaji lepas. Menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa pengkaji menfokuskan kepada dua objektif kajian iaitu mengenal pasti serta menganalisis nilai dan pengajaran yang terdapat dalam buku *Pantun Berkait Peri Loka Tanah Melaka.* Teori pengkaedahan Melayu melalui cabang pendekatan moral telah digunakan bagi membantu mendapatkan hasil dapatan kajian yang lebih bersifat kritis. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa nilai moral yang wujud menerusi pantun tersebut dapat membantu masyarakat Melayu untuk mendapatkan pengajaran serta membentuk diri dengan akhlak yang terpuji.

Nasha Azreena Mohd Jaihan, Nur Ainnul Humairah Mohd Yusoff, Dayang Nuraziemah Nooradik, Nurul Farisha Sudin & Siti Nur Zaahirah Mohd Jafri dalam kajiannya *Unsur Kerohanian dalam Filem Munafik Karya Syamsul Yusof: Analisis Pendekatan Dakwah* (2022) membincangkan mengenai unsur kerohanian yang wujud dalam filem tersebut memberi dampak yang positif kepada masyarakat Melayu. Melalui kajian lepas ini mendapati terdapat objektif kajian yang telah dikaji iaitu menganalisis aspek-aspek rohani melalui segi keagamaan menerusi filem Munafik. Pengkaji juga menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks telah digunakan bagi membantu mendapatkan maklumat dalam menghasilkan analisis kajian. Seterusnya, pendekatan dakwah digunakan dalam kajian ini kerana ia mempunyai kaitan rapat dengan nilai-nilai islam. Kesimpulannya, jelaslah bahawa pengkaji lepas ini menerapkan nilai-nilai keislaman dalam kajiannya dengan menggunakan pendekatan dakwah sebagai medium dalam membentuk masyarakat yang lebih bersahsiah diri serta mempunyai akhlak yang baik.



FYP FTKW

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) dalam kajiannya *Akal Budi dalam Cerita Rakyat di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah* membincangkan mengenai akal budi yang diterapkan dalam cerita rakyat Melayu mampu mendidik masyarakat untuk lebih beradab serta memupuk akhlak yang baik. Menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa terdapat dua objektif kajian iaitu mengenal pasti serta menganalisis akal budi yang terdapat dalam cerita rakyat di daerah Tumpat. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan serta kaedah kajian lapangan. Deduktif kajian lepas ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu kerana ia dikatakan bersesuaian dengan tajuk yang dikaji. Oleh itu, jelaslah bahawa beberapa akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat ini mampu meningkatkan pengetahuan masyarakat melalui tentang teks cerita rakyat ini.

Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan (2022) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral* merumuskan mengenai cerita rakyat Melayu pada zaman dahulu mempunyai banyak pengajaran iaitu mementingkan tentang adab kesopanan serta pertuturannya. Pengkaji lepas menjalankan kajian ini berpandukan kepada dua objektif kajian seperti mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai kemanusiaan. Menerusi cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan dalam membentuk jati diri kanak-kanak. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan seta kaedah lapangan bagi mendapatkan analisis kajian yang lebih tepat. Teori pengkaedahan Melayu dalam pendekatan moral telah digunakan sebagai deduktif kajian. Oleh itu, jelaslah bahawa cerita rakyat Melayu mempunyai pelbagai pengajaran serta nilai moral yang mampu mendidik kanak-kanak supaya beradab dan berakhlak baik.



FYP FTKW

Seterusnya, Maizatul Akma Shamsuddin (2022) menerusi kajiannya *Unsur Budaya Dalam teks Seuntaian aratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan mengenai unsur budaya yang terdapat dalam teks naratif.Berdasarkan kajian ini terdapat dua objektif kajian yand dikaji iaitu mengenalpasti serta menganalisis unsur budaya dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu,Kelantan.*Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah perpustakaan serta rujukan daripada teks. Teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah, pendekatan moral dan pendekatan kemasyarakatan digunakan untuk memastikan kajian yang dijalankan lebih jelas dan sempurna. Oleh itu, kajian ini dirumuskan bahawa pelbagai unsur budaya yang mampu memberikan tauladan serta dapat membina akhlak yang terpuji dalam diri seseorang individu tersebut.

Siti Norsyahira Md Sabri (2022) menerusi kajiannya *Unsur Didaktif Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral* membincangkan tentang unsur didaktik melalui sebuah teks yang telah dipilih oleh pengkaji. Melalui kajian ini terdapat objektif kajian iaitu mengenal pasti unsur didaktik dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan* serta menganalisis unsur didaktik dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan* menggunakan pendekatan moral. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan serta rujukan teks bagi menghasilkan penyelidikan ini. Pengkaji ini juga telah mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral untuk melengkapkan kajian yang dijalankan. Berdasarkan kajian ini juga, pengkaji membataskan penggunaan 24 cerita rakyat Melayu menerusi teks yang telah dipilih.Sehubungan dengan itu,jelaslah



FYP FTKW

bahawa melalui kajian ini, dapat dirumuskan bahawa unsur didaktik ini mampu memperbaiki serta membina nilai moral yang baik dalam kehidupan masyarakat.

Eiffa Yuhanis Roslan (2022) menerusi kajiannya *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Datu,Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989)* membincangkan tentang unsur nilai yang terdapat dalam teks cerita rakyat Melayu. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti serta menganalisis unsur nilai berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan* yang terdapat kebudayaan masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah kepustakaan serta rujukan teks dan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral,Pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan. Pengkaji membataskan kajian dengan mengunakan 20 cerita rakyat Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian dapat dirumuskan bahawa kajian ini terdapat banyak pengajaran yang diperolehi serta terselit pelbagai nilai yang dapat dipamerkan dalam diri masyarakat Melayu serta dapat membentuk sahsiah yang terpuji.

Selain itu, Muhammad Syauqi Mat Zawawi (2022) menerusi kajiannya *Transkripsi Lagu Rakyat Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu* berkaitan dengan menyampaikan maklumat cerita rakyat melalui bentuk lirik lagu rakyat. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti, menganalisis serta merumuskan nilai-nilai murni yang terdapat dalam lirik lagu rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Melalui kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan rujukan teks untuk



FYP FTKW

mendapatkan maklumat kajian. Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu bertujuan untuk mengukuhkan kajian ini. Rumusan daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak nilai murni yang diperolehi menerusi lirik lagu yang telah dipilih serta dapat membentuk pengajaran serta tauladan yang baik kepada masyarakat.

Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz & Mohd Syuja Saedin dalam kajiannya *Manifestasi Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* (2022) membincangkan mengenai aspek budaya yang membentuk peradaban sesebuah masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai tradisi budaya peradapan masyarakat Melayu. Melalui kajian ini menfokuskan kepada faktor persekitaran yang mengolahkan tentang persoalan nilai-nilai tradisi menerusi karya yang telah dipilih. Teori Pengkaedahan Melayu daripada Hashim Awang telah dipilih sebagai deduktif kajian. Pengkaji memilih kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah menganalisis teks bagi membantu analisis kajian dijalankan dengan lebih bertepatan. Oleh itu, jelaslah bahawa melalui kajian lepas ini dapat dilihat bahawa novel menjadi sebuah wadah dalam mengembangkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

Mastura Othman (2022) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Kemanusian Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* dibincangkan mengenai nilai kemanusian menerusi novel yang telah dipilih memberikan pengajaran serta membina ilmu pengetahuan yang berguna kepada pembaca. Kajian ini menggunakan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam Novel *Srengenge* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji membataskan kajian dengan menggunakan sebuah novel sahaja iaitu



FYP FTKW

*novel Srengenge* karya Shahnom Ahmad bagi menghasilkan dapatan kajian yang lengkap. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kajian rujukan teks dan kaedah kepustakaan bagi menghasilkan kerangka panduan yang lebih tersusun. Penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu di dalam kajian ini bertujuan untuk memantapkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan. Rumusan daripada kajian ini mendapati *Novel Srengenge* karya Shahnon Ahmad ini banyak menunjuk nilai kemanusian yang dapat memberi tauladan serta cerminan yang baik kepada masyarakat Melayu.

FYP FTKW

## 2.4 Penutup

Kesimpulannya, melalui sorotan kajian yang telah dijalankan oleh sarjana-sarjana yang lepas mendapati bahawa naratif lisan menjadi sebuah wadah penyampaian yang mampu mendapat tempat di hati Masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap penyelidikan mengenai naratif lisan ini dapat memberikan bahan pembelajaran serta rujukan kepada generasi akan datang. Sorotan kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menjadi sumber rujukan dalam menghasilkan sebuah penyelidikan yang lebih sistematik. Tambahan pula, sorotan kajian ini boleh membentuk hasil kajian yang akan datang dengan lebih sempurna kerana ia dapat menjadi contoh serta mampu memperbaiki kelompongan kepada kajian yang sebelumnya. Tuntasnya, sorotan kajian merupakan sebuah penyelidikan yang sahih bagi membantu sarjana-sarjana untuk menambahkan maklumat dalam melaksanakan sesebuah kajian serta ia mampu menjadi satu penunjuk aras yang berguna kepada seseorang individu. Oleh itu, jelaslah bahawa sorotan kajian ini boleh membantu pengkaji yang akan datang untuk menghasilkan kajian yang lebih berkualiti dan sempurna.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 Pengenalan

Metodologi ditafsirkan sebagai satu kaedah untuk reka bentuk, mengumpul serta menganalisis data bertujuan bagi memastikan terdapat bahan yang menyokong sesuatu kajian yang bakal dilaksanakan. Metologi ini juga dapat menghuraikan mengenai cara untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang telah dilakukan serta tujuan sesuatu kaedah tersebut digunakan. Metodologi digunakan bagi menyempurnakan objektif kajian yang telah dibuat. Melalui bab ini, terdapat pelbagai perkara penting yang dibincangkan seperti reka bentuk kajian, kaedah kajian, teori, kerangka konseptual, dapatan kajian dan penutup bagi memastikan kajian yang dijalankan menjadi lebih terperinci dan tersusun.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah memilih pendekatan kualitatif bertujuan untuk menproses pengumpulan data bagi meneliti dan menganalisis data kajian yang dijalankan. Melalui kajian ini juga pendekatan kualitatif bertujuan untuk menerangkan tentang teknik bagi menganalisis data dengan lebih tersusun. Pendekatan kualitatif ini dikenali sebagai mengaplikasikan kaedah analisis teks, kaedah kepustakaan dan melayari internet. Kaedah rujukan teks ini ialah dengan menggunakan teks Seuntaian *Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan* bertujuan untuk mendapatkan data serta maklumat yang lebih tepat dan lebih membina.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah penyelidikan yang berunsurkan pemikiran penglipur lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Pengkalan Datu,Kelantan.* Kaedah kajian ini dilakukan bertujuan untuk menelusuri dengan lebih mendalam mengenai tajuk kajian yang telah dipilih oleh pengkaji. Kaedah kajian ini digunakan untuk pengkaji memperolehi sumber kajian yang tepat bagi melakukan analisis data.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan bagi mencari input-input yang penting yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dalam menghasilkan sebuah penyelidikan yang lengkap. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah kepustakaan ini digunakan untuk membuat penelitian terhadap dokumen-dokumen berkaitan dengan kajian yang dijalankan seperti artikel, jurnal, tesis, laman sesawang, dan data bertulis



FYP FTKW

yang berkaitan. Setiap sumber yang digunakan itu dapat membantu pengkaji untuk mencari maklumat berkaitan dengan definisi mahupun takrifan bagi memudahkan sesuatu kajian dilaksanakan. Pengkaji mencari maklumat tambahan yang berkaitan dengan kajian di Perpustakaan Malaysia Kelantan bertujuan untuk memantapkan hasil dapatan kajian.

### 3.3.2 Rujukan Teks atau Dokumen

Pengkaji menggunakan kaedah rujukan teks melalui pembacaan secara menyeluruh isi teks yang dipilih bagi menjalankan kajian serta mencari input yang bersesuaian dengan tajuk aspek pemikiran penglipur lara yang tepat dengan takrifannya sebagai konteks penting dalam melaksanakan sebuah penyelidikan. Melalui kajian ini, proses yang digunakan bagi menentukan ketepatan sesebuah kajian akan dibuktikan melalui petikan yang diambil daripada teks yang dipilih. Seterusnya, pengkaji telah membataskan sebuah teks sebagai sumber rujukan untuk memastikan objektif kajian yang dipilih tercapai menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang mengandungi sebanyak 100 halaman bercetak. Di samping itu, melalui teks ini pengkaji dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai aspek pemikiran penglipur lara. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa teks *Seuntaian Naratif Lisan di Pengkalan Datu, Kelantan* ini adalah satu teks bersesuai untuk memastikan kajian yang dijalankan lebih tepat dan tersusun.

FYP FTKW

## 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah memilih Teori pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Teori pengkaedahan Melayu merupakan sebuah teori yang diasaskan oleh Hashim Awang yang terkenal sebagai seorang pengkritik di tanah air ini. Teori ini mula dicetuskan pada tahun 1989 yang berasaskan aspek kehidupan masyarakat yang berkaitan dengan cara hidup, kebudayaan setempat serta kepercayaan dalam diri seseorang individu yang melakukan hasil nukilannya. Menurut Muhammad Haji Salleh (2008) menyatakan bahawa keindahan sesuatu bahasa muncul daripada pengaruh luar serta aplikasi teori pengkaedahan Melayu digunakan dalam menjaras ribut dapat memupuk bangsa untuk dibangunkan melalui masa serta perubahan mengikut waktu perjalanan. Teori ini berkait rapat dengan manusia kerana ia mempunyai kaitan dengan alam. Hal ini kerana faktor utama untuk memenuhi keperluan manusia ialah alam kerana ia merupakan satu pengalaman, mata pencarian atau pekerjaan dan kebajikan. Teori ini sangat bersesuaian serta mengkaji karya sastera Melayu yang dihasilkan oleh pengkarya di Malaysia.

Teori ini berlandaskan kepada dua pengkaedahan yang mempunyai hubungkait seperti pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan Keagamaan. Seterusnya, pengkaedahan ini mempunyai cara serta kaedah yang tersendiri berlandaskan kepada islam dan menghasilkan masyarakat Melayu yang lebih bertamadun. Tuntasnya, jelaslah bahawa dapat dirumuskan bahawa teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang telah dikemukan berdasarkan kepercayaan, kehidupan dan kebudayaan masyarakat setempat yang melahirkan karyanya yang tersendiri.

FYP FTKW

FYP FTKW




Carta 1: Teori Pengkaedahan Melayu

### 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan Alamiah dikenali sebagai kaedah yang berteraskan kepada kehidupan masyarakat Melayu yang melihat alam sebagai sebahagian daripada mereka. Hal ini kerana, alam telah menjadi hal utama bagi mendapatkan pengalaman, pekerjaan, kebajikan serta pengajaran. Berdasarkan pendapat daripada Hashim Awang (2002) menyatakan bahawa teori bertunjangkan kepada andaian bahawa sastera merupakan hasil ciptaan manusia manakala sastera juga adalah salah satu bentuk daripada hasil buatan objek lain yang diciptakan oleh Allah. Hal ini dikatakan demikian kerana sastera dianggap sebagai objek alam serta peristiwanya mempunyai kesan hikmah serta fungsinya yang tertentu. Terdapat tiga pendekatan yang dicetuskan oleh Hashim Awang iaitu pendekatam moral, pendekatan firasat dan pendekatan gunaan. Menurut pendapat Sahlan Mohd Saman (2002) menyatakan kesemua pendekatan

daripada pengkaedahan Alamiah ini bersatu antara satu sama lain yang telah dikelompokkan kepada ciri, pemikiran, serta falsafah Melayu yang sewajarnya mampu untuk membezakan dengan golongan bukan Melayu.




Carta 2 : Jenis Pengkaedahan Alamiah

3.4.1.1 Pendekatan Moral

Pendekatan moral menjelaskan bahawa sastera menerapkan mengenai pengalaman hidup yang boleh dijadikan sebagai pengajaran atau tauladan disebabkan sastera memiliki pelbagai ilmu pengetahuan. Setiap pengalaman itu melingkupi tentang peristiwa yang telah dilalui oleh seorang manusia serta maklumat berkaitan dengan seseorang individu dan persekitarannya. Tambahan pula, setiap perbuatan manusia akan dinilai melalui aspek positif serta negatif supaya dapat dijadikan contoh pengajaran serta tauladan kepada diri masing-masing. Menurut Hashim Awang (1993) menjelaskan konsep sastera bersesuaian dengan kaedah kepustakaan kerana ia dapat menambahkan maklumat yang berkaitan serta dapat dijadikan sebagai satu bahan pembelajaran. Tuntasnya, pendekatan moral ini boleh dijadikan sebagai satu wadah iaitu setiap cerita atau kehidupan watak boleh dijadikan sebagai iktibar kepada hari yang akan datang serta setiap kejadian yang berlaku dapat membentuk manusia untuk



FYP FTKW

bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT. Pendekatan Moral ini mempunyai cirinya yang tersendiri iaitu ia sebagai alat rujukan kepada pembaca serta alat kepada kekuatan diri. Ia juga merupakan satu bentuk tindakan yang dilaksanakan dalam pelbagai corak dan pendekatan moral adalah sesuatu yang telah berlaku dalam diri seseorang pengarang tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa pendekatan moral merupakan salah satu daripada pengkaedahan Alamiah yang banyak memberikan pengajaran serta tauladan yang boleh dijadikan sebagai cerminan dalam kehidupan untuk membentuk insan yang lebih bertamadun serta bersahsiah.

#### 3.4.1.2 Pendekatan Firasat

Pendekatan Firasat adalah salah satu bentuk kejadian yang dikaitkan dengan mimpi iaitu berkaitan dengan kejadian alam membawa maksud yang tersendiri serta penemuannya akan dilakukkan melalui tafsiran. Menurut Hashim Awang (1994) menyatakan ia adalah satu proses untuk mendapatkan maksud berdasarkan alamat yang tertentu wujud di dalamnya. Tambahan pula, setiap kejadian kebiasaanya akan dikaitkan dengan mimpi disebabkan mimpi merupakan sebuah pengalaman hidup yang berbentuk misteri. Justeru itu, masyarakat beranggapan mimpi tersebut sesuatu yang bermakna dalam kehidupan seseorang. Setiap kejadian mimpi yang berlaku di bawah pengaruh sedar ia perlulah ditafsirkan. Mimpi juga menyerupai salah satu daripada sastera. Beberapa kaedah yang telah digunakan seperti simbol, penggunaan bahasa tersirat, pengambaran setiap watak, penamaan dan kerumitan dalam jalan cerita sesebuah karya. Masyarakat Melayu juga dijadikan ikon kerana setiap tingkah laku dalam kehidupan adalah berdasarkan pengalaman mereka.



FYP FTKW

3.4.1.3 Pendekatan Gunaan

Pendekatan Gunaan adalah sesuatu yang berkaitan dengan alam iaitu objek daripada hasil ciptaan Allah namun sastera adalah ciptaan individu itu sendiri. Pendekataan gunaan ditafsirkan sebagai suatu objek atau ciptaan yang sama dengan penciptaan objek-objek lain yang merupakan milik Allah SWT. Menurut pendapat daripada Zurinah Hassan (2010) menyatakan bahawa setiap kejadian yang berlaku mempunyai sebab, tujuan, hikmah dan ukuran.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

### 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Berdasarkan pendapat dari Hashim Awang (1993) Pengkaedahan Keagamaan adalah berlandaskan kepada keimanan yang berasaskan agama Islam. Melalui pengkaedahan ini sumber yang terbesar untuk menjadi sumber melalui Al-Quran dan Hadis. Setiap pembentukkan merupakan berlandaskan tujuan untuk memperlihat sifat-sifat keagunganNya dengan mempertingkatkan ketakwaan terhadap Allah. Tuntasnya, tiga pendekatan yang telah dicetuskan oleh Hashim Awang ini mempunyai hubungkait antara satu sama lain. Hal ini dijelaskan melalui tiga nilai utama sastera islam yang merujuk kepada keagungan Allah, moral dan estetika. Antara pendekatan di bawah pengkaedahan Keagamaan ialah pendekatan kemasyarakatan, pendekatan dakwah dan pendekatan seni.




Carta 3: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

#### 3.4.2.1 Pendekatan Dakwah

Pendekatan Dakwah melalui sudut pancaindera sastera sebagai satu bentuk bagi meningkatkan nilai ketakwaan individu kepada Allah SWT. Melalui pendekatan ini terdapat banyak mesej yang ingin disampaikan berkenaan persoalan-persoalan, menunjukkan sifat-sifat kemuliaan serta kebesaran Allah. Sastera dianggap seperti bahan bacaan yang boleh membentuk seseorang untuk lebih bersahsiah, sifat serta



FYP FTKW

kemuliaan Allah SWT sehingga timbulnya kehormatan dan kecintaan kepadaNya. Menurut Hashim Awang (2002) menyatakan bahawa karya sastera adalah sebuah bahan yang dapat dijadikan alat untuk memperkembangkan agama Islam serta dijadikan contoh untuk memaparkan kesucian dalam agama Islam. Kesimpulannya, karya sastera ini merupakan sebuah naskah yang mampu menjelaskan tentang kelebihan dan kehormonian agama Islam.

#### 3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Menurut Hashim Awang (1994) menyatakan pendekatan kemasyarakatan adalah berkaitan dengan soal sosial, ekonomi, politik, syariah dan sudut keislaman. Pendekatan ini juga menekankan unsur yang baik berdasarkan karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana karya sastera bertujuan untuk memberikan pendedahan berkaitan segala persoalan yang mencetuskan kepada tujuan untuk mendapatkan keadilan dalam masyarakat dan mencari kebaikan seperti yang dituntut dalam ajaran agama islam. Sastera juga dianggap sebagai wadah dalam penyampaian bagi mendedahkan dengan benar, jelas serta berani untuk menyelesaikan permasalahan kemungkaran, penipuan, ketidakadilan serta rasuah yang dianggap berpunca daripada kelemahan masyarakat. Sastera menjadi bahan bagi membentuk konsep yang baik serta bersikap mengikut pandangan islam.



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.4.2.3 Pendekatan Seni

Pendekatan seni merupakan salah satu daripada pengkaedahan Keagamaan. Pendekatan ini diguna pakai bagi menilai aspek dalaman karya sastera. Hal ini kerana ia membentuk unsur estetika ke dalam bentuk karya sastera sebagai persoalan utama. Penilaian akan dilakukan berlandaskan kepelbagaian dalam bentuk rohani dan jasmani, pemilihan tema, gaya pemaparan, watak, sudut pandangan, gaya penceritaan serta plot. Hashim Awang (1998) berpendapat bahawa keindahan adalah berasaskan tauhid seperti alam melalui penelitian sastera adalah menemukan segala-galanya kembali kepada memperkukuhkan ketakwanan, kecintaan dan keimanan kepada Allah.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3.5 Kerangka Konseptual






FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 3.6 Penutup

Kesimpulannya, melalui kajian ini menunjukkan kaedah-kaedah untuk memastikan hasil kajian yang dijalankan adalah bertepatan. Metod yang digunakan dalam kajian ini berperanan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat serta ia dapat membuktikan keberhasilan peyelidikan yang sedang dijalankan. Hal ini kerana penggunaan objektif kajian yang bersesuaian akan dapat memastikan setiap kajian yang dilaksanakan menjadi sistematik dan lebih sempurna. Seterusnya, penggunaan teori pengkaedahan Melayu dalam kajian ini merupakan satu perkara yang tepat kerana ia bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji serta ia mampu memantapkan hasil kajian. Tambahan pula, analisis kajian serta dapatan kajian boleh diperolehi dengan menggunakan rujukan penghasilan yang telah dilakukan melalui metodologi kajian yang telah dipilih.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

# BAB 4

# Analisis Dan Dapatan Kajian

## 4.1 Pengenalan

Berdasarkan kepada bab ini, pengkaji akan menerangkan tentang hasil analisis kajian yang telah diperolehi menerusi setiap dapatan kajian dari Pemikiran Penulis menerusi buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Pengkaji juga akan merungkai setiap objektif kajian iaitu mengenal pasti pemikiran penglipur Lara yang terkandung dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu* yang dikarang oleh Mohd Firdaus bin Che Yaacob (2021). Dalam bab ini juga, pengkaji akan meneroka dengan lebih jauh mengenai pemikiran penglipur lara dari sudut kaca mata berbeza yang telah beliau curahkan menerusi buku tersebut. Teori pengkaedahan Melayu daripada Hashim Awang telah digunakan untuk memastikan setiap analisis kajian yang dijalankan lebih terperinci serta ia mampu memudahkan pemahaman mengenai kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 4.2 Pemikiran Penglipur Lara dalam Aspek Nilai

Nilai didefinisikan sebagai sesuatu yang berharga serta berkualiti untuk manusia. Secara istilahnya nilai ialah kata benda abstrak yang wujud dalam diri seseorang individu. Hal ini dikatakan kerana nilai ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang baik dan tidak baik. Nilai baik menjadi satu simbolik dalam sebuah kehidupan yang dapat mendorong seseorang individu untuk melakukan perbuatan yang membawa kepada keberuntungan sahaja manakala nilai yang buruk pula mampu memberikan impak yang buruk kepada diri sendiri dan orang lain. Menurut Ahmad Tafsir (1990), menyatakan bahawa nilai ialah teori pengetahuan serta teori hakikat adalah perbincangan falsafah yang sistematik.

Nilai juga ditafsirkan sebagai sesuatu yang dianggap baik dan penting. Hal ini kerana ia merupakan sebuah kepercayaan yang patut atau tidak patut untuk dilakukan oleh seseorang individu seperti keikhlasan dalam melakukan sesebuah perkara. Berdasarkan pendapat dari Driyarkara (1966) mentafsirkan nilai bermaksud hakikat dalam suatu hal yang seharusnya didapatkan oleh seseorang manusia. Nilai juga dikatakan sebagai cerminan dan pedoman dalam tingkah laku kehidupan masyarakat. Wan Hashim (1998) pula berpendapat bahawa nilai dikatakan sebagai sesuatu yang memberi keuntungan serta kepentingan bersama. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa pemikiran penglipur lara ini dalam aspek nilai iaitu seperti sifat keberanian, pemurah, kerajinan, bertanggungjawab, hormat dan menghormati dan sikap toleransi.

.

FYP FTKW

#### 4.2.1 Aspek Nilai Keberanian

Umum mengetahui bahawa keberanian merupakan satu perilaku yang wajar dijadikan sebagai contoh serta wajar mempunyai sifat tersebut dalam diri seseorang individu. Semangat keberanian ini diperlukan kerana ia mampu untuk membentuk seseorang tersebut dipandang tinggi oleh masyarakat. Menurut Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) menyatakan keberanian adalah kesanggupan dalam melakukan sesuatu perkara dengan penuh cabaran bagi diri sendiri dan orang lain. Jumali Selamat (2001) berpendapat keberanian merupakan kesanggupan seseorang dalam melakukan sesuatu hal tanpa mengira risiko yang bakal dihadapi olehnya. Sifat keberanian ini juga dapat dipupuk dalam diri kerana kita dapat menegakkan setiap keadilan serta keamanan dapat dikekalkan kerana mempunyai sifat berani untuk melontarkan setiap ketidakpuasaan suara hati. Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) berpendapat nilai keberanian adalah apabila seseorang manusia bertindak melakukan sesuatu hal dengan mengharungi pelbagai cabaran dengan cekal serta sanggup berjuang walaupun terpaksa berhadapan dengan risiko yang berbahaya. Hal ini dapat dilihat menerusi dua cerita dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob yang bertajuk *Pengunduran Raja Patani* dan *Kehebatan Laksamana Laut.* Melalui teks yang terdapat dalam cerita tersebut, terdapat satu sifat yang menunjukkan sifat keberanian sebagai seorang pemimpin yang berani bertindak daripada ancaman musuh pihak luar.

> Petikan 1
> “Keberaniannya dalam berperang tidak dapat ditandingi oleh raja-raja di sekeliling negerinya. Baginda sangat terpengaruh dalam meluaskan pelosok dunia. Baginda dianggap sebagai “Raja Kuning” kerana kejayaanya dalam menakluki negeri-negeri lain”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:79)



FYP FTKW

Melalui cerita tersebut menjelaskan mengenai nilai keberanian yang dimiliki oleh Sultan Ismail Shah Zolallah Fi' Alam yang merupakan seorang raja di negeri Patani. Hal ini dikatakan kerana dia mempunyai sikap yang sangat berani untuk mempertahankan negeri beliau daripada terus diancam oleh musuh. Pelbagai strategi yang telah dijalankan bagi memastikan negerinya tidak mudah untuk ditakluki oleh pihak lain. Selain itu juga, sifat keberanian ini dapat dilihat menerusi *Kehebatan Laksamana laut* dalam menjaga Raja beliau daripada ancaman lanun. Hal ini dikatakan demikian menerusi satu teks iaitu:

> Petikan 2
> "Jangan dikhuatiri wahai baginda sultan, biar patik uruskan lanun-lanun itu". Beliau terus mengeluarkan keris yang berada dipinggangnya dan membaca satu ayat yang tidak pasti apa butir bicaranya"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:62)

Berdasarkan teks petikan tersebut menunjukkan sifat keberanian yang dimiliki oleh Laksamana Che Deraman dalam melindungi raja dan anak kapal mereka. Laksamana Che Deraman dikatakan sebagai seorang yang berani kerana saiz badan beliau yang gagah perkasa. Beliau juga mempunyai sifat keberanian untuk melindungi raja dari risiko disamun oleh lanun sewaktu berlayar. Laksamana ini juga menggunakan keberaniannya dengan menggunakan keris bagi membuat persediaan untuk menentang penyamun yang ingin menyerang mereka. Hal ini telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) iaitu nilai keberanian wujud daripada kesanggupan seseorang untuk menghadapi setiap rintangan tanpa mengira kesannya. Selain itu juga, nilai berani ini dapat dilihat menerusi teks *Tok Karim Guru Silat Masyhur* seperti :

> Petikan 3
> "Diceritakan bahawa Tok Karim juga seorang yang sangat handal kerana beliau dengan begitu berani menentang apa sahaja tindakan yang berlawanan dengan prinsip hidupnya. Ada pendapat yang mengutarakan bahawa kehandalan yang dimiliki oleh Tok Karim adalah hasil daripada pengalaman ilmu yang diterapkan dalam kehidupannya".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)



FYP FTKW

Menerusi teks tersebut mendapati terdapat nilai keberanian melalui perwatakan Tok Karim yang begitu berani dalam menentang sesiapa sahaja yang melawan segala perintahnya. Beliau juga dikatakan berani dalam mempertahankan prinsipnya dalam melaksanakan sesuatu dalam kehidupannya.

Renteten itu, pengaplikasian pendekatan moral di bawah teori pengkaedahan Melayu oleh Hassim Awang bertepatan dengan dapatan kajian yang digambarkan dalam kajian diatas. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan moral dikatakan berkait dengan dasar pemikiran seseorang mengenai sesebuah karya sastera yang dianggap sebagai sebuah wadah yang berkesan dalam usaha untuk membina moral serta keperibadian dalam kumpulan masyarakat.(Atar Semi,1984). Perkara ini juga dapat dilihat menerusi cerita *Kehebatan Laksama Laut*, *Pengunduran Raja Patani dan Tok Karim Guru Silat Masyhur* ini mempunyai hubungkait dengan pendekatan Moral melalui Teori Pengkaedahan Melayu.. Ini dapat dilihat menerusi perwatakan yang digambarkan dalam ketiga-tiga cerita rakyat tersebut iaitu menerusi perwatakan Laksamana yang melindungi Raja dan anak kapal mereka daripada karam. Selain itu juga, ia juga boleh dilihat melalui perwatakan Tok Karim mengenai perbuatan beliau yang berani mempertahankan prinsipnya dalam melaksanakan sesuatu dalam kehidupannya. Secara analoginya, ia dapat dilihat menerusi sifat keberanian dalam diri manusia untuk mempertahankan hak dan dapat melindungi orang lain daripada sebarang ancaman. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa pendekatan moral sebagai medan yang terbaik dalam mendidik seseorang individu agar mempunyai sikap keberanian yang tinggi dalam melindungi diri sendiri mahupun orang lain.

FYP FTKW

4.2.2 Pemikiran Penglipur Lara dalam Aspek Nilai Bertanggungjawab

Nilai bertanggungjawab didefinisikan sebagai kesanggupan seseorang individu untuk melaksanakan serta memikul sebuah tugas dan kewajipan dengan sempurna. Indah (2003) berpendapat bahawa tanggungjawab merupakan sebuah kewajiban yang perlu ditanggung oleh seseorang individu di atas setiap perbuatan yang dilakukannya dalam keadaan yang sedar atau tanpa sedar. Pengertian tanggungjawab ialah perbezaan antara hak dan batil, mengenai perkara yang dibenarkan serta dilarang, apa yang dianjurkan dan apa yang dicegah, apa yang baik dan apa yang buruk dan menyedari bahawa seseorang itu mesti menjauhi perbuatan yang buruk dan cuba memupuk diri untuk sentiasa menerapkan perkara yang positif.

Berdasarkan Hassan (2010) mentafsirkan maksud tanggungjawab ialah perilaku seseorang individu dalam menjalankan tugas serta kewajibannya yang sewajarnya dilakukan kepada diri sendiri, masyarakat, negara serta Allah SWT. Hal ini dapat disimpulkan bahawa tanggungjawab dikenali sebagai sebuah tingkah laku yang penting dalam kehidupan kerana dengan adanya sifat tersebut seseorang akan berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara yang dilaksanakannya akan menyebarkan hal yang positif kepada dirinya dan kepada orang lain.

Pengkaji mendapati bahawa terhadap satu pemikiran penglipur lara melalui aspek nilai iaitu bertanggungjawab menerusi buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Melalui buku ini terdapat dua naratif lisan yang memaparkan pemikiran penglipur lara dalam aspek nilai bertanggungjawab seperti *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* dan *Bidan Tok Haji Esah.* Hal ini dapat dibuktikan menerusi penemuan satu petikan iaitu:



FYP FTKW

FYP FTKW

Petikan 4

"Tentera Jepun bertanyakan kepada Tok Guru Haji Awang Alim apa yang mereka sedang lakukan di dalam pondok tersebut dan mengapa tidak menutup lampu. "Kami sedang berdoa kepada Tuhan kami, Allah SWT. Kami meminta agar kampung ini sentiasa dalam keadaan kampung ini sentiasa dalam keadaan aman dan tiada peperangan berlaku" jawab Tok Guru Haji Awang Alim"

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:69)

Melalui cerita ini, menunjukkan sifat tanggungjawab yang dimiliki oleh Tok Guru Haji Awang Alim. Beliau bertanggungjawab untuk mengajar serta memberikan ilmu pengetahuan sebagai seorang guru agama dan melindungi warga desa daripada ancaman tentera Jepun. Hal ini dikatakan demikian kerana, Tok Guru Haji Awang Alim bertanggungjawab untuk menjawab setiap soalan yang telah dilontarkan oleh Tentera Jepun terhadapnya. Berkat dengan sikap beliau yang bertanggungjawab itu telah menyebabkan tentera Jepun membenarkan pondok tersebut terus dinyalakan dan mereka juga mendermakan roti kepada madrasah-madrasah untuk menjalani aktiviti keagamaan. Dapat disimpulkan bahawa melalui keperibadian yang dimiliki oleh Tok Guru Haji Awang Alim sebagai seorang yang bertanggungjawab dalam setiap hal yang dilakukan olehnya menyebabkan rakyat desa merasa selamat walaupun terdapat pelbagai cara tentera Jepun datang untuk mengganas.

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa pengkaji juga melontarkan unsur nilai bertanggungjawab ini menerusi naratif lisan *Bidan Tok Haji Esah.* Melalui satu petikan dalam cerita tersebut telah menunjukkan nilai tanggugjawab yang dimiliki oleh Bidan Tok Haji Esah.

Petikan 5

"Secara kebetulan itu, Tok Haji Esah telah melalui kawasan itu dan mendapati Melati sedang menangis teresak-esak lalu menghulurkan bantuan kepadanya".

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:65)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Melalui petikan ini dapat dilihat bahawa Tok Haji Esah mempunyai sifat bertanggungjawab apabila sanggup menolong Melati kesakitan untuk bersalin. Beliau dikatakan terkenal sebagai seorang bidan yang sentiasa menolong orang kampung apabila mereka dalam kesusahan. Bidan Tok Haji Esah dikatakan mempunyai nilai bertanggungjawab kerana tidak meninggalkan Melati seorang diri dalam kesusahan untuk melahirkan anak dan beliau juga bertindak untuk membantu memimpin Melati pulang ke rumahnya untuk berehat. Perkara ini telah disokong oleh *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) menyatakan bahawa tanggungjawab ialah sesuatu yang perlu dipikul oleh seseorang dengan bersedia berhadapan dengan segala kemungkinan. Hal ini dapat disimpulkan bahawa keperibadian beliau sebagai seorang warga tua yang bertanggungjawab menjadikan semua rakyat di Kampung Babong berasa sangat senang serta beliau dikatakan sering memudahkan urusan masyarakat di kampung tersebut.

Kesimpulannya, dapat dilihat bahawa melalui cerita rakyat *Tok Guru Haji Awang* dan *Tok Haji Esah* ini adalah nilai yang boleh dikaitkan dengan mengaplikasikan pendekatan moral di bawah cabang teori pendekatan Melayu. Pendekatan moral dikatakan mempunyai hubungkait dengan nilai bertaanggungjawab menerusi sikap Tok Guru Haji Awang yang bertanggungjawab melindungi penduduk kampung daripada ancaman pihak Jepun dan perwatakan Tok Haji Esah yang bertanggungjawab membantu Melati kesakitan untuk melahirkan anaknya. Hal ini dapat dilihat bahawa *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat* (2010) bahawa tanggungjawab adalah sebuah kesanggupan seseorang untuk memikul serta menghadap segala kemungkinan yang bakal terjadi. Oleh itu, penerapan nilai bertanggungjawab ini mampu membentuk peribadi masyarakat yang lebih harmoni dan membuka minda masyarakat untuk lebih persiapkan diri dari segi mental dan fizikal untuk sentiasa bersikap bertanggungjawab



FYP FTKW

terhadap diri sendiri dan orang lain apabila berlaku sebarang cabaran dan rintangan dalam kehidupan.

### 4.2.3 Pemikiran Penglipur Lara dalam Aspek Nilai Kerajinan

Menurut Kadjim (2011), menyatakan kerajinan adalah satu tindakan yang dilaksanakan berterusan dengan penuh semangat yang tinggi, kecekalan serta berdedikasi tinggi dalam melakukan sesuatu perkara. Kerajinan definisikan sebagai daya upaya yang berpanjangan yang mempunyai sikap ketekunan dalam melakukan sesuatu, kegigihan seseorang, dedikasi dalam sesuatu hal, kecekalan, dan usaha yang berterusan dalam melakukan sesuatu perkara. Melalui pendapat Jumali Hj. Selamat (2001), kerajinan bermaksud daya upaya yang dilaksanakan secara berterusan dengan semangat yang tinggi bagi mencapai kejayaan serta kecemerlangan. Kerajinan merupakan satu perilaku yang seharusnya ada dalam diri seseorang manusia serta melaksanakan setiap perkara dengan bersungguh-sungguh, bersemangat, tekun untuk mencapai setiap kecemerlangan dalam kehidupan kita (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021). Melalui konteks ini pengkaji mendapati terdapat dua cerita lisan yang mempunyai nilai kerajinan iaitu *Terhempasnya Zero Fighter Jepun di Ti Lebar* dan *Kain Sutera Cina.* Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat satu petikan di dalam dua buah cerita ini yang menunjukkan tentang nilai kerajinan iaitu:

> Petikan 6
> "Antara aktiviti harian yang dilakukan mereka seperti menanam, mencari hasil hutan,menangkap ikan dan memburu binatang untuk meneruskan kehidupan…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 19)



FYP FTKW

Melalui cuplikan ini mendapati bahawa, penduduk di Kampung Pengkalan Datu mempunyai nilai kerajinan yang tinggi iaitu melakukan pelbagai pekerjaan untuk meneruskan kehidupan. Beliau melakukan pekerjaan ini tanpa rasa mengeluh kerana memahami tentang kesusahan hidup yang terpaksa dihadapi oleh mereka. Perkara ini sewajarnya menjadi contoh yang baik untuk pembaca lebih memahami setiap nilai yang tersirat menerusi perwatakan dalam cerita ini. Selain itu, menerusi *Kain Sutera Cina* juga terdapat satu petikan yang mempunyai nilai kerajinan seperti:

> Petikan 7
> "Hassan dan Hussin bertekad untuk masuk ke dalam hutan belantara mencari ikhtiar merawat luka yang dialaminya oleh anggota keluarga Hassan".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:10)

> Petikan 8
> "Keesokkan harinya, menjelang subuh Hassan dan Hussin telah memasuki hutan belantara yang tidak tahu bagaimana keadaan di dalam hutan penuh dengan binatang buas itu".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:10)

Berdasarkan cerita lisan *Kain Sutera Cina* ini mendapati terdapat satu unsur nilai kerajinan yang dipamerkan menerusi watak Hassan dan Hussin. Hal ini dikatakan demikian kerana Hassan dan Hussin berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari perubatan dalam hutan belantara bagi merawat luka yang dialami oleh anggota keluarga Hassan. Mereka juga sanggup meneruskan berjalanan mereka walaupun terdapat halangan hujan renyai-renyai yang mulai turun membasahi bumi. Berkat kerajinan yang dimiliki oleh Hassan dan Hussin mereka telah menemukan penawar bagi merawat penyakit tersebut. Perkara ini dibuktikan menerusi penemuan seorang puteri yang cantik memakai baju kebaya sutera berwarna ungu telah memberikan sehelai kain sutera bagi merawat luka yang dialami oleh keluarganya. Secara analoginya, nilai kerajinan yang dimiliki oleh Hassan dan Hussin sewajarnya dijadikan sebagai contoh bagi masyarakat generasi kini untuk sentiasa berusaha dengan penuh bersungguh-



FYP FTKW

sungguh agar mendapat ganjaran yang postitif dengan usaha yang telah dilakukan. Hal ini telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob yang menganggap kerajinan adalah suatu usaha yang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan apa yang diingini.

Lantaran itu, teori pengkaedahan Melayu bersesuaian untuk diaplikasikan dibawah pendekatan moral. Hal ini kerana menerusi pendekatan moral dapat dilihat apabila pendekatan moral lebih menyingkap mengenai segala peristiwa, tingkah laku atau perbuatan manusia yang boleh dijadikan sebagai pengajaran. Ini dapat dilihat melalui nilai kerajinan yang terdapat dalam dua cerita lisan ini *Terhempasnya Zero Fighter Jepun di Ti Lebar* dan *Kain Sutera Cina.* Sebagai contoh, dalam cerita rakyat Terhempasnya Zero Fighter jepun di Ti lebar dapat dilihat nilai moral iaitu kerajinan menerusi sikap penduduk kampung Pengkalan Datu yang mempunyai sifat kerajinan yang tinggi dengan melakukan pelbagai kerja dengan bersungguh-sungguh. Di samping itu, menerusi cerita rakyat *Kain Sutera Lisan* terdapat perwatakan Hassan dan Hussin yang bersungguh-sungguh untuk mencari ubat di dalam hutan. Perkara ini dapat disimpulkan bahawa nilai kerajinan sangat bersesuaian jika dikatakan bersandarkan kepada pendekatan moral kerana ia merupakan suatu tingkah laku yang positif yang wajar dipamerkan dalam kehidupan seseorang individu. Justeru itu, penggunaan nilai ini mampu memberikan dampak yang positif serta dapat memberikan pengajaran dalam diri seseorang serta mampu membentuk sahsiah yan terpuji dalam melahirkan insan yang lebih mempunyai moral yang tinggi.

#### 4.2.4 Pemikiran Penglipur Lara dalam Aspek Nilai Hormat- Menghormati

Hormat-menghormati didefinisikan sebagai memuliakan semua orang serta institusi sosial seperti melayan dengan baik. Menurut Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986), menyatakan bahawa hormat berkait rapat dengan adab iaitu bermaksud hal yang mengambarkan tentang perbuatan yang sering dilakukan seharian serta perilaku



FYP FTKW

seseorang individu tersebut digambarkan sebagai model. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010), juga berpendapat bahawa hormat-menghormati merupakan seseorang yang mempunyai pandangan yang tinggi terhadap setiap orang dengan memperlakukan dengan penuh sopan. Hormat-menghormati ialah sifat yang amat penting yang seharusnya wujud dalam diri manusia untuk memastikan kehidupan berada dalam keadaan aman dan damai. Seseorang akan dipandang rendah jika tidak mempunyai sifat hormat-menghormati dalam diri. Norita Ariffin (2006) berpendapat bahawa nilai hormat-menghormati adalah seseorang individu yang mempunyai sikap berbudi pekerti dengan setiap tingkah laku yang baik. Umum juga mengetahui bahawa hormat adalah sifat yang mahmudah. Sebagai seorang muslim yang beriman kepada Allah SWT, sifat hormat-menghormati sewajarnya ada dalam diri kerana ia mampu mencerminkan sifat berakhlak mulia dalam diri. Dari sudut pandang pemikiran penglipur lara mendapati bahawa terdapat nilai hormat-menghormati menerusi *Rumah Api Penyelamat Saudagar,Nurani Che Him* dalam masyarakat,*Tok Karim Guru Silat Masyur dan Tenggelamnya masjid Pengkalan Datu.* Antara contoh petikan yang menunjukkan sifat hormat menghormati ialah:

> Petikan 9
> “Orangnya lemah lembut baik budi pekerti baik dalam setiap tutur kata dan perilakunya. Orangnya tidak sombong apabila berbicara dan masih mempunyai nilai hormat menghormati kepada masyarakat sekeliling biarpun beliau adalah seorang kaya-raya. Tutur kata yang sopan telah membuatkannya disegani oleh masyarakat kampung dan anak-anak kapal”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:22)

Berdasarkan petikan diatas, penulis telah menghasilkan dua buah cerita yang mempunyai nilai hormat-menghormati. Menerusi cerita *Rumah Api Penyelamat* Saudagar terdapat satu perwatakan iaitu saudagar mempunyai nilai hormat-menghormati yang tinggi kerana beliau dikatakan sentiasa ramah dengan orang kampung. Beliau juga sentiasa menghormati masyarakat sekeliling walaupun beliau



FYP FTKW

adalah seorang yang kaya raya. Masyarakat kampung sangat menyegani sikap saudagar itu kerana setiap tutur kata yang dilontarkan olehnya sentiasa bersopan santun. Selain itu, terdapat satu cerita *Nurani Che Him* yang juga menunjukkan nilai hormat-menghormati iaitu:

> Petikan 10
> “Biarpun beliau berlainan bangsa namun masyarakat sekitar masih menerimanya. Melalui sikap ramah yang ditampilkan dalam pergaulannya dengan masyarakat telah membuatkan dirinya disenangi ramai”
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:72)

Nurani Che Him ini menceritakan mengenai nilai hormat-menghormati yang terdapat pada watak utama iaitu Cik Him. Cik Him dikatakan mempunyai nilai hormat-menghormati yang tinggi kerana keperibadian beliau yang bersifat ramah terhadap semua golongan masyarakat kampung. Cik Him menghormati orang kampung kerana tahu beliau merupakan orang yang baru berhijrah ke tempat tersebut. Beliau juga dikatakan sering membantu masyarakat desa yang mengalami kesusahan tanpa mengira bangsa. Pengkaji mengambil pendekatan untuk memasukkan unsur nilai menghormati kerana ia merupakan satu aspek yang penting yang perlu dititikberatkan oleh semua golongan agar kita tidak mudah untuk berpecah belah daripada sebarang ancaman dan cubaan dalam kehidupan. Seterusnya menerusi teks *Tok Karim Guru Silat Masyhur* juga terdapat nilai hormat menghormati seperti:

> Petikan 11
> “Walaupun masyarakat pada ketika itu menyanjungi beliau sebagai seorang tokoh terhormat, namun masih ada sikap merendah diri dalam dirinya kerana beliau tidak pernah angkuh dengan kebolehan yang ada pada dirinya. Masyarakat setempat masih menghormatinya kerana sikap yang menjadi tauladan kepada masyarakat”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:67)



FYP FTKW

FYP FTKW

Melalui teks ini dapat disimpulkan bahawa terdapat unsur hormat-menghormati antara penduduk Kampung dengan Tok Karim. Hal ini dikatakan demikian kerana Tok Karim adalah orang yang tidak sombong serta tidak kedekut dalam menyampaikan ilmu pengetahuannya. Hal ini juga telah membuatkan masyarakat di kampung tersebut sangat menghormati keperibadian yang dimiliki oleh Tok Karim. Di samping itu, nilai ini juga dapat dilihat menerusi *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* iaitu:

> Petikan 12
> “Masjid ini dikatakan mempunyai iman yang berperanan sebagai tokoh agama dalam menyebarkan ilmu dakwahnya. Ramai dalam kalangan anak muda yang mempelajari ilmu agama ini dengannya. Terdapat juga anak-anak muda yang pergi ke Mesir, Turki, Istanbul dan lain- lain. Masyarakat kampung sangat menghormati iman kerana ilmu pengetahuan yang dimilikinya”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob,2021)

Menerusi teks ini dapat dilihat bahawa sikap menghormati orang yang lebih berilmu dalam diri masyarakat di kampung tersebut sewajarnya dijadikan sebagai contoh. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat sangat menghormati Imam ini kerana beliau terkenal dengan memiliki iman yang tinggi di samping tidak lokek dalam menyampaikan ilmu agama kepada keseluruhan masyarakat. Seterusnya, menerusi *kehebatan Pawang Ali* juga terdapat nilai hormat-menghormati seperti:

> Petikan 13
> “Suatu masa dahulu dalam kampung ini ada seorang lelaki yang telah dimamah usia. Lelaki ini merupakan seorang pawang yang hebat dari segi ilmu dan kebijaksanaanya. Masyarakat Kampung Pupuk sangat menghormati lelaki ini. Pawang ini dikenali sebagai Pawang Ali oleh orang kampung”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:67)

Menerusi cuplikan ini dapat dilihat bahawa terdapat pemikiran penglipur lara dalam aspek nilai hormat-menghormati. Hal ini dapat dilihat menerusi sikap hormat-menghormati penduduk kampung terhadap Pawang Ali. Penduduk kampung sangat menghormati beliau kerana terkenal dengan kebijaksanaanya dalam bidang ilmu.

Pawang Ali juga dikatakan seorang yang tidak lokek dalam menyampaikan ilmu yang dimilikinya kepada orang lain. Beliau juga sering membantu orang kampung untuk menyembuhkan penyakit daripadanya. Oleh itu, jelaslah bahawa terdapat unsur hormat-menghormati yang wujud menerusi teks tersebut.

Sehubungan dengan itu, menerusi analisis kajian diatas dapat dilihat bersesuaian dengan pendekatan kemasyarakatan di bawah teori pengkaedahan Melayu. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan kemasyarakatan merupakan satu jalan untuk membentuk kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, pengukuhan iman yang menjurus kepada kebaikan. Perkara ini dapat dilihat melalui cerita rakyat *Tok Karim Guru Silat Masyur* iaitu masyarakat di kampung tersebut sangat menghormati beliau kerana mempunyai sikap yang terpuji dengan tidak kedekut dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Seterusnya, masyarakat kampung juga menghormati Pawang Ali disebabkan beliau tidak lokek dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Hal ini telah membuktikan bahawa nilai hormat-menghormati ialah sesuatu sifat yang baik yang wajar untuk semua ikuti. Oleh itu, gambaran tersebut banyak dinyatakan dalam naratif lisan yang terdapat di Pengkalan Datu, Kelantan melalui pemikiran yang dibawa oleh penglipur lara. Teori yang digunakan sangat bersesuaian untuk dikaitkan kerana ia dapat membuka buah fikiran masyarakat mengenai setiap perilaku yang berlaku di sekeliling mereka yang boleh dijadikan sebagai pengajaran serta tauladan.

### 4.2.5 Pemikiran Penglipur Lara dalam Aspek Nilai Toleransi

Pemikiran penglipur lara dalam aspek nilai ialah nilai toleransi. Toleransi dikenali sebagai sikap manusia yang menghormati serta menghargai perbezaan dalam kalangan seseorang individu atau dalam kelompok. Toleransi juga dikatakan asal dari Latin



FYP FTKW

“tolerare” bermaksud saling memikul atau saling menangung. Menurut Siagian (1993), menyatakan bahawa toleransi ini merupakan satu sikap yang saling memikul antara satu sama lain tanpa mengira apa yang disukai atau tidak. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) toleransi adalah sikap sabar serta bertolak ansur dalam melakukan sesuatu serta boleh menerima pandangan daripada orang lain. Melalui ayat Al-Quran juga menyebut mengenai toleransi antara sesama kaum menerusi Surah Al-Hujurat Ayat 13 iaitu:

> “Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”
>
> (Al-Hujurat:13)

Berdasarkan dalil Al-Quran ini menyatakan, dari sudut pandang agama toleransi ini menghargai atau menghormati antara satu sama lain tanpa mengira sebarang bangsa atau agama. Umum mengetahui bahawa, sebagai umat muslim, kita diajar untuk sentiasa bertoleransi antara satu sama serta tidak melakukan permusuhan antara satu sama lain walaupun berlainan agama. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila seseorang mempunyai nilai toleransi dalam diri, dia merupakan manusia yang paling bertaqwa disisi Allah SWT. Melalui cerita lisan ini terdapat satu cerita yang menunjukkan mengenai nilai toleransi menerusi *Terhempasnya Zero Fighter Jepun di Ti Lebar* iaitu:

> Petikan 14
> “Kampung Pengkalan Datu itu juga, penduduk tidak bersengketa sesama sendiri biarpun di situ terdapat pelbagai bangsa yang terdiri daripada Melayu, Cina, dan India”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:20)



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Melalui cuplikan ini, dapat dilihat terdapat nilai toleransi antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi cerita ini dapat dilihat masyarakat tersebut hidup dalam suasana saling bertoleransi antara satu sama lain tanpa mengira kaum. Mereka bekerjasama untuk melakukan aktiviti pekerjaan serta menjaga keselamatan daripada ancaman tentera Jepun. Sebagai contoh, setiap permasalahan mengenai kedatangan tentera Jepun ke kampung mereka dihadapi dengan bersama-sama. Hal ini dapat disimpulkan bahawa apabila sesuatu itu dilakukan dengan bersama-sama dengan sifat toleransi yang tinggi maka perpecahan tidak akan berlaku dengan mudah dalam kalangan masyarakat. Sikap masyarakat di Kampung Pengkalan Datu yang sentiasa berfikiran terbuka dengan pandangan orang lain telah menjadikan mereka sentiasa bersatu hati dalam menghadapi ancaman bahaya yang menimpa. Seperti kita ketahui, setiap amalan atau akhlak yang baik ini mampu membentuk kesepakatan dan kesefahaman dalam kelompok masyarakat.

Maka, analisis kajian diatas bersesuian dengan pengaplikasian pendekatan kemasyarakatan. Menerusi cerita rakyat Terhempasnya *Zero Fighter Jepun di Ti Lebar* menunjukkan bahawa penglipur lara telah mengambarkan mengenai kehidupan bermasyarakat dalam mengambarkan cerita ini. Hal ini dapat dibuktikan menerusi nilai toleransi yang terdapat dalam cerita rakyat di atas yang mana menerusi toleransi tersebut menyeru masyarakat untuk sentiasa menghargai dan menghormati setiap kelompok masyarakat tanpa mengira bangsa.  Hal ini dikatakan demikian kerana setiap individu yang hidup dalam kelompak masyarakat seharusnya memiliki sifat toleransi dalam diri agar tidak berlaku sebarang perpecahan. Perkara ini dapat dilihat melalui masyarakat Kampung di Lembangan Sungai Datu, Kelantan yang mempunyai sifat toleransi antara satu sama lain tanpa mengira warna kulit, bangsa atau agama. Hal ini dapat melahirkan membentuk kelompok yang sentiasa aman dan harmoni dari pelbagai bentuk permasalahan. Oleh itu, sebagai seorang muslim, kita sewajarnya untuk saling



FYP FTKW

bertoleransi antara satu sama lain agar tidak berlaku sebarang perpecahan yang mampu memusnahkan sesebuah kelompok masyarakat.

4.2.6 Pemikiran Penglibur Lara dalam Aspek Nilai Tolong-Menolong

Manusia adalah makhluk sosial yang bergantung serta memerlukan antara satu sama lain. Sejak dini hari lagi, kita ketahui bahawa memberi dan menerima pertolongan adalah dua amalan yang sering dilakukan oleh masyarakat. Dua elemen yang tidak dapat dipisahkan ialah manusia dan persekitaran kerana ia bertujuan untuk memastikan dapat menjalani kelangsungan hidup dengan sempurna. Tolong-menolong dedifinisikan sebagai proses membantu bagi meringankan beban atau tekanan seseorang agar setiap perkara yang dilakukan dapat dijalankan dengan tidak mengambil masa yang lama. Ia juga mampu meningkatkan daya keupayaan kendiri dalam diri. *Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016) menyatakan bahawa tolong-menolong adalah bermaksud bantu membantu antara satu sama lain. Melalui karya yang dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob ini terdapat dua nilai tolong-menolong yang dapat dikenal pasti iaitu *Nurani Che Him* dan *Simbolik Rebana* serta *Pemujaan Tok Mekong.* Ia dapat dilihat menerusi perwatakan yang terdapat dalam cerita tersebut mengenai nilai tolong menolong seperti dalam naratif lisan *Nurani Che Him* iaitu:

Petikan 15
"Keadaan perempuan itu telah meraih rasa simpati Che Him. Segera Che Him menghulurkan sedikit makanan daripada kedainya kepada perempuan itu".

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:72)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa nilai tolong-menolong wujud dalam cerita lisan ini. Hal ini dibuktikan menerusi watak Che Him yang merupakan seorang saudagar Cina telah menolong seorang warga tua. Saudagar Cina



FYP FTKW

dikatakan tiada perasaan segan silu untuk membantu warga tua itu walaupun masyarakat lain geli dan tiada yang ingin mendekat. Beliau menolong warga tua tersebut dengan memberikan sedikit makanan daripada kedainya. Sikap keikhlasan beliau dalam membantu telah membuatkan perempuan itu mengalirkan air mata serta mengucapkan terima kasih kepadanya. Sikap terpuji yang dimiliki beliau sewajarnya dijadikan sebagai contoh kepada masyarakat sekeliling. Selain itu, berdasarkan petikan yang lain telah menunjukkan nilai tolong-menolong yang membuatkan orang kampung sentiasa menghormatinya seperti:

> Petikan 16
> "Apabila berlaku kematian dalam masyarakat Melayu, Che Him tidak segan silu menghulurkan bantuan seperti memberi kain kapan secara percuma".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:72)

> Petikan 17
> "Beliau juga tidak banyak merungut apabila seseorang meminta pertolongan, bantuan segera diberikan. Kadangkala tanpa diminta pertolongannya,bantuan segera diberikan. Kadangkala tanpa diminta oleh penduduk Che Him sendiri mempunyai kesedaran untuk membantu masyarakat sekeliling dalam aktiviti kemasyarakatan".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob 2021,72)

Melalui petikan ini juga, Che Him merupakan seorang yang ringan tulang dalam membantu golongan yang sering berada dalam kesusahan. Beliau tidak berasa rugi terpaksa menggunakan duit sendiri bagi keperluan orang lain yang lebih memerlukan. Che Him menolong orang kampung tanpa mengira bangsa dan agama. Sebagai contoh, beliau telah menolong masyarakat Melayu di kampung tersebut untuk membeli kain kapan secara percuma bertujuan untuk memudahkan serta meringankan beban kepada golongan yang kurang berkemampuan. Oleh itu, banyak sisi baik Che Him yang dapat diambil sebagai iktibar untuk saling membantu apabila masyarakat di sekeliling memerlukan bantuan. Seterusnya, penglipur lara juga telah mengemukakan satu lagi jenis cerita lisan yang berjudul *Simbolik Rebana* menerusi petikan iaitu:



FYP FTKW

Petikan 18

"Sikap saling-membantu antara masyarakat ini tidak terhenti pada suatu majlis sahaja, sekirannya ada anggota masyarakat lain yang ingin mengadakan majlis mereka akan bersama-sama bermuafakat tanpa mengendahkan penat lelah yang dilalui sepanjang majlis tersebut walaupun tempoh masa untuk sesebuah majlis berlangsung adalah lama".

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:19)

Berdasarkan cerita lisan *Simbolik Rebana* menyatakan bahawa terdapat nilai tolong-menolong menerusi perwatakan penduduk kampung. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat desa di kampung tersebut kebiasaanya mengadakan sesuatu majlis dengan Bersatu hati membantu antara satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama. Mereka juga tidak mengendahkan mengenai masa yang yang perlu diperuntukkan untuk sesebuah majlis berlangsung. Justeru itu, nilai tolong-menolong yang dipupukkan dalam diri mereka menjadikan masyarakat desa tersebut sentiasa hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Mereka juga dikatakan sentiasa bersatu hati meringankan beban masing-masing yang memerlukan pertolongan. Oleh itu, keperibadian yang dimiliki oleh masyarakat desa ini merupakan satu sifat yang terpuji yang wajar dijadikan cerminan untuk membentuk insan yang lebih bersahsiah dan bertamadun. Di samping itu, menerusi *Pemujaan Tok Mekong* dapat dilihat bahawa terdapat unsur tolong-menolong iaitu:

Petikan 19

"Mawar adalah budak perempuan yang lembut tetapi tangkas dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Mawar sanggup membanting tulang menolong ibu bapanya dalam melakukan aktiviti seharian".

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:47)

Melalui teks *Pemujaan Tok Mekong* ini juga dapat dilihat terdapat satu pemikiran penglipur menerusi unsur nilai tolong-menolong. Hal ini dapat dilihat menerusi perwatakan Mawar yang sanggup menolong ibu bapanya untuk melakukan aktiviti seharian. Perwatakan Melur seorang yang sanggup membantu ibu bapanya dalam



FYP FTKW

meringankan beban keluarganya boleh dikatakan sesuatu hal yang terpuji yang wajar dicontohi oleh kesemua generasi. Oleh itu, jelaslah bahawa menerusi bahawa unsur nilai tolong-menolong daripada perwatakan Mawar telah ditonjolkan dalam teks ini bertujuan dapat memberikan pengajaran kepada semua.

Dengan itu, dapat dilihat bahawa dapatan kajian diatas menpunyai hubungkait dengan lendekatan kemasyarakatan. Hal ini dapat dilihat melalui nilai tolong -menolong yang diterapkan oleh tukang cerita dalam teks tersebut. Seperti kita ketahui bahawa, pendekatan masyarakat merupakan salah satu daripada teori pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang. Pendekatan kemasyarakatan dikatakan bersesuaian dengan nilai tolong menolong kerana unsur ini adalah sangat dekat dalam diri masyarakat. Berdasarkan cerita rakyat *Nurani Che Him* dapat dilihat terdapat perbuatan nilai tolong-menolong menerusi perwatakan Cik Him yang menolong warga tua yang menghadapi kesusahan. Selain itu, menerusi *Simbolik Rebana* juga dapat dilihat melalui perwatakan penduduk kampung yang bersatu hati untuk membantu antara satu sama lain apabila terdapat masjlis-majlis keramaian. Melalui nilai tolong menolong ini mendapati bahawa cerita lisan ini bukan sahaja untuk menghiburkan pembaca tetapi ia tersirat nilai-nilai yang terpuji yang boleh dijadikan sebagai pengajaran serta membentuk kearah manusia yang lebih bertamadun tinggi.



FYP FTKW

4.3 Pemikiran Penglipur Lara Dalam Sosiobudaya

Umum mengetahui bahawa masyarakat di Malaysia ini terdiri daripada pelbagai jenis kaumnya yang pasti akan wujud corak sosiobudaya yang berlainan. Perbezaan yang ada tidak sewajarnya menjadi satu penghalang bagi mewujudkan pelbagai jurang dalam sistem masyarakat demokrasi di Negara ini. Melalui konteks pendidikan, dapat dilihat bahawa kepelbagaian sosiobudaya dalam diri seseorang itu bukan sahaja dapat dilihat dari aspek adat budaya, etnik dan ras sahaja tetapi ia merangkumi kepada aspek yang lebih besar. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010), berpendapat bahawa sosiobudaya beerti hubungan masyarakat Melayu dengan budaya iaitu cara hidup dan adat istiadat. Kebudayaan juga dikenali sebagai cara hidup masyarakat yang berkaitan kehidupan manusia secara berkelompok yang berbentuk kebendaan serta bukan kebendaan. Dr. Mohd Arshad Hj.Taib (2020) menyatakan bahawa sosiobudaya didefinisikan sebagai satu corak hidup serta amalan dalam diri masyarakat yang cenderung kepada hal yang berkaitan dengan bidang- bidang bertujuan untuk memberi keselesaan serta rangsangan hidup masyarakat. Hal ini disimpulkan bahawa sosiobudaya adalah satu aspek budaya yang berkait rapat dengan kehidupan manusia. Sebagai seorang muslim terdapat satu ayat Al-Quran yang mengambarkan mengenai kehidupan sosiobudaya dalam kehidupan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa. Hal ini dibuktikan menerusi ayat Al-Isra' iaitu:

> "Allah memuliakan anak cucu Adam seluruhnya dengan tidak mengira bangsa dan golongan serta Allah juga telah melebihkan mereka daripada makhluk lain".
>
> (Surah Al-Isra' 17:70)

Berdasarkan surah Al-Isra' ini menyatakan bahawa Allah memuliakan setiap makhluknya tanpa mengira setiap bangsa mahupun agama berbanding makhluk lain. Hal ini dikatakan demikian kerana Negara kita merupakan negara yang terdiri daripada



FYP FTKW

beberapa jenis kaum seperti Melayu, Cina dan India. Kita seharusnya sentiasa bersatu hati dalam melakukan sesuatu perkara selagi ia tidak melanggar landasan agama yang kita anuti. Kita juga sewajarnya sentiasa berbuat baik antara satu lain bagi membentuk masyarakat yang hidup dalam keadaan harmoni dan sejahtera. Justeru itu, sebagai seorang yang beragama islam kita diseru untuk sentiasa hormat menghormati bangsa dan etnik yang lain serta tidak melakukan sebarang kezaliman yang berbentu keseruan kaum.

### 4.3.1 Golongan Masyarakat

Umum mengetahui sosiobudaya merupakan satu bidang yang luas dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia seperti golongan masyarakat. Seperti yang kita ketahui, Masyarakat yang wujud di Malaysia seramai 23 Juta terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama seperti Melayu, Cina dan India. Menurut Mohamad Yusoff (2000) menyatakan Masyarakat dikenali sebagai sebuah kelompok masyarakat yang berkomunikasi dalam sebuah kawasan yang telah diaturkan dalam budaya untuk dikongsi secara bersama. Masyarakat juga bermaksud kelompok manusia yang menjalankan kehidupan Bersama-sama dengan cara tertentu. Menurut Soerjono Soekanto (2006) menyatakan masyarakat adalah cara hidup secara bersama yang menerbitkan tentang kebudayaan serta setiap pola kehidupan sesama mereka menjadi pengikat kesatuan seseorang individu. Dalam konteks masyarakat di Malaysia pula dikenali sebagai pelbagai kumpulan etnik yang mempunyai hubungan harmoni bagi membina masyarakat yang sentiasa bersatu hati antara satu sama lain tanpa berlakunya perpecahan kaum. Hal ini juga disebut bahawa masyarakat Malaysia sebuah kumpulan yang terdiri daripada beberapa jenis kaum yang mengamalkan budaya, agama, bahasa, cara hidup serta adat resam yang berbeza. Berdasarkan buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Pengkalan Datu, Kelantan* ini dapat dilihat bahawa pemikiran penulis



FYP FTKW

berasaskan kepada aspek sosiobudaya iaitu golongan masyarakat. Hal ini dapat dilihat menerusi dua buah cerita lisan yang bertajuk *Terhempasnya Zero Fighter Jepun di Ti Lebar* dan *Misteri Gajah Berkaki Enam.* Perkara ini dibuktikan menerusi petikan teks daripada Zero Fighter Jepun di Ti Lebar iaitu:

> Petikan 20
> “Di kampung Pengkalan Datu itu juga, penduduk tidak bersengketa sesama sendiri biarpun di situ terdapat pelbagai bangsa yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:20)

Berdasarkan cuplikan ini menjelaskan mengenai pemikiran penglipur lara dalam aspek sosiobudaya. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kelompok masyarakat yang terdapat dalam karya tersebut. Melalui *Terhempasnya Zero Fighter Jepun di Ti Lebar* ini menunjukkan tentang golongan masyarakat yang terdapat dalam cerita tersebut seperti bangsa Melayu, Cina dan India. Penduduk Kampung tersebut dikatakan sentiasa bekerjasama sesama sendiri tanpa mengira kaum serta agama yang mereka anuti. Mereka juga membina penempatan dengan jarak yang tidak jauh antara satu sama lain. Sebagai contoh, sikap perpaduan sangat kuat dalam diri masyarakat di Pengkalan Datu kerana mereka bersama-sama mempertahankan tanah air mereka daripada dijajah oleh pihak Jepun. Oleh itu, menerusi cerita ini kita dapat melihat bahawa sosiobudaya menerusi golongan masyarakat yang berbilang kaum merupakan salah satu daripada bentuk corak pemikiran penglipur lara. Selain itu, tukang cerita juga menjelaskan pemikirannya menerusi cerita lisan yang lain iaitu *Misteri Gajah Berkaki Enam* mengenai sosiobudaya. Perkara ini juga dilihat melalui golongan masyarakat yang berbilang kaum yang terdapat dalam naratif lisan tersebut. Hal ini dibuktikan menerusi teks iaitu:



FYP FTKW

Petikan 21

"Dahulunya di sebuah kampung yang aman dan damai dihuni oleh pelbagai lapisan masyarakat berbilang bangsa. Mereka hidup secara rukun tanpa sebarang permusuhan. Mereka juga saling bergantung dan memerlukan di antara satu sama lain".

(Mohd Firdaus Che Yaacob 2021:49)

Petikan Naratif Lisan ini membuktikan bahawa pemikiran penglipur lara dalam aspek sosiobudaya dalam golongan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita ini mengisahkan mengenai masyarakat yang hidup dalam suasana yang harmoni tanpa berlaku sebarang perbalahan walaupun hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum serta budaya yang berbeza. Mereka juga hidup dengan saling bergantungan antara satu lain untuk menghadapi segala cabaran serta dugaan. Sebagai contoh, Pak Harun telah bertindak mengumpulkan semua penduduk kampung bagi menjernihkan keadaan tersebut serta meleraikan pergaduhan antara orang Cina dan India iaitu Lim dan Muthu yang telah mencetuskan kesalahfahaman antara kaum dalam perkampungan itu. Sikap terpuji yang dimiliki oleh mereka membuatkannya hidup secara rukun serta bertolak ansur walaupun berlainan bangsa. Mereka juga dikatakan berkumpul bersama-sama untuk menghapus gajah berkaki enam dengan cara membawa senjata masing-masing seperti senapang, parang dan keris. Gajah tersebut dikatakan sudah mati kerana berkat daripada kegigihan mereka yang bekerjasama dalam memastikan setiap usaha mereka berjaya. Oleh itu, kita dapat melihat bahawa pemikiran penglipur lara yang menulis mengenai golongan masyarakat yang berbilang kaum mampu dijadikan sebagai pengajaran kerana ia bukan satu batu penghalang untuk melakukan segala perkara bersama-sama walaupun kita berada di dalam kelompok kaum yang berbeza-beza.

FYP FTKW

Pemikiran penglipur lara dalam aspek sosiobudaya melalui golongan masyarakat yang ditulis dalam teks naratif lisan ini ditonjolkan menerusi teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan. Hal ini dikatakan demikian kerana teori yang digagaskan oleh Hashim Awang ini berkait rapat dengan kehidupan manusia. Pendekatan masyarakat merupakan satu medium yang mampu membentuk kesejahteraan serta membawa nilai kebaikkan dalam diri masyarakat. Melalui dua jenis teks ini, dapat dilihat golongan masyarakat yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India mempunyai nilai yang tinggi dalam membentuk perpaduan kaum yang hormani tanpa sebarang unsur perpecahan kaum. Hal ini dibuktikan melalui *Misteri Gajah Berkaki Enam* iaitu Pak Harun telah bertindak untuk mengumpulkan masyarakat di kampungnya bertujuan untuk menyelesaikan masalah antara Lim dan Muthu.

Rentetan itu, dapat dilihat bahawa analisis diatas bertujangkan kepada pendekatan kemasyarakatan. Perkara ini dapat dilihat apabila tukang cerita mengulas pemikiran beliau dalam kelompok masyarakat yang pelbagai ditonjolkan bagi membuka mata masyarakat bahawa berlainan kaum mampu untuk membentuk gaya hidup yang bersatu padu antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat melalui perwatakan Pak Harun yang membantu Lim dan Muthu untuk menyelesaikan pergaduhan mereka. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa pendekatan kemasyarakatan menjadi hal yang penting bagi mendidik mereka untuk sentiasa melakukan hal yang baik tanpa mengira sesiapa serta memastikan kita dapat hidup dalam suasana yang lebih harmoni.

### 4.3.2 Gaya Hidup Masyarakat

Gaya hidup dikenali sebagai cara hidup manusia melalui apa yang sering dilakukan dalam kehidupannya. Menurut Plummer (1983) menyatakan bahawa gaya hidup dikenali sebagai cara hidup seseorang menghabiskan sisa waktu dalam seharian



FYP FTKW

dengan melakukan sesuatu perkara yang dianggap sangat penting serta berguna dalam kehidupannya . Gaya hidup juga membawa maksud mengenai cara seseorang dalam menghabiskan waktu untuk melakukan sebarang aktiviti yang dianggap penting oleh mereka sendiri. Berdasarkan pendapat yang telah dikemukan oleh Chaney (1997) berkata bahawa gaya hidup terbahagi kepada beberapa bentuk gaya hidup seperti industri gaya hidup menerusi abad gaya hidup dan penampilan diri yang mengalami estetika.

Gaya hidup seseorang manusia tidak mempunyai persamaan antara satu sama lain kerana ia dilakukan mengikut kepada kehendak serta kudrat seseorang untuk melakukan perkara tersebut. Melalui naskah naratif lisan ini dapat dilihat bahawa penulis ingin pembaca untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai cara hidup masyarakat di Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau telah merangka setiap cerita tersebut dalam bentuk kelas sosialnya yang tersendiri agar mudah difahami oleh pembaca. Seperti yang ketahui bahawa, penduduk desa pada zaman dahulu lebih terdedah kepada kegiatan pertanian, perdagangan serta nelayan. Mereka menggunakan setiap sumber yang ada seperti sungai dan tanah untuk dijadikan sebagai satu bentuk pekerjaan. Sebagai contohnya, pengkaji mendapati bahawa aspek sosiobudaya melalui gaya hidup masyarakat di Kampung Pengkalan Datu, Kelantan dapat dilihat menerusi cerita lisan seperti *Pengunduran Raja Patani* dan *Kegemilangan Pengkalan datu.* Hal ini dapat dibuktikan menerusi teks yang terdapat dalam cerita tersebut iaitu:

> Petikan 22
> "Baginda meluaskan empayar pemerintahannya melalui aktiviti perdagangan yang dilihat Ketika itu amat menggalakkan pertumbuhan pembangunan negerinya".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:80)



FYP FTKW

Berdasarkan rangkap ini menjelaskan bahawa terdapat aspek sosiobudaya melalui gaya hidup masyarakat iaitu melakukan aktiviti perdagangan. Melalui cerita ini dapat dilihat bahawa penulis mencipta watak Raja Patani sebagai seorang pedagang. Terdapat banyak pedagang yang ingin datang ke negeri itu bertujuan untuk melakukan aktiviti perdagangan. Hal ini dibuktikan menerusi pedagang dari China, India, Eropah, dan Sriwijaya telah datang untuk berkumpul di Patani bagi menjalankan kehidupan seharian mereka dengan keadaan aman dan sejahtera. Mereka merasakan bahawa negara tersebut mereka salah satu tempat yang paling sesuai untuk melakukan aktiviti tersebut. Oleh itu, apa yang dapat digambarkan oleh pembaca mengenai pemikiran penglipur lara ialah dalam aspek sosiobudaya mengenai cara hidup masyarakat dengan mengetengahkan mengenai seorang Raja yang melakukan kegiatan aktiviti perdangangan. Selain itu, tukang cerita juga ada memberi satu lagi contoh mengenai cara hidup masyarakat dalam naratif lisan *Kegemilangan Pengkalan Datu* seperti:

> Petikan 23
> “Baginda telah menitahkan agar dibuka satu kawasan untuk tanaman padi dan menggiatkan aktiviti perdagangan di Sungai Pengkalan Datu tersebut”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:14)

Berdasarkan kepada petikan ini pula menceritakan mengenai Sultan Omar yang menjalankan cara hidup dengan melakukan aktiviti tanaman padi serta aktiviti perdagangan. Beliau melakukan aktiviti tersebut di Sungai Pengkalan Datu kerana beranggapan bahawa terdapat banyak sumber yang boleh digunakan untuk dijadikan sebuah pekerjaan. Aktiviti perdagangan yang telah dijalankan oleh baginda telah berjaya membuka mata pihak luar untuk menjalankan aktiviti perhubungan luar dengan negeri-negeri yang lain seperti Terengganu, Patani, Jawa dan Cina. Berkat kegigihan serta semangat yang tidak berputus asa dalam diri, baginda telah berhasil menjadikan Kelantan sebagai pusat perdagangan yang paling terbesar ketika itu.



FYP FTKW

Pemikiran penglipur lara dalam aspek sosiobudaya dapat dilihat dengan lebih jelas melalui gaya hidup masyarakat yang telah dijalankan oleh Sultan Omar yang bertindak menjadi seorang petani dan pedagang. Hal ini dapat dilihat bahawa gaya hidup yang dimiliki oleh baginda telah mendatangkan keberuntungan kepada masyarakat desa kerana ia mampu untuk membuka banyak peluang pekerjaan disamping dapat menambah sumber pendapatan. Oleh itu, jelaslah bahawa gaya hidup masyarakat melalui aspek sosiobudaya merupakan salah satu pemikiran penglipur lara yang memberi banyak mesej yang tersirat serta dapat membuka mata pembaca untuk mengetahui dengan lebih jelas mengenai keadaan gaya hidup masyarakat generasi terdahulu yang menetap di Kelantan.

Sehubungan itu, dapat dilihat bahawa analisis diatas menunjukkan bahawa mempunyai hubungkait dengan pendekatan kemasyarakatan iaitu cara hidup masyarakat menerusi aspek sosiobudaya bertunjangkan kepada teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang. Pendekatan Kemasyarakatan dikatakan sangat bersesuaian dengan gaya hidup masyarakat ini adalah kerana ia berkait rapat dengan manusia yang berada di sekeliling yang melakukan setiap pola kehidupan dengan melakukan segala hal yang diminatinya. Bukan itu sahaja, pendekatan ini juga menjadi satu wadah bagi membentuk kesejahteraan dalam hidup bermasyarakat yang dapat membawa kepada kebaikan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap kelompok manusia mempunyai cara hidup masing-masing yang memberikan pelbagai mesej yang dapat dijadikan sebagai cerminan dalam kehidupan. Oleh itu, jelaslah bahawa pendekatan kemasyarakatan sangat bersesuaian dengan gaya hidup masyarakat dalam aspek sosiobudaya kerana ia mampu membuka minda pembaca untuk mencungkil lebih banyak pengetahuan berkaitan dengan pekerjaan atau kelas sosial kelompok manusia yang mempunyai perbezaan antara satu sama lain.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.3.3 Adat Tradisi

Adat merupakan suatu peraturan hidup yang memperlihatkan tentang perlakuan harian yang mencakupi gagasan kebudayaan terdiri daripada norma, nilai-nilai kebudayaan serta hukum adat yang sering dilakukan pada sesuatu tempat. Menurut Jalaludi (1660), menyatakan bahawa perkataan "Adat" dikenali daripada pinjaman bahasa Arab yang bererti kebiasaan. Adat merupakan satu maksud yang sangat luas kerana ia berbentuk perlakuan atau perbuatan cara hidup manusia yang telah dijalankan sejak turun temurun sehingga menjadi sebuah tradisi. Masyarakat pada generasi kini seharusnya menyampaikan maklumat mengenai adat yang sering dijalankan agar hal ini tidak dapat dilupakan oleh generasi akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap adat yang dijalankan adalah daripada amalan nenek moyang yang mempunyai pelbagai tujuan seperti menghiburkan atau menyempurnakan sesuatu majlis sehingga terbentuk menjadi sebuah tradisi. Ia juga dikatakan bahawa adat merupakan amalan seseorang individu yang sering dilakukannya bagi membentuk sebuah tradisi yang menjadi hal wajib dilaksanakan sehingga ia terbentuk menjadi peraturan.

Munurut Abdul Samad Idris (2006) menyatakan bahawa adat dikenali sebagai suatu amalam yang biasa dilakukan oleh sekumpulan masyarakat dalam mencorakkan kehidupan seharian mereka. Berdasarkan Kassim Salleh (1989) pula berpendapat, adat merupakan sesuatu yang menjadi perlakuan yang sering dilakukan oleh manusia iaitu dari segi perbuatan, perkataan atau meninggalkan perbuatan tertentu. Hal ini dapat dilihat apabila perlakuan tersebut sering dilakukan secara berulang-ulang sehingga menjadi kebiasaan dalam diri seseorang serta mampu diterima oleh akal. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa penglipur lara mengambarkan mengenai adat istiadat yang terdapat di Kampung Pengkalan Datu, Kelantan pada zaman dahulu. Hal ini dibuktikan menerusi dua cerita lisan yang menceritakan tentang amalan bermain rebana



FYP FTKW

dalam acara tertentu dan sejenis seni mempertahankan diri iaitu silat. Sebagai contoh, dalam cerita lisan *sembolik rebana* terdapat adat istiadat yang menjadi amalan penduduk desa di kampung tersebut sehingga berkembang ke generasi kini. Perkara ini dikatakan demikian menerusi petikan yang terdapat cerita tersebut seperti:

> Petikan 24
> “Pada zaman dahulu, rebana dimainkan untuk menyambut kedatangan golongan raja-raja. Setiap paluan yang dimainkan adalah berbeza”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:18)

Melalui petikan yang dinyatakan dalam cerita lisan *sembolik rebana* ini mengetengahkan adat permainan rebana. Hal ini dikatakan demikian kerana *sembolik rebana* dijadikan sebagai satu adat tradisi bagi menyambut kedatangan golongan raja-raja. Paluan rebana ini dimainkan khusus untuk golongan raja serta merupakan sebuah perhormatan kepada golongannya dalam kalangan masyarakat. Selain itu, rebana digunakan bagi majlis-majlis perkahwinan golongan bangsawan. Melalui permainan rebana ini, hubungan antara golongan masyarakat bertambah erat kerana ia permainan ini dilaksanakan dengan bersama-sama. Golongan masyarakat yang terlibat dengan permainan rebana ini sudah dianggap sebagai adik-beradik. Mereka juga akan menginap di tempat yang akan diadakan majlis tanpa pulang ke rumah masing-masing. Adat permainan rebana ini mempunyai peraturannya yang tersendiri iaitu tidak boleh dipalu kepada kesemua orang. Sebagai contoh, ia dapat dilihat berdasarkan satu petikan dalam naskah tersebut iaitu:

> Petikan 25
> “Paluan rebana tidak boleh dimainkan sesuka hati oleh golongan rakyat biasa. Hal ini menggambarkan sikap biadab golongan rakyat kepada raja sebagai golongan pemerintah”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:18)



FYP FTKW

Melalui petikan ini menjelaskan bahawa permainan rebana mempunyai peraturan yang telah ditetapkannya. Hal ini dikatakan demikian kerana paluan rebana tidak dibenarkan sesuka hati dimain oleh golongan rakyat biasa. Rakyat akan dianggap sebagai seorang yang biadab terhadap raja sekirannya melanggar paturan yang telah termaktub. Oleh hal demikian jelaslah disini bahawa adat istiadat memainkan peranan penting dalam membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun disamping dapat menjadi cerminan moral kepada generasi akan datang.

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian mengenai adat tradisi mempunyai hubungkait dengan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan. Pendekatan kemasyarakatan dikatakan mempunyai kaitan dengan hasil kajian kerana ia merupakan satu hal yang mampu membentuk keharmonian dan boleh membawa nilai kebaikan dalam diri seseorang. Hal ini dapat dibuktikan menerusi Cerita Rakyat *Simbolik Rebana* iaitu menerusi perlakuan masyarakat kampung yang bersama-sama menaikkan adat tradisi paluan rebana dengan melakukannya dengan bersama-sama. Oleh itu, dapat dilihat bahawa pendekatan kemasyarakatan bersesuaian dengan adat tradisi kerana ia melibatkan tentang kumpulan masyarakat yang boleh mewujudkan keharmonian serta keamanan antara sesama kita.

### 4.3.4 Seni Budaya

Seni dikenali daripada perkataan Sanskrit yang bermaksud persembahan, pemujaan serta pelayanan. Seni juga berasal dari Bahasa Belanda “genie” dari bahasa Latin yang dikenali sebagai “genius” yang dikenali sebagai kemampuan luar biasa yang ada sejak azali. Seni berkait rapat dengan alam serta persekitaran yang melibatkan manusia serta aktiviti kebudayaan yang berkaitan dengan kehidupan. Menurut Wood (1980) menyatakan bahawa seni budaya dapat dilihat menerusi simboleh, boleh digunakan, boleh berubah serta dicipta dan dapat disesuaikan serta diselaraskan. Seni



FYP FTKW

juga merupakan sebahagian daripada budaya yang luas terdiri daripada keupayaan serta disiplin ilmu. Ia juga satu jenis yang berkaitan dengan seni pertunjukkan, teater, seni visual dan tarian. Budaya pula dikenali sebagai gaya hidup yang berkembang dalam kelompok masyarakat yang diwarisi menerusi generasi ke generasi yang lain. Seperti yang kita ketahui bahawa aktiviti seni budaya ini merupakan satu aspek yang dapat membentuk jati diri serta sahsiah dalam diri seseorang.

Pelbagai jenis budaya yang hadir dari setiap pelosok negara ini dapat membentuk landskap seni dan kebudayaan negara menjadi lebih terkenal. Seni budaya merupakan suatu keahlian yang mengekpresikan idea-idea serta pemikiran unsur estetika dan mewujudkan kemampuan imaginasi pandangan akan sesuatu benda, suasana atau karya yang boleh menimbulkan perasaan indah. Berdasarkan pemerhatian yang dapat dilihat melalui Yahaya Ibrahim (2008) menyatakan bahawa seni budaya terdiri daripada pola masyarakat tempatan yang mempunyai keunikan pelbagai merangkumi kepada cara berpakaian, adat, upacara, gaya hidup serta agama sebagai elemen penting. Melalui naratif lisan yang dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), terdapat satu seni dan kebudayaan dari aspek sosiobudaya yang wujud hasil dari pemikiran penulis iaitu *Tok Karim Guru Silat Mashur*. Hal ini dibuktikan menerusi teks petikan yang terdapat dalam cerita lisan itu seperti:

> Petikan 26
> "Diceritakan dalam Riwayat bahawa dahulu terdapat seorang guru silat bernama Tok Karim. Tok Karim merupakan seorang guru silat yang amat tersohor dan handal ilmunya di zaman masyarakat Melayu tradisional. Ramai dalam kalangan anak muda datang mempelajari seni silat daripadanya".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:66)

Melalui cerita lisan ini dapat dilihat bahawa penglipur lara melontarkan pemikirannya dengan mengambarkan mengenai aspek sosiobudaya dalam seni budaya. Hal ini dibuktikan melalui watak Tok Karim yang dikenali sebagai seorang ahli



FYP FTKW

silat seni mempertahankan diri. Beliau dikenali sebagai seorang guru silat yang tersohor dalam kalangan masyarakat kampung di Pengkalan Datu. Seni mempertahankan diri dikenali sebagai satu seni yang digunakan bagi mempertahankan diri daripada ancaman musuh. Tok Karim merupakan seorang yang handal dalam ilmu mempertahankan diri serta menjadi sanjungan dan tumpuan penduduk setempat. Beliau juga seorang sangat berani untuk menentang sesiapa sahaja yang melakukan tindakan yang berlawan dengan prinsip hidupnya. Setiap ilmu mengenai seni mempertahankan diri diperturunkan kepada anak muridnya untuk dimanfaatkan dalam kehidupan mereka.

Berdasarkan petikan diatas ini jelas memaparkan bahawa pemikiran penglipur lara juga ada menerapkan tentang seni dan budaya. Lantaran itu, perkara ini telah terbukti bahawa silat merupakan daripada seni mempertahankan diri. Oleh itu, tukang cerita ingin mengambarkan bahawa seni mempertahankan diri seperti silat sememangnya wajar diwarisi segenap lapisan masyarakat terutama generasi muda kini.

Sehubungan dengan itu, hasil dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa ia mempunyai hubungkait dengan pendekatan kemasyarakatan iaitu dibawah cabang teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, seni merupakan gaya hidup yang terhasil dari kelompok masyarakat yang dapat diperturunkan dari generasi ke generasi akan datang. Seperti yang kita ketahui bahawa seni merupakan satu hal yang sangat dekat dengan masyarakat. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi aktiviti seni mempertahankan diri seperti silat yang telah wujud dalam golongan masyarakat pada zaman dahulu lagi sehingga dikembangkan kepada generasi kini. Perkara ini digambarkan menerusi *Tok Karim Guru Silat Mahsyur* menerusi Tok Karim sebagai seorang ahli silat untuk mempertahankan diri. Justeru itu, seni merupakan satu hal yang tidak asing lagi dalam diri seseorang kerana ia juga dapat menjadi medium dalam memastikan hubungan sesama kita sentiasa harmoni dan sejahtera. Pendekatan



FYP FTKW

kemasyarakatan dikaitkan dengan seni budaya kerana melalui aktiviti ini juga dapat membentuk nilai moral yang tinggi dan mampu melahirkan masyarakat yang lebih bertamadun. Oleh itu, seni budaya melalui aktiviti seni mempertahakan diri ini bersesuaian dengan pendekatan kemasyarakatan kerana ia sangat dekat dengan kumpulan masyarakat serta pelbagai manfaat yang dapat dimiliki oleh seseorang apabila mempelajari tentang ilmu seni kebudayaan ini.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 Pemikiran Penglipur Lara Berunsurkan Mitos

Menurut Hooykaas (1965), menyatakan bahawa mitos merupakan sebuah cerita berkaitan dengan dewa-dewa yang kebiasaanya didorang oleh unsur keagamaan serta unsur yang berkait rapat dengan asal-usul seseorang raja dan mempunyai unsur-unsur yang ajaib. Unsur mitos ini tidak boleh dikeluarkan dengan secara sewenang-wenangnya sahaja tetapi perlulah berdasarkan kepada kepercayaan yang telah wujud daripada pemikiran masyarakat zaman dahulu sebelum wujudnya lagi kepercayaan yang lain. Hashim Awang (1986), menyatakan mengenai mitos ditakrifkan kepada kepelbagaian cerita rakyat yang menceritakan mengenai makhluk atau manusia atau berdasarkan kejadian luar biasa atau pemikiran berlaku di luar kotak pemikiran manusia. Seperti yang kita ketahui, cerita mitos ini kebiasaanya tidak mempunyai pengarangnya kerana merupakan sebuah cerita yang diwarisi menerusi mulut ke mulut untuk disampaikan kepada setiap generasi tanpa mengetahui kebenaran daripada cerita tersebut.

Menurut Harsojo (1988) menyatakan bahawa mitos adalah sebuah sistem kepercayaan yang wujud dari suatu kelompok manusia yang terdiri daripada sebuah landasan yang menceritakan mengenai cerita-cerita yang berkaitan dengan masa lampau. Mitos adalah unsur yang penting bagi seseorang pengarang untuk melahirkan sebuah karya. Hal ini dikatakan demikian kerana tukang cerita menggunakan daya tarikan dengan mengambarkan naskhah yang berkaitan dengan unsur mitos dengan mengaitkan tentang kehebatan, kesaktian, keanehan dan keajaiban yang mampu menarik minat pembaca untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai hal tersebut. Melalui buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan,* terdapat beberapa pemikiran penglipur lara yang berunsurkan kepada mitos yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan mengenai cerita mitos masyarakat



FYP FTKW

Kelantan pada zaman dahulu. Pengkaji mendapati bahawa penulis menciptakan karyanya berkaitan usur mitos ini dengan merujuk mengenai asal usul, cerita kayangan, cerita binatang, unsur mitos melalui mimpi dan unsur mitos melalui kepercayaan.

4.4.1 Unsur Mitos Melalui Mimpi

Mimpi dikenali sebagi perkara yang dialami oleh setiap manusia sepanjang kehidupannya di dunia. Setiap manusia menghadapi pengalaman bermimpi termasuk nabi dan rasul. Berdasarkan pendapat Daei Freud (2001), menyatakan bahawa mimpi ditakrifkan sebagai penghubung antara keadaan terjaga dan tidur. Hal ini dikatakan demikian kerana mimpi merupakan ungkapan yang benar atau terpesong yang dilakukan dalam keadaan tidak sedar. Mimpi juga dikatakan merupakan buah fikiran seseorang individu beserta perbuatan, tersalah ucapan atau jenaka dalam keadaan luar sedar. Arabi (1972), pula berpendapat bahawa ia mimpi adalah sebahagian daripada imaginasi. Kebiasaannya mimpi berhubung dengan apa yang difikirkan dan dilihat sewaktu dalam keadaan sedar.

Haffner (2001) berpendapat bahawa mimpi ditafsirkan sebagai kehidupan yang berada di luar alam sedar dan selalu menghubungan seseorang individu dengan sesuatu perkara yang muncul tanpa sengaja. Mimpi ini juga dikatakan sebagai mainan tidur yang muncul dalam pelbagai perkara mengenai perkara yang baik dan buruk. Sebagai contoh, masyarakat pada zaman dahulu berpendapat bahawa mimpi itu merupakan salah satu daripada petunjuk daripada apa yang berlaku terhadap diri mereka mengenai kehidupan mereka di masa hadapan. Sebagai seorang muslim, kita digalakkan untuk tidak terlalu percaya dengan setiap mimpi yang dialami. Perkara ini telah dijelaskan menerusi sebuah dalil yang berkaitan dengan mimpi iaitu:



FYP FTKW

Petikan 27
"Sesungguhnya mimpi itu mempunyai tiga jenis. Mimpi yang baik itu merupakan berita gembira yang datang daripada Allah SWT. Mimpi yang buruk disebabkan oleh apa yang berlaku ke atas seseorang itu. Jika sekirannya sesiapa dalam kalangan kamu bermimpi sesuatu yang buruk, hendaklah dia berdiri dan mendirikan solat sunat serta janganlah dia memberitahu mimpinnya kepada orang lain".

(Hadith Riwayat Muslim:2263)

Menerusi hadis diatas, dapat dilihat bahawa mimpi ini mempunyai pelbagai jenis yang terdiri daripada perkara baik serta buruk. Setiap manusia seharusnya tidak terlalu percaya dengan mimpi kerana terdapat mimpi yang juga berunsurkan mitos. Hal ini juga dikatakan demikian kerana setiap orang yang bermimpi tidak mempunyai persamaan dari segi hal atau keadaan dengan orang yang lain. Setiap mimpi ini dikatakan boleh jadi datangnya daripada Allah SWT serta ia boleh juga dikatakan sebagai permainan daripada syaitan. Oleh itu, menerusi naratif lisan ini terdapat unsur mitos melalui mitos yang telah digarap melalui pemikiran penglipur lara. Sebagai contoh ia dapat dilihat melalui petikan dalam cerita lisan *Kain sutera Cina* seperti:

Petikan 28
"Sedang lena dibuai mimpi, Hassan telah didatangi oleh seorang puteri yang cantik memakai baju kebaya sutera berwarna ungu. Di dalam mimpi Hassan itu, Puteri jelita telah mengetahui niat hati mereka yang murni itu". Kata puteri itu "Ambilah kain sutera ini kemudian balut ditempat luka yang dialaminya dan lihatlah lukanya akan sembuh dengan sendirinya tanpa merasa sakit".

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:11)

Berdasarkan petikan atas di atas mendapati bahawa terdapat unsur mitos melalui mimpi. Hal ini dikatakan demikian kerana Hassan telah bermimpi bertemu dengan seorang puteri cantik. Di dalam mimpi tersebut, puteri itu telah memberikan sehelai kain sutera yang bertujuan untuk membalut luka bagi memastikan lukanya akan sembuh dengan sendiri tanpa perlu merasa sakit. Sewaktu Hassan berjaga dia berasa sangat terkejut kerana kain tersebut berada di atas tangannya. Berkat daripada sehelai



FYP FTKW

kain sutera tersebut, luka yang dihadapi oleh ahli keluarganya telah kering dan hilang dengan serta-merta tanpa menunggu waktu yang lama. Hal ini telah mengejutkan semua penduduk tentang keajaiban yang telah berlaku ini. Secara analogi, dapat kita ketahui bahawa perkara ini berunsurkan mitos melalui mimpi kerana ia sebuah keajaiban serta mustahil untuk berlaku dalam dunia yang nyata. Hal ini kerana secara logik pemikiran manusia mendapati bahawa setiap perubatan yang dijalankan untuk setiap jenis penyakit memerlukan proses masa untuk sembuh. Oleh itu, dapat dilihat bahawa pemikiran penglipur lara berdasarkan unsur mitos melalui mimpi wujud melalui perwatakan Hassan yang mendapat sehelai kain yang boleh menyembuhkan semua orang daripada sakit. Penglipur lara juga ada menyelit mengenai sifat keikhlasan yang dimiliki oleh Hassan menyebabkan puteri cantik tersebut tertarik untuk membantunya.

Sehubungan dengan itu, unsur mitos melalui mimpi bertunjangkan kepada pendekatan firasat. Seperti yang kita ketahui, pendekatan firasat adalah kejadian yang sering dikaitkan dengan mimpi seperti berkait dengan kejadian alam yang mempunyai maksud tersendiri dan setiap penemuannya akan ditafsir. Hashim Awang (1994), berpendapat bahawa ia merupakan satu proses bagi menghuraikan maksud menerusi alamat yang tertentu wujud di dalamnya. Secara analogi, setiap kejadian kebiasaanya dikaitkan dengan mimpi disebabkan mimpi adalah sebuah pengalaman yang berupa misteri. Perkara ini telah mengambarkan mengenai cerita lisan *Kain Sutera Cina* iaitu menerusi perwatakan Hassan yang telah bermimpi bertemu dengan seorang puteri cantik. Tambahan pula, Puteri tersebut telah memberikannya sehelai kain sutera yang boleh merawat penyakit dalam waktu yang singkat. Apa yang dapat dilihat dari cerita lisan ini telah membuktikan bahawa terdapat pelbagai tafsiran yang boleh diungkapan antara perkara yang baik atau tidak. Hal ini kerana apa yang kita ketahui bahawa mimpi merupakan sebuah permainan tidur atau gangguan daripada syaitan serta ia tidak dapat ditafsirkan oleh manusia tentang kebenaran sebuah mimpi tersebut. Oleh itu,



FYP FTKW

masyarakat Melayu sewajarnya lebih mempelajari dengan lebih mendalam mengenai tafsiran mimpi agar tidak terpengaruh dengan setiap maksud yang digambarkan dalam sesebuah mimpi kerana ia merupakan satu hal rahsia yang tidak diketahui oleh manusia serta ia juga berdasarkan daripada pengalaman realiti manusia yang mungkin akan berlaku dalam kehidupan.

### 4.4.2 Unsur Mitos Melalui Cerita Asal Usul

Asal usul dikenali sebagai asal suatu keturunan serta peringkat awal permulaan sesuatu peristiwa. Menurut Aripin Said (2010) menjelaskan bahawa cerita asal usul merupakan naskhah yang paling tertua dalam sastera lisan. Setiap kisah asal usul ini kebiasaanya terdapat unsur dongeng yang wujud sehingga membentuk sebuah asal usul sesuatu tempat. Cerita asal ini juga berkait rapat dengan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana kebiasaanya juga nama asal usul ini diperoleh menerusi perilaku mereka terhadap sesuatu benda di tempat tersebut sehingga tercetusnya satu nama. Cerita asal usul ini juga dikatakan sebuah kisah yang menceritakan mengenai kewujudan permulaan sesuatu daripada hal-hal yang lain berkaitan dengan cerita dongeng atau sesebuah masyarakat dengan mengaplikasikan unsur alam. Melalui cerita lisan ini terdapat satu pemikiran penglipur lara berunsurkan mitos menerusi mimpi dalam *Rumah Api Penyelamat Saudagar* dan *Misteri Gajah Berkaki Enam.*

Petikan 29

> "Setelah diperhatikan barulah beliau menyedari bahawa cahaya kilat petir yang terpancar itu adalah datangnya dari sebuah rumah api. Melihatkan adanya rumah api, anak-anak kapal telah bersorak girang kerana telah menemui daratan untuk berlabuh. Justeru itu,dikatakan perkataan kilatan adalah nama asal bagi negeri Kelantan.Nama itu bersempena cahaya kilatan yang keluar daripada rumah api tersebut".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:24)



FYP FTKW

Melalui petikan *Rumah Api Penyelamat Saudagar* ini mendapati bahawa terdapat unsur mitos menerusi asal usul. Cerita ini berkisarkan tentang seorang saudagar bersama anak buahnya yang berlayar untuk melakukan aktiviti perdagangan. Beliau dikatakan menghadapi masalah apabila kapal yang dinaikinya hampir karam dan mereka berjaya diselamatkan disebabkan kilat yang memancar lalu terjumpa sebuah rumah api sebagai penyelamat. Cahaya kilat yang terbit dipanggil sebagai "Kilantan". Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat dilihat daripada nama asal usul Kelantan iaitu daripada cahaya kilat petir yang terpancar daripada sebuah rumah api. Masyarakat desa membuat kesimpulan bahawa nama Kelantan itu diperolehi daripada pancaran kilat tersebut. Penglipur lara mengambarkan unsur mitos dalam karyanya ini adalah bagi mencungkil nilai-nilai yang positif dalam diri masyarakat mengenai sifat kegigihan seorang saudagar dan anak buahnya dalam memastikan mereka terus terselamat daripada kapal karam.

Menerusi unsur mitos ini dapat dilihat bahawa ia juga mampu melahirkan masyarakat yang lebih berfikiran jauh dalam menyelesaikan sesebuah masalah sehingga membentuk sebuah nama Kelantan. Oleh itu, jelaslah bahawa pengunaan unsur mitos melalui asal usul ini juga dapat menerapkan nilai-nilai positif yang terpapar dalam naratif lisan ini serta ia juga mampu membentuk keperibadian manusia agar mempunyai pemikiran yang lebih terbuka. Selain itu, cerita mitos daripada asal usul ini dapat dilihat menerusi teks *Misteri Gajah Berkaki Enam* iaitu:

> Petikan 30
> "Hikayat menceritakan bahawa dahulu adanya gajah berkaki enam di sebuah daerah di negeri Kelantan. Dahulunya di sebuah aman dan damai dihuni oleh pelbagai lapisan masyarakat berbilang bangsa".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob,2021:49)



FYP FTKW

Menerusi petikan di atas, dapat dilihat bahawa terdapat unsur mitos daripada cerita asal usul. Melalui teks ini menggambarkan bahawa di daerah Kelantan terdapat unsur mitos apabila dikatakan gajah mempunyai kaki enam. Hal ini juga dikatakan sebagai perkara pelik yang boleh dianggap sebagai sebuah mitos. Kajian ini juga menunjukan bahawa dengan cerita rakyat ini terdapat pelbagai jenis unsur yang dapat dilihat seperti unsur kelucuan apabila dikatakan gajah mempunyai keistimewaan berkaki enam. Oleh itu, jelaslah bahawa unsur mitos dalam cerita asal usul ialah apabila menerangkan tentang hikayat negeri Kelantan terdapat seekor gajah yang mempunyai kaki enam.

Pemikiran penglipur lara berunsurkan mitos menerusi asal usul bersandarkan kepada pendekatan firasat. Pendekatan firasat digunakan kerana ia dikenali sebagai kejadian alam yang mempunyai maksud tersendiri dan setiap penemuannya akan dibuat berdasarkan tafsiran. Pendekatan ini juga berperanan untuk melontarkan pandangan bahawa sastera merupakan satu kejadian alam semesta yang penuh dengan pelbagai pengalaman dalam kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana tingkah laku masyarakat Melayu dijadikan sebagai ikon menerusi pengalaman hidup mereka. Melalui cerita rakyat *Rumah Api Penyelamat Saudagar* telah menjelaskan mengenai peristiwa mitos daripada asal usul iaitu kisah seorang saudagar bersama anak kapalnya telah melihat pancaran kilat dan cahaya kilat tersebut dipanggil Kilantan lalu nama Kelantan dikatakan berasal daripada cahaya kilat tersebut. Pemikiran penglipur lara yang menerapkan unsur mitos ini bertujuan untuk memberikan lebih pendedahan mengenai sejarah asal usul yang bersandarkan kepada kejadian alam. Justeru itu, pengkaji menerapkan unsur mitos menerusi teks naratif lisan ini bertujuan untuk memberi kefahaman bahawa unsur mitos ini tidak hanya sebuah kesusasteraan lisan tetapi ia juga mempunyai pelbagai pengajaran yang dapat dijadikan sebagai panduan. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa pendekatan firasat digunakan kerana ia mampu



FYP FTKW

memberikan ilmu pengetahuan, nilai dan pengajaran yang baik dalam membentuk sahsiah diri yang terpuji dalam kalangan pembaca.

4.4.3 Unsur Mitos Melalui Cerita Binatang

Setiap masyarakat Melayu pastinya mengetahui mengenai cerita binatang. Cerita binatang merupakan salah satu cerita yang paling digemari oleh masyarakat terutamanya kanak-kanak. Haiwan lagenda dikatakan merupakan makhluk mitos yang terdapat dalam cerita rakyat. Menurut Ismail Hamid (1988), Cerita binatang dedifinisikan sebagai sebuah cerita rakyat yang paling tua sama ada usianya ataupun asal usul ceritanya serta ia terdapat dalam sastera rakyat Melayu. Cerita binatang ini juga merupakan warisan daripada masyarakat pada zaman dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana seperti yang kita ketahui masyarakat pada zaman dahulu sering tinggal di pedalaman yang penuh dengan haiwan-haiwan. Justeru itu, mereka mencipta cerita-cerita mengenai watak binatang yang dilihat dengan melibatkan sifat manusia dalam penciptaan cerita lisan seperti boleh bercakap, berperasaan dan berfikir seperti manusia. Melalui cerita binatang ini memperlihatkan tentang binatang yang mampu bertutur dan mempunyai akal fikiran seperti manusia biasa. Al-Harfi (1996) berpendapat bahawa cerita binatang membentuk pelbagai pengajaran kepada pembaca serta ia juga dikatakan sebagai sebuah kenyataan yang disertakan dengan unsur realiti yang bercanggah dengan kehidupan norma manusia. Setiap unsur mitos mengenai cerita binatang lagenda ini ditonjolkan menerusi dua buah cerita yang terkandung dalam buku karya Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) iaitu *Kebijaksanaan Burung Hantu* dan *Kelawar Suka Keluar Waktu Malam.* Hal ini dapat dibuktikan menerusi cuplikan daripada cerita tersebut iaitu:



FYP FTKW

Petikan 31
"Burung garuda itu telah membuat sarang di atas pohon pauh. Kehadiran burung garuda ini telah menggugat ketenteraman kampung tersebut. Hal ini kerana burung garuda telah menangkap haiwan peliharaan penduduk kampung untuk dijadikan makanannya".

Petikan 32
"Cadangan daripada pihak raja itu membuatkan garuda masih lagi was-was, namun burung hantu telah menghasut garuda supaya menuruti kemahuan itu kerana garuda pada Ketika itu masih gagah dan kuat berbanding yang lain".

Petikan 33
"Burung hantu yang selama ini menyokong burung garuda telah dihina dan dicemuh oleh unggas-unggas lain. Hal ini telah membuatkan burung hantu tidak keluar pada waktu malam kerana malu dengan unggas-unggas lain".

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:87-88)

Berdasarkan tiga petikan diatas menunjukkan bahawa *kebijaksanaan Burung Hantu* ini dapat dilihat dalam aspek unsur mitos melalui cerita binatang. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui cerita ini menggambarkan bahawa sifat manusia terserlah dalam perwatakan haiwan iaitu sifat gagah serta kuat dalam menghadapi tentera-tentera raja yang mencuba untuk membunuhnya. Selain itu, hal ini dapat dilihat melalui pertemanan burung hantu dengan garuda sehingga sanggup menjadi tali barut kepada burung tersebut untuk menyampaikan berita mengenai rancangan raja. Burung hantu ini juga dikatakan mempunyai perasaan malu dengan unggas yang lain kerana sikapnya yang menyokong garuda jahat tersebut. Melalui cerita ini jelaslah bahawa pendapat dari Al-Kilani (1998) mengenai cerita binatang adalah sebuah cerita yang menggunakan watak haiwan untuk dikembangkan sebagai simbolik dalam sebuah plot cerita.

Perkara ini juga menunjukkan sifat malu yang dipamerkan dalam perwatakan burung hantu ini merupakan salah satu daripada unsur mitos kerana seperti yang kita ketahui bahawa burung hantu adalah haiwan yang tidak mempunyai perasaan. Menerusi cerita ini dapat disimpulkan bahawa unsur mitos dalam cerita binatang ini tersirat penuh nilai moral yang dapat dijadikan sebagai pengajaran kepada masyarakat



FYP FTKW

untuk membentuk sahsiah yang baik. Seterusnya pemikiran penglipur lara berunsur mitos menerusi cerita binatang ini dapat dilihat melalui naratif lisan *Kelawar Suka Keluar Waktu Malam* seperti:

> Petikan 34
> "Alkisah telah diceritakan oleh masyarakat terdahulu bahawa semua haiwan dahulunya keluar mencari makanan pada waktu siang termasuklah kelawar. Namun disebabkan suatu peristiwa menyebabkan kelawar tidak keluar waktu siang. Dahulunya semua haiwan bebas mencari makanan mereka tanpa merasa takut atau risau".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob 2021:89)

Melalui cerita *Kelawar Suka Keluar Waktu Malam* ini menunjukkan mengenai unsur mitos melalui cerita binatang. Berdasarkan cerita ini mengisahkan tentang seekor kelawar yang sesuka hati makan makanan haiwan lain. Ia juga dikatakan sebagai seekor haiwan yang mempunyai sikap tamak dengan sentiasa melakukan pembaziran iaitu makan buah-buahan yang tidak ranum itu dengan hanya mengigit lalu dibuang dengan sesuka hati sahaja. Perbuatan kelawar itu telah menimbulkan kebencian dalam kalangan haiwan lain. Melalui cerita binatang ini dapat disimpulkan bahawa sifat manusia diletakkan kepada perwatakan binatang bagi menarik minat pembaca. Melalui teks mengenai cerita binatang ini juga terselit banyak nilai-nilai moral seperti sikap yang terdapat pada kelawar yang boleh dijadikan sebagai pengajaran.

Lantaran itu, unsur mitos melalui cerita binatang juga ditonjolkan menerusi pendekatan Firasat. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur mitos merangkumi aspek yang luas dari sudut cerita binatang. Menurut Hashim Awang (1994), berpendapat bahawa pendekatan firasat adalah satu proses bagi mendapatkan maksud melalui alamat yang tertentu wujud di dalamnya. Sebagai contoh, kajian terhadap cerita-cerita lisan dalam unsur mitos melalui cerita binatang menunjukkan manusia pada zaman dahulu mempunyai pemikiran yang kreatif dengan menerapkan nilai-nilai moral



FYP FTKW

mengenai sifat manusia. Hal ini dapat dilihat melalui cerita lisan *Kebijaksanaan burung hantu* iaitu burung hantu sanggup menjadi tali barut kepada burung itu untuk menyampaikan sebuah berita. Seterusnya, ia juga dapat dilihat menerusi cerita lisan *Kelawar Suka Keluar Waktu Malam* telah menunjukkan satu karakter seekor kelawar yang tamak dengan menganggap semua makanan tersebut miliknya. Hal ini dikatakan sebagai mitos kerana seperti kita ketahui perwatakan yang dimiliki oleh manusia telah diletakkan ke dalam haiwan. Melalui cerita lisan ini terkandung unsur nasihat dan teguran yang dicipta dalam teks tersebut agar masyarakat lebih mudah untuk memahami serta mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian tanpa mengira batasan umur. Oleh itu, jelaslah bahawa pendekatan firasat merupakan salah satu cabang teori pengkaedahan Melayu yang paling bersesuaian dengan unsur mitos kerana ia terkandung segala cerita yang memberikan pengajaran serta unsur jenaka yang dapat menarik semua generasi untuk membaca dan mendengarnya.

4.4.4 Unsur Mitos Melalui Kisah Mistik

Mistik merupakan daripada perkataan Greek iaitu “mystery” yang dikenali sebagai permulaan gerakan rahsia. Ia juga merujuk kepada mencapai gabungan peribadi atau bergabung dengan Tuhan melalui bentuk kebenaran ilahi. Fahaman mistik atau mistisisme membawa maksud fahaman yang memberi ajaran mengenai mistik seperti *Gaheim, Gaheimzining, Verbogen, Donker atau In Het Duister Gehuld*. Ia juga ditakrifkan sebagai satu pengetahuan yang tidak berasional kerana melanggar landasan agama islam. Dalam konteks agama pula, mistik dtakrifkan sebagai sebuah keyakinan mengenai Tuhan yang diperoleh dengan cara Meditasi atau Latihan Spiritual. Menurut pendapat Taylor,E.B. (1965) berpendapat bahawa kisah mistik adalah lahir daripada pengalaman yang berlaku dalam diri manusia itu sendiri seperti khayalan serta tragedi



FYP FTKW

kematian yang mendatangkan tanda tanya sehingga seseorang individu percaya mengenai kewujudan roh dalam dirinya. Othman Yatin (2011) berkata perkara ini telah mendatangkan kesan dalam diri masyarakat melayu serta ia dapat memberikan penghormatan kepada alam menerusi aktiviti seharian iaitu melalui perilaku atau tutur kata.

Berdasarkan H.Clark (1969), menyatakan mistik merupakan sebuah pengalaman subjektif untuk memahami tentang kuasa yang lebih besar daripada diri sendiri serta ia juga dikaitkan dengan pengalaman yang lebih intuitif daripada apa yang boleh dirasai oleh diri sendiri. Pengkaji mendapati bahawa terdapat unsur mitos yang berunsurkan mistik menerusi teks ini iaitu dalam cerita *Jelmaan Saka Harimau* dan *Pemujaan Tok Mekong.* Hal ini dibuktikan menerusi teks petikan seperti:

> Petikan 35
> "Mok Joh itu pengamal ilmu ghaib yang mempunyai saka berupa harimau.Tegak bulu tengkuk Hasnah apabila mengetahuinya. Jelmaan itu adalah yang berupa harimau mendampingi Mok Joh setelah sekian lama. Saiznya sangat besar berbanding ukuran manusia biasa dan pengamalnya mampu untuk bergerak ke tempat yang jauh dalam seberapa waktu".

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:53)

Berdasarkan petikan diatas dalam cerita *Jelmaan Saka Harimau* mendapati bahawa terdapat unsur mitos melalui cerita mistik. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Mok Joh yang merupakan seorang pengamal ilmu ghaib. Dia juga dikatakan mempunyai pendamping yang berupa seekor harimau yang mempunyai saiz yang besar berbanding dengan ukuran manusia. Ilmu yang digunakannya boleh bergerak ke tempat yang lebih jauh dalam waktu yang singkat sahaja. Sebagai contoh, Mok Joh dikatakan telah pergi ke Melaka untuk memerhati suaminya yang sedang bekerja dengan menggunakan saka harimau yang menjadi sebagai pendampingnya. Perkara mistik ini juga timbul apabila anaknya berasa bimbang apabila Mok Joh sudah tidak makan selama dua hari dan



FYP FTKW

berkurung di dalam bilik sahaja namun apabila ditanya kepada Mok Joh, dia memberitahu bahawa telah makan sewaktu bersiar-siar tadi. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi teks iaitu:

> Petikan 36
> “Mastura menceritakan kepada Hasnah bahawa ibunya selama dua hari tidak mahu keluar bilik serta tidak makan dan minum. Namun setelah keluar bilik, Mastura bertanyakan ibunya sama ada dia mahu makan atau tidak. “Mak dah makan sewaktu bersiar-siar tadi”. Jawab Mok Joh”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:53)

Menerusi dialog ini mendapati bahawa unsur mistik itu benar-benar wujud kerana terdapat kekeliruan antara Mastura dan jawapan yang disampaikan oleh Mok Joh mengenai makan atau tidak. Perbuatan Mok Joh yang pelik itu telah mengusarkan hati Mastura serta membuatkannya takut untuk pulang ke rumah. Selain itu, menerusi teks *Pemujaan Tok Mekong* juga terdapat unsur mitos melalui cerita mistik seperti:

> Petikan 37
> “Alkisah diceritakan oleh orang terdahulu bahawa dahulu dikatakan adanya pemujaan Tok Mekong. Pemujaan ini sering dikaitkan dengan perubatan makhluk halus”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:47)

*Pemujaan Tok Mekong* ini menceritakan mengenai masyarakat terdahulu menggunakan Tok Mekong sebagai pemujaan. Seperti yang kita ketahui bahawa pemujaan adalah sering dikaitkan dengan perubatan perantaraan dengan makhluk halus. Hal ini dapat dilihat menerusi, Mawar dan ayahnya yang pergi ke dalam hutan lalu bertemu dengan sebatang pokok buluh. Mawar telah bertindak dengan mencantas pokok tersebut tetapi tidak berjaya. Satu tragedi mistik telah berlaku kepada mawar apabila terdapat kejadian aneh iaitu seperti:

FYP FTKW

Petikan 38
"Tidak lama kemudian,sesuatu yang pelik telah berlaku di pohon buluh itu. Pohon buluh telah mengeluarkan cecair merah seperti warna darah".

(Mohd Firdaus Che Yaacob,2021:47)

Melalui petikan ini dapat dilihat bahawa terdapat kejadian yang aneh atau mistik apabila pohon buluh tersebut mengeluarkan cecair merah seperti darah. Hal ini dapat dilihat apabila berlaku peristiwa penunggu pohon itu merasa marah dan sedih dengan kelakuan mawar yang mahu merosakkan tempat tinggalnya. Kejadian yang telah berlaku ini mengakibatkan mawar menjerit serta pengsan kerana terkejut dengan apa yang telah dilihatnya. Bapa mawar dikatakan menggunakan khidmat seorang pawang untuk memastikan anaknya sedar semula seperti sedia kala. Menerusi kejadian ini dapat dilihat bahawa tukang cerita mengaplikasikan pemikiran beliau mengenai unsur mistik ke dalam teks naratif lisan tersebut. Hal ini dapat dirumuskan bahawa setiap perilaku Mawar yang sesuka hati mencantas pohon buluh itu menyebabkan berlakunya kejadian mistik yang mengejutkan keluarganya. Ia dapat dinilai menerusi sikap Mawar yang perlulah sentiasa menghormati setiap kepunyaan orang lain dengan tidak mengambilnya dengan sesuka hati agar dijauhkan dengan pelbagai perkara yang tidak diingini.

4.4.5 Unsur Mitos Berdasarkan Kepercayaan Kepada Perkara Khurafat

Kepercayaan merupakan satu hal penting yang seharusnya wujud dalam diri setiap individu. Dalam konteks islam, kita dapat melihat bahawa orang islam perlulah mempunyai kepercayaan kepada Allah kerana kepercayaan kepada tuhan yang maha esa merupakan rukun iman. Kepercayaan dikatakan sebagai skop yang luas yang merangkumi kepada kepercayaan seseorang terhadap orang lain atau kepercayaan kita



FYP FTKW

terhadap apa yang kita telah kita lakukan. Masyarakat pada zaman dahulu, mempunyai kepercayaan dengan hal karut marut. Mereka menggunakan pendamping jin, hantu atau jembalang bagi menjaga diri mereka daripada segala ancaman bahaya serta digunakan untuk tujuan perubatan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap pawang yang menjadi penyembuh orang sakit kebanyakkan menggunakan pendamping bagi memastikan sakit yang dialami oleh pesakit dapat sembuh dengan waktu yang singkat. Mereka kebiasaanya menggunakan jampi mantera, tangkal dan azimat dengan mencampurkan kalimah ayat suci Al-Quran bertujuan untuk merawat pesakit.

Menurut Abdullah Munsyi (1830), menyatakan bahawa masyarakat Melayu masih berpegang kepada kepercayaan purba iaitu berkaitan dengan kepercayaan karut dan tahyul. Sebagai seorang yang beragama muslim, kita ketahui bahawa kepercayaan purba yang mengandungi unsur khurafat ini bercanggah dengan akidah islam serta ia juga tidak boleh diterima secara realiti dengan menggunakan akal yang waras. Masyarakat Melayu mempercayai unsur khurafat ini kerana ia berkaitan dengan sejarah kehidupan mereka sendiri. Hal ini dapat dibuktikan menerusi, sejarah masyarakat melayu yang banyak berunsurkan kepada kepercayaan animisme, tamadun atau kebudayaan Hindu serta kejahilan terhadap ilmu akidah islam memberi ruang kepada perkembangan kepercayaan khurafat dalam kehidupan mereka. Menurut Al-Mu'Jam Al-Wasit (1972), menyatakan bahawa khurafat dikenali sebagai cerita-cerita yang mengagumkan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta.

Menurut Perspektif Islam oleh Jabatan Mufti Negara Melaka (2011), menyatakan bahawa khurafat ditafsirkan sebagai semua cerita yang berunsurkan kepada rekaan atau khayalan, pantang larang, ramalan-ramalan, ajaran-ajaran dan penujaan yang menyimpang dari ajaran islam. Hal ini dapat disimpulkan bahawa ia termasuk dalam cerita atau perbuatan yang telah direka yang bersifat dusta. Menerusi



FYP FTKW

teks yang telah dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2021 menunjukkan terdapat beberapa pemikiran penglipur lara yang berunsurkan mitos melalui kepercayaan kepada perkara khurafat iaitu *Kebijaksanaan Burung Hantu* dan *Pemujaan Tok* Mekong. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi dua cerita ini menjelaskan mengunai unsur mitor dalam kepercayaan benda khurafat iaitu menggunakan pawang sebagai penyembuh dengan mengamalkan ilmu yang tidak berlandaskan ajaran agama. Perkara ini dibuktikan menerusi *kebijaksaan Burung Hantu* iaitu:

> Petikan 39
> “Raja telah memanggil ahli nujum untuk mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan yang melanda Ketika itu. Ahli nujum untuk mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan yang melanda pada Ketika itu. Ahli nujum telah memberitahu bahawa serangan secara bertubi-tubi tidak akan berjaya mengalahkan garuda tersebut tetapi perlu menggunakan satu helah”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:87)

Melalui cerita diatas menyatakan bahawa terdapat unsur mitos melalui kepercayaan kepada benda khurafat. Hal ini dikatakan demikian kerana Raja telah menggunakan khidmat pawang untuk menilik mengenai cara untuk menumpaskan garuda dengan mudah. Terdapat unsur penilikan dalam cerita ini iaitu sesuatu yang disebut sebagai mitos kerana ia dibaratkan bahawa pawang tersebut mampu melihat apakah yang bakal berlaku pada masa hadapan. Hal ini juga dikatakan demikian kerana pawang tersebut menyatakan bahawa garuda boleh ditumpaskan apabila memanggil pengadu domba agar menghasut garuda supaya termakan helahnya iaitu dengan memastikan hubungan Raja dan Puteri Cina boleh musnah. Melalui cerita ini juga dapat dirumuskan bahawa Raja menggunakan jalan tengah dengan menggunakan pawang supaya menilik apa yang bakal berlaku terhadap mereka jika garuda itu terus berleluasa. Seterusnya, penglipur lara mempunyai pemikiran yang bijaksana dengan menyelit nilai mengenai sifat negatif yang terdapat pada burung hantu telah menyebabkan beliau



FYP FTKW

dihina oleh unggas yang lain. Selain itu, unsur mitos menerusi kepercayaan khurafat ini dapat dilihat melalui *Pemujaan Tok Mekong* iaitu:

> Petikan 40
> "Pak Mat telah membawa Pawang Dol ke rumahnya untuk melihat keadaan anaknya Itu. Pawang Dol yang melihat keadaan itu terus sahaja membaca jambi serapah dan menyembur ke muka Mawar".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:48)

Berdasarkan kenyataan diatas, Pak Mat telah menggunakan khidmat pawang Dol untuk mengubati sakit anaknya Mawar. Hal ini dikatakan demikian kerana dia telah membawa Pawang Dol ke rumahnya lalu dibacakan jampi serapah. Pawang Dol juga dikatakan melakukan perkara yang berunsurkan mitos sewaktu merawat iaitu seperti:

> Petikan 41
> "Lalu, untuk memulihkan semangat Mawar yang dikatakan hilang diambil oleh penunggu buluh itu,Pawang Dol telah menyarankan agar dibuat pemujaan bagi mengembalikan semangat Mawar. Syarat seperti ayam putih dan kambing putih perlu disediakan oleh Pak Mat sekeluarga".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob,2021:48)

*Pemujaan Tok Mekong* ini menunjukkan bukti bahawa terdapat unsur mitos mengenai kepercayaan khurafat menerusi aktiviti pemujaan bertujuan untuk mengembalikan semangat Mawar. Aktiviti pemujaan tersebut dilakukan dengan menggunakan ayam putih dan kambing putih. Hal ini dilakukan dengan bersandarkan kepada ajaran yang bertentang dengan agama islam. Perkara ini juga dapat dilihat apabila Pawang Dol menjampi Mawar dengan tidak menggunakan ayat-ayat yang berteraskan Al-Quran. Sebagai seorang muslim, kita sepatutnya melakukan kebergantungan kepada Allah bukannya dengan perkara-perkara yang mendatangkan kepada khurafat yang boleh mendatangkan kemurkaan oleh Allah SWT. Melalui kedua-kedua cerita ini menjelaskan bahawa unsur mitos dapat dilihat apabila masyarakat Melayu pada zaman dahulu melakukan sesuatu perkara dengan tidak berlandaskan



FYP FTKW

kepada agama mereka tetapi menggunakan ilmu lain untuk dijadikan sebagai pendamping bagi memastikan mereka selamat daripada perkara yang tidak diingini.

Oleh itu, unsur mitos menerusi *Kebijaksanaan Burung Hantu* dan *Pemujaan Tok Mekong* dikatakan bertunjangkan kepada pendekatan firasat. Pendekatan firasat merupakan cabang teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang. Unsur mitos melalui kepercayaan cerita khurafat ini dikenal pasti sebagai pendekatan firasat kerana ia menggunakan alam lain sebagai salah satu daripada cara pengubatan serta cara untuk menjaga keselamatannya. Melalui kajian Pemujaan Tok Mekong dapat dilihat bahawa terdapat pemikiran mitos berunsurkan khurafat menerusi perwatakan Pawang Dol yang melakukan aktiviti pemujaan yang bertujuan bagi mengembalikan semangat mawar. Sebagai contoh, aktiviti pemujaan tersebut adalah dengan menggunakan ayam putih dan kambing putih. Pemikiran penglipur lara pada kali ini sangat berkait dengan pendekatan ini kerana seperti kita ketahui bahawa ia merupakan daripada cara hidup masyarakat yang memilih untuk berdamping dengan perkara yang tidak nyata atau hal yang tidak boleh dilihat dengan menggunakan pancaindera tetapi dapat dirasai. Berdasarkan pendapat daripada Hashim Awang (2002), menyatakan bahawa pendekatan firasat juga berfungsi bagi memberi tanggapan bahawa sastera merupakan satu bentuk yang berkaitan dengan kejadian alam semesta yang dapat memberikan pengalaman dalam kehidupan.

Terdapat banyak unsur-unsur mitos melalui naratif lisan Melayu melalui kejadian alam seperti mengambarkan mengenai sesuatu perkara yang dilakukan dengan bersandarkan kepada perkara yang belum tentu wujud atau tidak. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa penulis memasukkan nilai-nilai menerusi unsur mitos agar ia dapat dijadikan sebagai pengajaran yang dapat mendidik masyarakat Melayu agar lebih berfikir secara kreatif dan kritis. Oleh itu, jelaslah bahawa pendekatan firasat yang



FYP FTKW

bertunjangkan kepada unsur mitos dapat menyumbangkan kepada nilai-nilai moral, pengetahuan serta pengajaran yang dapat membentuk sahsiah yang baik dalam kalangan masyarakat Melayu.

FYP FTKW

4.5 Pemikiran Penglipur Lara Dalam Aspek Rohani

Kerohanian dikenali daripada perkataan rohani atau roh yang dikenali sebagai bahagian dalam diri manusia yang mempunyai daya fikiran tentang perasaan dan berkemahuan atau jiwa yang terdapat dalam tubuh badan kita. Menurut Syarifah Nooraida & Syarifah Fatimah (2011) berpendapat bahawa kerohanian adalah aktiviti-aktiviti yang melibatkan mengenai keagamaan yang dapat membantu membina jati diri yang unggul.Rohani juga sering dikaitkan dengan perasaan dalam seseorang individu yang membabitkan dengan emosi kendiri. Seperti yang kita ketahui, rohani setiap orang adalah penentu kepada pembentukan moral sosial masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana pengawalan rohani seseorang manusia melibatkan emosi yang positif atau negatif dengan intuisi yang dapat mencorakkan optimum seseorang individu ke arah yang lebih baik dari segi personaliti atau kelakuan. Dalam konteks islam, mentafsirkan bahawa tiada pemisah atara keduniaan dengan kerohanian kerana keyakinan serta ketaatan kepada Allah SWT berlaku melalui semua perkara dalam kehidupan orang muslim.

Menurut pendapat Mohd Nasir (2005), mengenai kerohanian dikenali sebagai ruang dalaman yang menjadi asas dalam diri seseorang manusia. Beliau juga ada menyatakan bahawa ia juga melibatkan kepada perkara-perkara penting yang tidak dapat dikesan melalui pancaindera namun ia boleh dikesan dengan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu tersebut seperti melakukan amal ibadat kepada Allah. Di samping itu, Muhammad Uthman El-Muhammady (2003), berpendapat bahawa kerohanian adalah bersandarkan kepada tauhid iaitu yang bermaksud keesaan kepada Maha Pencipta, fahaman mengenai alam tentang alam bukan benda atau kebendaan, hidup ibadat dan hidup adat,dunia dan akhirat, hukum dan moral dan hidup kekeluargaan. Berdasarkan pemikiran penglipur lara menerusi teks *Seuntaian Naratif*



FYP FTKW

*Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan* mendapati terdapat beberapa unsur rohani dari sudut tanggungjawab kepada Allah, hubungan individu dengan masyarakat dan keikhlasan dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan.

4.5.1 Tanggungjawab Kepada Allah

Menurut Mustari (2011) menyatakan bahawa tanggungjawab ditafsirkan sebagai suatu perilaku seseorang dalam melakukan sesuatu kewajiban yang sepatutnya dilakukannya. Tanggungjawab juga merupakan sikap seseorang dalam melakukan sesuatu tugasan dengan penuh sedar dari. Umum mengetahui bahawa seseorang individu yang beragama islam wajib untuk taat serta melakukan setiap tanggungjawab dari Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia diciptakan oleh Allah dimuka bumi ini bukannya untuk main-main sahaja tanpa ada arah tujuan tetapi ia diciptakan untuk taat setia serta bertanggungjawab kepada yang Maha Esa iaitu sentiasa melakukan ibadah kepadanya. Kedudukan manusia di muka bumi adalah hamba Allah yang ditugaskan untuk mengabdikan kepadaNya. Setiap manusia sewajibnya untuk menyembah kepada Allah bagi menunjukkan peribadi yang beriman dengan setiap ajarannya. Menurut Widagdho (1999) menyatakan tanggungjawab merupakan sebuah kesedaran seseorang mengenai tingkah laku yang dilakukannya secara sengaja atau tidak sengaja. Manusia juga dikurniakan akal fikiran yang dapat berfikir tentang perkara yang benar dan salah. Sebagai hamba Allah yang sentiasa taat dengan setiap perintahnya, seseorang individu haruslah bertanggungjawab dengan melakukan ibadah dengan melaksanakan setiap ketentuan Allah bersandarkan kepada Al-Quran dan hadis yang merangkumi tentang segala tindakan, perbuatan serta sikap manusia dalam kehidupan sehariannya. Menurut Surah Adh-Dhariyat iaitu Ayat 56 ada menyebut



FYP FTKW

mengenai Allah menciptakan manusia bagi memenuhi segala tanggungjawab terhadapnya. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan ayat Al-Quran iaitu:

> "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembah dan beribadah kepada-Nya"
>
> (Surah Adh-Dhariyat, Ayat 56)

Menerusi ayat ini dapat dilihat bahawa Allah menciptakan manusia untuk beribadah kepadaNya. Sebagai contoh, sebagai seorang muslim kita diwajibkan untuk beribadah kepada Allah dengan cara solat, berpuasa, bersedekah, membayar zakat serta menunaikan haji dan umrah. Hal ini dapat dirumuskan bahawa setiap individu yang melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah akan timbul iman dalam diri sehingga dapat menjadi manusia yang mulia disisinya. Melalui teks *Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan,* terdapat dua cerita yang menunjukkan tentang hubungan manusia dengan Allah SWT iaitu *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta, Kisah Sekumpulan Tupai dan Jelmaan Saka Harimau.* Hal ini dibuktikan menerusi petikan teks tersebut iaitu:

> Petikan 42
> "Kami sedang berdoa kepada Tuhan kami, Allah SWT. Kami meminta agar kampung ini sentiasa dalam keadaan aman dan tiada peperangan berlaku" jawab Tok Guru Haji Awang Alim".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:69)

Berdasarkan petikan ini, menunjukkan bahawa Tok Guru Haji Awang merupakan seorang yang memiliki ilmu agama yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau melakukan penyerahan kepada Allah SWT iaitu dengan berdoa untuk keselamatan kampungnya. Beliau juga dikatakan mempelajari ilmu agama sebagai ilmu akhirat kepada masyarakat di kampung tersebut. Seperti yang diketahui, sebagai seorang yang muslim seseorang individu perlulah mengabdikan diri kepada Allah dengan melakukan



FYP FTKW

segala yang disuruh serta meninggalkan segala larangannya. Sifat yang digambarkan menerusi teks ini menunjukkan nilai yang terdapat pada Tok Guru Haji Awang iaitu apabila berlaku kesulitan atau masalah kita perlulah memohon kepada Allah kerana Allah tidak pernah tidur untuk mendengar setiap rintihan hambanya. Oleh itu, menerusi perwatakan Tok Guru ini juga dapat membentuk diri seseorang kearah sikap yang terpuji kerana banyak terselit nilai moral yang baik dengan sentiasa melakukan setiap perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya. Selain itu, dalam teks *Kisah sekumpulan Tupai* juga ada menyebut mengenai tanggungjawab kepada Allah seperti:

> Petikan 43
> "Beliau merupakan seorang ulama terkenal di sekitar Patani pada Ketika itu dan dilantik menjadi raja atas sebab memiliki agama yang dikagumi oleh masyarakat. Beliau digelar ulama kerana sikap rajin beliau itu dalam menimba ilmu agama sehingga disanjung tinggi dalam kalangan masyarakat kampung. Contohnya beliau sering kali menghadiri majlis agama di sekitar Patani dan menimba ilmu agama dengan tabligh-tabligh dari negara Timur Tengah".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:85)

Melalui cuplikan teks *Kisah Sekumpulan Tupai* ini mendapati bahawa terdapat kisah mengenai tanggungjawab kepada Allah SWT. Hal ini dapat dilihat menerusi seorang ulama yang sering menghadiri majlis agama serta menimba ilmu agama dengan tabligh-tabligh dari negara Timur Tengah. Hal ini dikatakan demikian kerana ulama ini mempunyai sifat bersungguh-sungguh untuk mempelajari ilmu Allah kerana kita ketahui ilmu agama sangat luas dan tidak terbatas. Beliau juga dikatakan telah mendirikan sebuah madrasah bagi menempatkan penduduk untuk melakukan solat secara berjemaah serta melakukan aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan. Tukang cerita menyelitkan usur nilai sikap tidak berputus asa menerusi perwatakan Haji Long Abdul Rahman kerana beliau berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mewujudkan sebuah madrasah bagi memudahkan urusan penduduk untuk melakukan ibadah kepada Allah SWT. Oleh itu, jelaslah bahawa unsur rohani melalui tanggungjawab kepada Allah dapat ditonjolkan melalui perwatakan Haji Long Abdul Rahman yang



FYP FTKW

sanggup bersusah payah menghasilkan kemudahan untuk memastikan orang melakukan ibadah dalam keadaan selesa. Seterusnya, dapat dilihat bahawa terdapat satu lagi contoh mengenai tanggungjawab kepada Allah menerusi *Jelmaan Saka Harimau* :

> Petikan 44
> “Beliau membaca sedikit surah dalam Al-Quran lalu menyatakan bahawa Mok Joh itu mengamalkan imu ghaib yang mempunyai saka berupa harimau”.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:53)

Melalui teks ini menjelaskan bahawa terdapat satu hal yang dikatakan sebagai menjalankan tanggungjawab terhadap Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat dilihat menerusi perwatakan Hasnah yang menggunakan ayat suci Al-Quran untuk mengetahui tentang keadaan ibu Mastura. Beliau menjalankan tanggungjawab kepada Allah dengan melakukan sesuatu dengan mengikut perintah yang disuruh oleh Allah SWT. Beliau melakukan perubatan menggunakan ayat Al-quran kerana ia merupakan satu hal yang wajib dilakukan. Oleh itu, menerusi teks ini menjelaskan bahawa tanggungjawab kepada Allah SWT daripada unsur rohani dapat dilihat daripada penggunaan ayat suci Al-Quran bagi membantu ibu Mastura yang menggunakan ilmu ghaib sebagai pendamping.

Dalam pada itu juga, terdapat satu analisis tentang tanggungjawab kepada Allah menerusi teks *Keajaiban Si Kera Putih.* Hal ini dikatakan demikian kerana Haji Abdul Rahman dikatakan sebagai menjalankan tanggungjawab kepada Allah SWT melalui perwatakan beliau yang mendahulukan Allah dari kesemua hal. Perkara ini dapat dilihat, apabila dia telah bersumpah dengan menggunakan nama Allah SWT kepada kerana putih supaya tidak menganggu urusan harian beliau. Oleh itu ia dapat disimpulkan bahawa sikap Haji Abdul Rahman yang mendahulukan Allah dari kesemua hal



FYP FTKW

selayaknya dipuji serta dijadikan sebagai tauladan untuk membentuk diri ke arah lebih baik.

Rentetan itu, dapat dilihat bahawa hasil analisis diatas menunjukkan hubungkait dengan pendekatan dakwah. Hal ini dapat dilihat apabila pendekatan dakwah dikenali sebagai suatu hasil sastera yang memperincikan mengenai aspek-aspek yang menyentuh tentang semua persoalan yang berkaitan dengan kebesaran serta sifat-sifat keagungan Allah SWT melalui hasil kesusasteraan islam. Sebagai contoh, melalui perbuatan Tok Guru Haji Awang dan Haji Long Abdul Rahman mendapati bahawa terdapat unsur rohani melalui tanggungjawab kepada Allah iaitu berdoa dan solat secara berjemaah. Melalui perbuatan yang telah dilaksanakan oleh mereka menunjukkan pendekatan dakwah paling bersesuaian kerana ia berkait rapat tentang hubungan antara manusia terhadap penciptanya.

Secara analoginya, melalui teks ini menunjukkan bahawa setiap perbuatan yang mulia ini yang bersandarkan kepada Allah SWT telah membentuk pemikiran manusia untuk menjadikan naskhah ini sebagai satu wadah untuk pengembangan Islam dalam konteks mengabdikan diri kepada Allah dengan melakukan setiap suruhannya dan meninggalkan segala larangannya. Sesungguhnya, penggunaan unsur rohani melalui tanggungjawab kepada Allah secara tidak langsung dapat menggambarkan sikap seseorang individu disamping dapat membentuk keperibadian manusia agar lebih taat dengan perintah yang Maha Esa menerusi beberapa contoh naratif lisan yang telah dikemukan oleh tukang cerita ini.



FYP FTKW

### 4.5.2 Hubungan Individu Dengan Masyarakat

Umum mengetahui bahawa manusia yang hidup dimuka bumi ini memerlukan orang lain juga dalam kehidupan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana hubungan sesama manusia merupakan satu aspek wajib kerana kita diciptakan oleh Allah untuk saling bergantung antara satu sama lain. Menurut Viniagustia (2017) menyatakan individu adalah suatu sebutan yang diguna pakai bagi menyatakan suatu kaum yang kecil atau terbatas. *Kamus Dewan Bahasa* (2005) menyatakan bahawa masyarakat adalah kelompok manusia yang hidup bersama dengan menggunakan cara tertentu. Hubungan antara manusia dengan manusia lain adalah satu aspek yang sangat penting kerana apabila seseorang memiliki hubungan dengan orang yang lain ia dapat menjadikan sesuatu hal menjadi ringan kerana semua dilakukan dengan bersama-sama. Semua golongan masyarakat seharusnya menjaga hubungan antara individu dengan masyarakat kerana ia mampu membentuk sebuah negara yang harmoni tanpa wujud perpecahan kaum. Menerusi Ayat Al-Quran juga ada menyebut bahawa kita sewajarnya sentiasa berbuat baik kepada semua dan tidak boleh memiliki sifat yang keji. Hal ini dibuktikan menerusi ayat Al-Quran An-nisa Ayat 36 iaitu:

> “Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun. Dan berbuat-baiklah kepada kedua orang tua, karib-kerabat,anak-anak yatim,orang-orang miskin,tetangga dekat dan tetangga jauh,teman sejawat,ibnu sabil dan hamba sahaya yang kamu miliki. Sungguh, Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membanggakan diri”.
>
> (Surah An-Nisa, Ayat 36)

Melalui ayat Al-Quran jelas menyebut bahawa Allah menyeru untuk kita menjaga hubungan dengan manusia iaitu dengan cara sentiasa berbuat baik kepada mereka. Hal ini kerana apabila sesuatu hubungan itu dijaga serta sentiasa berbuat baik antara satu sama lain maka akan kurang wujudnya perpecahan kaum. Oleh itu, manusia



FYP FTKW

seharusnya mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kerana dapat membentuk cara berinteraksi antara satu sama lain. Melalui teks naratif lisan ini dapat dilihat bahawa terdapat unsur rohani menerusi hubungan individu dengan masyarakat dalam cerita *Simbolik Rebana, Kehebatan Laksamana Laut,Misteri Gajah Berkaki Enam* dan *Sembolik Rebana.* Hal ini dapat dibuktikan menerusi teks iaitu:

> Petikan 45
> "Hubungan ketara antara masyarakat kampung ini wujud melalui rebana yang dipersembahkan melalui majlis-majlis perkahwinan. Ahli-ahli rebana ini tergolong daripada golongan masyarakat sekitar yang sudah dianggap sebagai adik beradik. Masyarakat setempat akan menginap di rumah yang mengadakan majlis tanpa pulang ke rumah masing-masing".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:18-19)

Melalui petikan diatas mendapati bahawa cerita *Simbolik Rebana* mempunyai unsur rohani melalui hubungan manusia dengan masyarakat. Hal ini dapat dilihat menerusi hubungan antara masyarakat kampung yang bersama-sama berganding bahu untuk melakukan persembahan rebana. Hubungan akrab yang dimiliki oleh mereka dianggap sebagai adik beradik kerana mereka akan sama-sama menginap di tuan rumah sebelum mengadakan majlis tersebut tanpa pulang ke rumah masing-masing sehingga majlis itu selesai. Menerusi naskah ini juga dapat dilihat bahawa apabila seseorang individu menjaga hubungan dengan masyarakat setiap perkara akan dapat dilakukan dengan bersatu hati serta ia juga mampu mewujudkan sesuana harmoni. Oleh itu, hal ini dapat dirumuskan bahawa hubungan baik individu dengan masyarakat dapat memberikan dampak yang baik kepada diri dan orang lain disamping dapat mengeratkan hubungan persaudaraan dengan orang lain. Selain itu, melalui cerita *Kehebatan Laksamana Laut* mendapati bahawa terdapat unsur rohani dalam hubungan individu dengan masyarakat yang ditonjolkan dalam teks iaitu:



FYP FTKW

Petikan 46

"Pada sekitar tahun tersebut,laksamana Che Deraman sering keluar belayar terutamanya belayar ke Siam untuk menghantar bunga emas kepada kerajaan Siam dengan menaiki kapal layar. Hubungan Kelantan dengan Siam Ketika itu sangat rapat. Kelantan pada Ketika itu telah berlindung di bawah kerajaan Siam".

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:61)

Berdasarkan teks *Kehebatan Laksamana Laut* mendapati bahawa terdapat hubungan individu dengan masyarakat melalui unsur rohani telah wujud melalui hubungan Kelantan dengan Siam sangat rapat. Hal ini dikatakan demikian kerana Kelantan telah mewujudkan hubungan dengan Siam bagi memastikan negara mereka lebih aman dan damai. Hal ini dapat dibuktikan menerusi Kelantan pada zaman dahulu telah berlindung di bawah kerajaan Siam. Seperti yang kita ketahui bahawa setiap orang memerlukan orang lain dalam kehidupan mereka untuk saling bergantung antara satu lain agar sesuatu hal dapat diselesaikan dengan mudah tanpa memerlukan masa yang lama. Perkara ini dapat dilihat apabila Kelantan telah menggunakan khidmat Siam untuk menjaga keamanan negeri mereka daripada ancaman musuh luar. Dengan adanya hubungan antara Kelantan dan Siam ini, masyarakat akan sentiasa bersama-sama antara satu dengan yang lain menjaga keamanan negara daripada ancaman musuh. Di samping itu, menerusi teks *Misteri Gajah Berkaki Enam* mendapati bahawa terdapat unsur nilai melalui hubungan individu dengan masyarakat dapat dilihat berdasarkan teks iaitu:

Petikan 47

"Dahulunya di sebuah kampung yang aman dan damai dihuni oleh pelbagai lapisan masyarakat berbilang bangsa. Mereka juga saling bergantung dan memerlukan di antara satu sama lain. Masyarakat di kampung ini hidup dalam suasana yang gembira dan bersuka ria".

(Mohd Firdaus Che Yaacob,2021:49)



FYP FTKW

Melalui cuplikan dalam cerita *Misteri Gajah Berkaki Enam* mendapati terdapat unsur rohani melalui hubungan individu dengan masyarakat telah wujud menerusi masyarakat di daerah Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka saling bergantung antara satu sama lain dalam melakukan sesuatu hal. Mereka juga dikatakan menjaga hubungan sesama mereka tanpa mengira lapisan masyarakat yang berbilang kaum. Melalui sikap mereka yang sentiasa menjaga hubungan antara individu dengan masyarakat telah membuatkan kehidupan masyarakat di kampung tersebut hidup dalam suasana yang gembira dan bersuka ria. Oleh itu, hal ini dapat dirumuskan bahawa melalui hubungan individu dan masyarakat ini terbentuk banyak nilai yang dapat dicungkilkan iaitu nilai kasih sayang, bersatu teguh dalam melakukan sesuatu hal serta ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama mereka. Dalam pada itu, menerusi teks *Simbolik Rebana* dapat dilihat bahawa terdapat hubungan individu dengan masyarakat menerusi pemikiran penglipur lara dalam aspek rohani iaitu:

> Petikan 48
> "Suatu ketika dahulu, masyarakat Melayu yang tinggal di sebuah kampung bernama Kampung Pulau Gajah mempunyai hubungan yang erat dan rapat antara satu sama lain. Ikatan perhubungan yang mereka amalkan ini diumpamakan "bagai aur dengan tebing dan bagai isi dengan kuku" iaitu memberi gambaran hubungan seperti adik beradik kandung yang saling membantu antara satu sama lain sekiranya mempunyai masalah".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:18)

Melalui teks ini dapat dilihat bahawa terdapat hubungan antara individu dengan masyarakat yang wujud menerusi cerita rakyat *sembolik rebana*. Hal ini dikatakan demikian kerana penduduk di kampung ini sentiasa bersatu padu dalam melakukan sesuatu hal. Perkara ini dapat dibuktikan apabila setiap kali terdapat suatu majlis, mereka akan melakukan sesuatu perkerjaan dengan bersama-sama tanpa mengira had masa atau tenaga. Oleh itu, jelaslah bahawa menerusi teks ini wujud hubungan manusia dengan masyarakat yang dapat dijadikan sebagai contoh dalam membentuk masyarakat yang lebih bersatu padu.



FYP FTKW

Sementara itu, analisis di atas menunjukkan bahawa ia mempunyai hubungkait yang jelas dengan pendekatan kemasyarakatan dibawah teori pengkaedahan Melayu. Hal ini dapat dilihat apabila pendekatan kemasyarakatan bertepatan dengan hubungan individu dengan masyarakat kerana ia bertujuan untuk membentuk kesejahteraan hidup dalam bermasyarakat serta pengukuhan keimanan dan ketaqwaan yang boleh disebut serta terdapat menerusi sastera Melayu yang berfungsi sebagai medium untuk mensejahterakan masyarakat Melayu serta secara tidak langsung menyatakan pendekatan ini sebagai sastera untuk masyarakat dari perspektif Islam. Sebagai buktinya, ia dapat dilihat daripada cerita lisan *Misteri Gajah Berkaki Enam,* terdapat satu perwatakan masyarakat di kampung tersebut yang saling bergantung antara satu sama lain dengan melakukan sesuatu perkara secara bersama-sama tanpa mengira bangsa dan negara. Menerusi pendekatan kemasyarakat juga dapat dilihat mengenai nilai-nilai yang ditonjolkan menerusi hubungan individu dengan masyarakat yang dapat dijadikan pengajaran. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sifat antara individu dengan masyarakat yang digambarkan dalam dua buah cerita rakyat ini telah menunjukkan bahawa harmoni dapat diwujudkan serta saling bersatu hati agar dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang perpecahan dalam sesuatu kaum. Hal kerana sastera bukan sahaja bidang ilmu yang membicarakan mengenai aspek umum tetapi ia juga menjadi satu wadah dalam pembentukan diri setiap manusia kearah yang lebih berpotensi.

### 4.5.3 Kesabaran Dalam Menghadapi Ujian

Sabar ditafsirkan sebagai menahan diri dari keluh kesah dan rasa benci, menahan lisan dari mengadu, dan menahan anggota tubuh dari tindakan-tindakan yang mengganggu serta mengacaukan diri sendiri dan orang lain. Sabar adalah suatu hal yang wajar dimiliki oleh semua orang. Hal ini kerana sabar adalah perisai terbesar dalam



FYP FTKW

memastikan seseorang melakukan sesuatu melakukan segala hal mengikut akal fikiran manusia. Menurut Ibnu Qayyim (2018) menyatakan sabar ditakrifkan sebagai menahan diri daripada perkara negatif serta menahan anggota tubuh dari melakukan tindakan yang boleh mendatangkan kekacauan. An-Najjar (2004) pula berpendapat sabar adalah perbuatan mulia yang dapat mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak baik. Sabar dedifinisikan sebagai menanggung atau menerima setiap permasalahan apabila diuji dengan penuh keredhaan kepada Allah SWT. Kesabaran membawa maksud menahan diri daripada melakukan perkara yang membawa kemudaratan atau melanggar syariat islam. Menurut Abu Ismail al-Harawi menyatakan bahawa kesabaran bererti menahan diri daripada melakukan sesuatu yang tidak baik serta menahan lidah agar tidak mengeluarkan segala hal yang mampu menyakiti orang lain. Dalam konteks islam, kesabaran merupakan aspek yang penting yang seharusnya diterapkan dalam diri manusia kerana Allah telah menyebut di dalam Al-Quran perkataan sabar sebanyak 70 kali. Hal ini juga dibuktikan menerusi Al Quran An-Nahl Ayat 42 iaitu:

> "Iaitu orang-orang yang sabar dan hanya kepada Tuhan saja mereka bertawakal".
>
> (Surah An-Nahl, ayat 42)

Menerusi Ayat ini menjelaskan bahawa sebagai seorang manusia yang beragama islam kita perlulah sabar dengan setiap perkara yang terjadi serta kepada Tuhan saja seharusnya bertawakal. Hal ini dikatakan demikian kerana, seseorang yang mempunyai kesabaran yang tinggi tidak akan mudah untuk melakukan perbuatan diluar batasan kerana dengan sifat sabar boleh membuatkan seseorang dapat mengatasi setiap ujian dengan menggunakan akal fikiran yang waras. Pelbagai ganjaran yang akan diperoleh apabila seseorang itu bersabar dengan setiap ujian yang dihadapinya. Seperti yang kita ketahui orang yang mempunyai sifat sabar pastinya mendapat kedudukan tinggi disisi Allah SWT. Penglipur lara telah mengetengahkan pemikirannya dalam teks naratif lisan dengan berasarkan unsur rohani melalui kesabaran dalam menghadapi



FYP FTKW

ujian menerusi cerita *Tok Guru Haji Awang Ulama tercipta,Kisah Sekumpulan Tupai* dan *Rumah Api Penyelamat Saudagar*. Hal ini dapat dibuktikan menerusi teks iaitu:

> Petikan 49
> "Pada awalnya, beliau hanya mengambil daun-daun kayu dan dihamparkannya di atas tanah yang rata untuk dijadikan sebagai alas beliau berehat. Setelah sekian lama menetap di Kampung Pulau Gajah ini, sedikit demi sedikit pembangunan dilakukan oleh mereka seperti membina rumah-rumah untuk berteduh daripada hujan, panas dan gangguan binatang buas".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob,2021:85)

Berdasarkan petikan diatas mengenai *Kisah Sekumpulan Tupai* telah menunjukkan bahawa terdapat sikap sabar dalam menerima ujian yang telah ditonjolkan menerusi perwatakan Haji Long Abdul Rahman. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau sabar apabila terpaksa menghadapi kekurangan dalam mendapatkan tempat untuk berehat. Sebagai contoh, beliau berehat dengan hanya beralaskan daun-daun kayu lalu dihambarkan ke atas tanah yang rata namun dengan berkat kesabaran yang dimilikinya, masyarakat di Kampung tersebut dapat membina rumah untuk berteduh daripada panas, hujan dan gangguan binatang. Perkara ini dapat dijelaskan lagi bahawa beliau mempunyai bersabar dalam menghadapi ujian iaitu dengan tinggal di tempat tersebut selama bertahun-tahun walaupun terdapat banyak kekurangan. Oleh itu, jelaslah bahawa apabila seseorang mempunyai kesabaran yang tinggi pasti akan dianugerahkan sesuatu hal yang baik pada kemudian hari. Seterusnya, melalui cuplikan teks *Rumah Api Penyelamat Saudagar* juga tersilat tentang nilai moral mengenai kesabaran dalam menghadapi ujian menerusi pemikiran penglipur lara dalam unsur rohani iaitu:

> Petikan 50
> "Tidak seberapa lama kemudian, angin terasa deras dan kencang. Laut mulai bergelora membuatkan anak kapal tidak senang duduk dan risau melihatkan keadaan tersebut. Saudagar cuba menenangkan anak-anak kapalnya agar tidak cemas menghadapi situasi begitu biarpun hatinya juga tidak tenang melihatkan kejadian sebegitu".
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob,2021: 23)



FYP FTKW

Selain itu, sabar dalam menghadapi ujian dapat dilihat menerusi teks *Rumah Api penyelamat saudagar.* Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi teks itu dapat dilihat bahawa Saudagar sabar dalam menghadapi ujian apabila kapal yang dinaikinya hampir karam. Beliau juga bertindak dengan menenangkan kesemua anak buahnya yang takut dengan kejadian tersebut. Oleh itu, hal ini telah membuktikan bahawa semangat tidak berputus asa seharusnya diterapkan dalam diri masyarakat agar dapat memperoleh sesuatu kejayaan dengan mudah.

Rentetan dari itu, dapat dilihat bahawa hasil analisis kajian di atas menunjukkan hubungkait dengan pendekatan dakwah. Hal ini dapat dilihat apabila pendekatan dakwah dikenali sebagai tertempu kepada aspek-aspek nilai moral, tema serta amanat yang mengarah kepada setiap permasalahan tersebut. Menerusi unsur rohani dalam aspek sabar menghadapi dugaan ini merupakan satu nilai moral yang berlandaskan kepada pendekatan dakwah. Ini kerana kewujudan setiap perilaku dan peribadi watak akan menjadi daya tarikan untuk dikaji dengan menyelitkan sifat-sifat mahmudah yang dimiliki oleh semua insan yang beragama islam. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan daripada cerita lisan *Kisah Sekumpulan Tupai* iaitu Haji Long Abdul Rahman yang memiliki kesabaran yang tinggi apabila terpaksa mengajar dalam keadaan yang serba kekurangan. Hal ini juga menyatakan bahawa sifat sabar dalam menghadapi dugaan ini ditafsirkan sebagai menyerah dengan setiap cubaan atau permasalahan yang telah berlaku tanpa melakukan sebarang pembalasan. Oleh itu, jelaslah bahawa sifat sabar yang ditonjolkan menerusi perwatakan Haji Long Abdul Rahman ini dapat membentuk peribadi yang patuh dan taat kepada Allah SWT serta karya sastera juga dilihat mampu merungkaikan tentang kelebihan agama islam.



FYP FTKW

## 4.6 Penutup

Kesimpulannya, teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) telah membuktikan bahawa pelbagai nilai-nilai yang ditonjolkan menerusi cerita rakyat Kelantan. Melalui kewujudan teks ini juga telah menjadi satu bahan pembelajaran kepada kebudayaan masyarakat Melayu generasi kini mengenai kebudayaan masyarakat terdahulu dengan melihat dari aspek keperibadian mereka yang boleh dijadikan sebagai tauladan. Setiap pemikiran penglipur lara dalam teks ini telah membuktikan bahawa tukang cerita ini seorang yang mempunyai pandangan yang luas dalam melontarkan kepelbagaian idea iaitu dengan menghasilkan karya yang banyak menyelitkan unsur nilai yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam pembentukan manusia kearah yang lebih bertamadun. Melalui kajian ini juga, teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang menjadi pilihan untuk menganalisis hasil kajian dengan lebih tepat dan bermutu disamping mampu memberi kesan kepada kebudayaan Masyarakat Melayu. Oleh itu, hal ini dapat dirumuskan bahawa setiap lontaran idea penglipur lara seperti unsur nilai, aspek sosiobudaya, unsur mitos dan aspek kerohanian dapat dijadikan sebagai bahan pembelajaran kepada masyarakat dalam membentuk sahsiah diri kearah yang lebih baik.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 5

# RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

## 5.1 Pengenalan

Berdasarkan bab 5 ini akan menghuraikan mengenai gambaran yang menyeluruh secara ringkasan berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji disamping bagi membuat kesimpulan mengenai analisis untuk menjawab setiap objektif kajian yang telah dinyatakan pada permulaan bab lagi. Hal ini juga secara tidak langsung bagi merungkaikan segala persoalan yang wujud dalam kajian yang dijalankan iaitu pemikiran penglipur lara melalui buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Seterusnya, melalui bab ini juga, beberapa cadangan serta saranan yang kreatif dan kritis akan dihuraikan oleh pengkaji dengan lebih terperinci agar memberi manfaat kepada pengkaji pada masa akan datang jika naskhah *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob menjadi pilihan untuk melakukan sebuah penyelidikan yang berkaitan dengan naratif lisan dan cerita rakyat. Secara analoginya, dengan adanya bahan rujukan ini akan membantu pengkaji lain pada masa hadapan untuk mendapat sedikit sebanyak maklumat atau informasi bagi menjawab segala persoalan serta objektif yang berkaitan dengan apa yang telah dihasilkan oleh pengkaji. Pengkaji turut menyertakan pandangan atau cadangan yang kritis disamping menyimpulkan mengenai  kajian ini agar sejajar dengan tujuan kajian ini dilaksanakan.

FYP FTKW

## 5.2 Rumusan

Berdasarkan perbincangan yang telah dilaksanakan oleh pengkaji dari segi menghurai, menganalisis dan mengenal pasti segala maklumat yang berkaitan dengan hasil kajian, maka menerusi bab ini pengkaji akan merumuskan dengan lebih terperinci mengenai dapatan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap perbincangan melalui bab ini adalah berpandukan kepada analisis kajian yang dilakukan secara sejajar dengan objektif kajian dengan mengikut ketepatan serta ketelitian yang terdapat dalam bab empat.

Selain itu, melalui analisis kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji melalui objektif pertama iaitu mengenal pasti pemikiran penglipur lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan,* pengkaji telah mendapatkan maklumat dengan berpandukan kepada kaedah kepustakaan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dengan mencari sumber-sumber melalui bahan-bahan bercetak seperti jurnal, artikel, buku-buku rujukan, Kamus dewan dan buku-buku rujukan bagi memudahkan pengkaji untuk mencari maksud, definisi atau takrifan yang berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankannya. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan bagi membantunya memperolehi setiap maklumat mengenai unsur nilai, unsur sosiobudaya, unsur mitos dan unsur rohani. Hasil daripada penggunaan kaedah kepustakaan ini secara tidak langsung membuka minda pengkaji untuk mengetahui dengan lebih jelas mengenai kajian yang dilakukan berkaitan dengan pemikiran penglipur lara yang dapat memberikan banyak pengajaran serta dapat membentuk cerminan diri kearah yang lebih baik.



FYP FTKW

Seterusnya, teks naratif lisan karya Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2021 telah dipilih kerana terdapat banyak pemikiran penglipur lara yang dapat dikembangkan agar pembaca lebih memahami identiti tukang cerita dalam menghasilkan sebuah karya. Umum juga mengetahui bahawa naskah naratif lisan ini banyak menerapkan nilai-nilai yang murni menerusi watak-watak yang digambarkan dalam kajian tersebut. Penglipur lara juga memberi gambaran yang jelas mengenai cara hidup masyarakat Melayu yang tinggal di Kelantan pada zaman dahulu. Teks ini juga dapat menarik ramai golongan generasi kini untuk tertarik dengan naratif lisan.

Di samping itu, melalui kajian ini telah menggunakan teori pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Teori Pengkaedahan Melayu didedahkan dalam kajian ini kerana ia mempunyai kaitan rapat dengan kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu iaitu dari segi percakapan ataupun tingkah laku. Seperti diketahui bahawa teori pengkaedahan Melayu adalah bersandarkan kepada al-Quran dan hadis yang berkait antara amalan tradisi masyarakat Melayu. Justeru itu, menerusi teks naratif lisan ini, ia mampu dijadikan sebagai bahan pembelajaran kepada generasi muda untuk membentuk keperibadian yang mulia berpandukan kepada al-quran dan hadis.

Melalui pemikiran penglipur lara dalam teks naratif lisan ini mendapati bahawa terdapat pelbagai unsur yang telah dilontarkan seperti unsur nilai, sosiobudaya, mitos dan rohani. Menerusi kepelbagaian unsur dapat dilihat bahawa naskah ini memberikan banyak maklumat yang dapat dijadikan sebagai panduan. Hal ini juga dikatakan dengan adanya kepelbagaian unsur, pembaca tidak akan mudah merasa bosan dengan setiap cerita yang terdapat dalam buku tersebut. Generasi muda akan mudah merasa tertarik serta tidak berasa bosan kerana setiap aspek yang dikemukan terdapat unsur seram



FYP FTKW

dan nilai moral yang dapat membentuk sahsiah yang lebih baik. Berdasarkan pemikiran penglipur lara juga kita dapat mengetahui dengan lebih jelas mengenai budaya, serta sosial masyarakat pada zaman dahulu dengan perbezaan dengan zaman kini. Teks naratif lisan ini juga mengandungi pelbagai jenis nilai dalam setiap unsur yang telah dinyatakan oleh pengkaji disamping ia mampu menjadi wadah dalam membentuk masyarakat yang lebih bertamadun.

Di samping itu, naratif lisan ini dikatakan dapat diterima oleh golongan zaman muda kini. Hal ini kerana setiap penceritaan yang digarap bersesuaian dengan fahaman mereka serta dapat membuka minda mereka mengenai segala kegiatan pada zaman dahulu yang kita ketahui setiap kejadiaan tersebut tidak akan dapat diputarkan kembali. Melalui teks ini juga, setiap tingkah laku yang baik ditonjolkan menerusi masyarakat terdahulu dapat menjadi sebagai ikon kepada generasi kini dalam memperbaiki sahsiah diri disamping mempengaruhi setiap pergaulan dan pertuturan tersebut dapat diterapkan dalam kehidupan seharian. Hal ini dapat dibuktikan, masyarakat boleh menerapkan nilai-nilai moral yang terkandung dalam nashkah ini kerana ia mampu mendidik generasi muda dengan memberikan nasihat serta teguran bagi membentuk masyarakat yang mempunyai pribadi yang baik. Selain itu, setiap cerita yang terkandung dalam naratif lisan ini dapat dijadikan sebagai proses pembelajaran diri manusia dengan mengambil pengajaran daripada setiap peristiwa yang terdapat dalam teks itu. Oleh itu, hal ini dapat dirumuskan bahawa setiap peristiwa yang berlaku dalam era terdahulu menjadi satu proses pembelajaran kepada generasi muda kini dalam mendidik manusia yang lebih beretika.



FYP FTKW

Selain itu, naratif lisan ini juga bertujuan untuk memenuhi perasaan ingin tahu dalam diri seseorang manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap manusia mempunyai keinginan untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai kewujudan serta asal usul sebuah kampung atau peristiwa-peristiwa yang berkembang menjadi sebuah cerita rakyat. Penulis juga menggunakan insiatif dengan membukukan setiap cerita naratif lisan ini agar setiap generasi mengetahui tentang kewujudan setiap peristiwa ini berlaku serta keperitan yang dialami oleh golongan masyarakat terdahulu. Setiap cerita lisan diwujudkan dengan menerangkan tentang pemikiran logik secara rasional dengan menceritakan dengan lebih jelas mengenai setiap perkara yang berlaku.

Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan ini bertujuan untuk penglipur lara memberikan pendedahan mengenai nilai murni yang terdapat dalam naratif lisan di Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana penglipur lara juga dapat mempamerkan adat resam serta kebudayaan yang terdapat dalam teks tersebut dengan berkembang bersesuaian mengikut peredaran zaman. Secara analogi, dengan adanya tukang cerita seperti ini, teks cerita rakyat akan dapat diwariskan kepada golongan muda agar menjadi sentiasa segar dalam ingatan serta ia tidak akan lupuk dek zaman.

Sementara itu, teks naratif lisan menjadi sebuah medium komunikasi yang baik antara golongan dewasa dengan golongan muda. Hal ini dikatakan kerana, menerusi teks cerita ini mendapati bahawa pelbagai cerita rakyat pada zaman dahulu telah dipersembahkan untuk pembaca dapat mendalami mengenai perbezaan masyarakat pada zaman dahulu. Kemahiran berkomunikasi dapat diterapkan menerusi teks ini iaitu ibu bapa mendedahkan anak-anak mereka mengenai cerita rakyat. Hal ini mampu



FYP FTKW

mendidik anak-anak untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai setiap isi yang ingin disampaikan disamping memberikan pengajaran yang dapat diterapkan dalam diri mereka. Kesannya, golongan muda akan lebih menjaga tingkah laku sewaktu berinteraksi dengan orang lain agar diri akan sentiasa dihormati oleh orang sekeliling.

Dalam pada itu, teks naratif lisan ini menjadi sebuah pembelajaran secara tidak langsung iaitu masyarakat dapat mengetahui pengalaman tukang cerita tersebut menerusi penceritaan dalam bentuk lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya tukang cerita tersebut dapat membuka minda golongan muda kini untuk terdedah dengan pengalaman yang mampu memberi makna yang mendalam kepada diri sendiri. Melalui naratif lisan ini juga dapat dilihat bahawa pembelajarannya lebih menfokuskan kepada aspek keagamaan iaitu berkaitan dengan akidah manusia. Justeru itu, golongan muda dapat membentuk akhlak yang terpuji berdasarkan daripada hasil pembacaan teks naratif lisan ini. Mereka juga dapat menggunakan akal fikiran serta dapat mengetahui setiap perilaku yang dilakukan baik atau tidak supaya ia dapat dijadikan sebagai naskah yang boleh membentuk insan yang berakhlak baik.

Seterusnya, naratif lisan dipilih sebagai sebuah kajian kerana ia dapat memenuhi keinginan manusia secara alamiah. Hal ini kerana seperti diketahui bahawa manusia sangat cenderung memiliki keinginan untuk mengetahui tentang sesuatu perkara iaitu mengetahui mengenai punca tercetusnya nama atau asal usul sesuatu tempat tersebut. Masyarakat pada zaman dahulu yang hidup sewaktu cerita rakyat ini, berusaha untuk memastikan keinginan tentang cerita rakyat ini dapat dilontarkan dengan menggunakan fikiran yang logik bagi menceritakan sebab sesuatu perkara atau peristiwa itu wujud. Perkara ini dikatakan demikian kerana setiap penceritaan akan dianggap logik dan benar sekirannya menggunakan akal fikiran yang berasas. Masyarakat akan mudah



FYP FTKW

menerima tentang suatu penceritaan tersebut dapat memenuhi keinginan masyarakat dengan menjelaskan sesuatu kewujudan sesuatu hal yang telah berlaku sejak dahulu lagi.

Di samping itu, menerusi teks ini juga dapat dilihat melalui pemikiran penglipur lara dalam unsur sosiobudaya. Hal ini dikatakan demikian kerana penglipur lara mengetengahkan aspek budaya dalam teks ini untuk membuka minda golongan muda bagi melihat perbezaan antara dahulu dengan generasi kini. Beliau juga ada menekankan mengenai kehidupan cara bermasyarakat yang melakukan pekerjaan berasaskan kepada petani dan pedagang. Ia juga dapat melihat bahawa perbezaan adat dari segi budaya atau kaum juga mampu membentuk masyarakat yang hidup dalam keadaan bersatu padu tanpa wujudnya perbalahan. Nilai hormat menghormati sangat dititikberatkan dalam karya ini dari segi menghormati budaya dan adat yang bertentangan dengan apa yang telah dijalani oleh masyarakat Melayu.

Lebih-lebih lagi, naratif lisan ini juga mempunyai kemampuan untuk menjelaskan mengenai sejarah lampau masyarakat Melayu. Hal ini kerana terdapat beberapa tokoh yang hebat telah diceritakan menerusi teks tersebut yang banyak menerapkan aspek nilai-nilai terpuji. Segala bentuk tinggalan warisan dapat diperlihatkan melalui teks lisan ini kerana seperti kita ketahui ia tidak dapat dizahirkan melalui pancaindera mata manusia pada zaman kini. Hal ini juga dibuktikan menerusi tokoh *Raja Sakti* dan *Puteri Saadong* kerana watak ini tidak wujud lagi pada masa kini. Melalui aspek menjelaskan sejarah lampau ini juga dapat mendidik generasi kini untuk lebih peka mengenai tokoh-tokoh terdahulu agar ia tidak akan luput dek zaman. Oleh itu, naratif lisan digunakan sebagai satu wadah perantaraan manusia untuk memperlihatkan watak-watak tokoh yang terselit banyak nilai-nilai murni kepada golongan muda pada masa kini.



FYP FTKW

Sementara itu, karya ini juga menyentuh mengenai unsur rohani. Menurut Rulindo (2011), menyatakan kerohanian adalah berkait dengam islam kerana setiap aspek kehidupan manusia yang beragama islam bergantung kepada Allah disebabkan tujuan diciptakan manusia adalah bagi melakukan ibadah kepada Allah. Berdasarkan penerangan ini dapat dilihat bahawa tukang cerits mengetengahkan pemikirannya dengan memasukkan unsur rohani dalam naratif lisan ini. Hal ini dilihat bahawa beliau ingin memastikan bahawa penulisan yang dijalankan seiring antara duniawi dan akhirat. Hal ini dapat dilihat bahawa beliau menekankan mengenai seseorang muslim seharusnya beribadah kepada Allah kerana kita diciptakan untuk menjadi hamba Allah yang taat dengan setiap perintahnya. Beliau juga menekankan ilmu akhirat ini melalui tokoh yang boleh dijadikan sebagai ikon untuk membentuk diri kearah yang lebih baik.

Seterusnya, melalui kajian ini juga menceritakan mengenai unsur mitos yang wujud pada zaman nenek moyang kita. Penglipur lara menceritakan mengenai unsur mitos bagi menarik minat golongan muda bagi mengetahui tentang hal-hal yang berkait dengan cerita mistik, kejadian karut dan kejadian ghaib menerusi beberapa cerita. Melalui kajian ini mendapati bahawa unsur mitos ini menceritakan mengenai hal yang menjangkau pemikiran manusia. Sebagai contoh, menerusi teks *Kain Sutera Cina* ada menceritakan mengenai sehelai kain sutera yang mampu menyembuhkan luka dalam waktu yang singkat tanpa meninggalkan kesan. Perkara ini juga dapat membuka pemikiran manusia mengenai masyarakat terdahulu yang terlalu percaya dengan perkara yang bertentangan dengan ajaran Allah SWT. Golongan muda juga dapat melihat perbezaan cara perubatan antara masyarakat terdahulu dengan kini. Hal ini kerana masyarakat terdahulu menggunakan khidmat pawang untuk merawat segala kesihatan yang dialami oleh mereka. Oleh itu, menerusi aspek pemikiran unsur mitos ini dapat membuka minda masyarakat untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai



FYP FTKW

masyarakat dahulu yang sangat taksub dengan amalan-amalan yang bertentang dengan suruhan Allah SWT.

Lain dari itu, nilai-nilai murni yang terdapat dalam naratif lisan juga menyumbang kepada peningkatan akademik golongan muda. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap teguran daripada golongan dewasa sangat bersesuaian dengan alat pembelajaran yang digunakan oleh guru menyeru pelajar untuk memahami mengenai isi pembelajaran. Kewujudan teks ini juga mampu meningkatkan sahsiah golongan muda melalui sudut komunikasi serta pergaulannya.

Selain itu, kajian ini juga disimpulkan bahawa penglipur lara memberi pendedahan keadaan masyarakat Melayu dalam aspek sosial. Masyarakat Melayu sangat memberi perhatian terhadap aspek-aspek sosial serta menitikberatkan aspek nilai-nilai moral. Hal ini dapat dibuktikan menerusi teks naratif lisan dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu mempunyai keakrapan dan rapat antara satu sama lain.

Kesimpulannya, pemikiran penglipur lara yang merangkumi kepada unsur nilai, sosiobudaya, mitos dan rohani telah memberi kesan yang mendalam terhadap diri sendiri kerana kesetiap unsur yang dimasukkan terselit mengenai teguran dan nasihat yang boleh dijadikan sebagai panduan. Kepelbagaian pemikiran ini membuatkan pelbagai nilai dapat dilihat dalam aspek yang tersurat mahupun dalam aspek yang tersirat. Oleh itu, jelaslah bahawa setiap pemikiran yang dibawa oleh penglipur lara menerapkan banyak nilai-nilai yang positif yang mampu memberikan manfaat kepada generasi kini supaya setiap perlakuan yang dilakukan berlandaskan kepada jalan yang benar.



FYP FTKW

5.3 Cadangan

Berdasarkan topik cadangan ini, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan dengan hasil kajian iaitu *Pemikiran Penglipur laraa dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Melalui analisis kajian dalam bab yang sebelumnya pengkaji telah bertindak untuk memberikan cadangan yang bersesuaian serta bertepatan dengan tajuk kajian yang dikaji oleh pengkaji yang dapat mempengaruhi minda golongan muda kini untuk memelihara serta memartabatkan cerita-cerita rakyat Melayu. Pengkaji juga telah memberikan beberapa cadangan yang bersesuaian dengan dapatan kajian ini.

Setelah meneliti serta mengenal pasti kajian ini secara menyeluruh, pengkaji mendapati bahawa karya ini lebih banyak tertumpu kepada nilai-nilai murni. Nilai-nilai murni yang baik telah ditonjolkan menerusi teks ini kerana bertujuan untuk mendidik manusia untuk lebih memahami bahawa walaupun terdapat beberapa pemikiran penglipur lara dilontarkan tetapi unsur nilai tidak ditinggalkan. Pelbagai aspek yang telah dikemukan oleh pengkaji seperti aspek nilai, sosiobudaya, rohani dan mitos ini menyelit unsur-unsur nilai yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam pembentukan keperibadian manusia kearah yang lebih bertamadun. Terdapat pelbagai nilai murni diterapkan dalam naskah ini telah membuka pemikiran masyarakat bahawa terdapat kepelbagaian dari segi cerita dalam buku ini yang boleh membentuk nilai-nilai moral ini. Dengan adanya nilai-nilai dalam sesebuah teks ini ia dapat menerapkan jati diri masyarakat dengan hal-hal yang terpuji yang boleh dijadikan sebagai contoh. Teks ini juga dikenali satu wadah ilmu yang menerapkan kepelbagaian pemikiran sehingga terbentuknya nilai-nilai murni menerusi setiap perwatakan dalam buku tersebut. Oleh itu, naskah seperti ini sewajarnya diperbanyakkan kerana ia bukan sahaja bahan bacaan yang biasa tetapi ia menerapkan tentang cerita-cerita rakyat yang penuh dengan nilai-



FYP FTKW

nilai murni yang boleh diaplikasikan dalam diri bagi membentuk akhlak masyarakat Melayu kearah yang lebih baik dan berguna kepada semua.

Selain itu, Cadangan yang boleh dilakukan untuk memperkembangkan pemikiran penglipur lara dalam aspek nilai adalah dengan menerapkan nilai kepada diri sendiri terlebih dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana kita seharusnya mendidik diri sendiri dahulu untuk mengaplikasikan setiap nilai-nilai yang diperolehi menerusi teks tersebut. Seperti kita ketahui untuk mendidik seseorang yang lain untuk memahami nilai yang terdapat dalam teks naratif lisan ini kita juga seharusnya terlebih dahulu. Seterusnya, peranan ibu bapa adalah paling penting dalam mencorakkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap proses pendewasaan anak-anak berasal dari rumah lagi. Ibu bapa seharusnya memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak dengan cara menceritakan mengenai cerita-cerita rakyat yng terdapat di Kelantan. Mereka juga boleh membentuk psikologi anak-anak dengan menceritakan cerita rakyat ini sejak kecil lagi. Mereka juga boleh menonton cerita-cerita yang bertemakan cerita rakyat yang berbentuk animasi kerana seperti yang diketahui bahawa anak-anak sangat meminati kartun serta lagu-lagu yang berkaitan dengan cerita rakyat juga boleh ditunjukkan kepada anak-anak dengan bernyanyi bersama-sama dengan mereka. Melalui aktiviti ini, golongan muda akan lebih terdedah dengan cerita rakyat serta dapat mendalami pelbagai nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya. Selain itu, pemikiran penglipur lara melalui unsur nilai ini boleh diterapkan pada pendidikan di sekolah. Melalui selibus buku sekolah seharusnya memperbanyakkan unsur nilai agar ia mampu dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Melalui pendidikan moral, juga pengkaji dapat memperoleh ilmu pengetahuan mengenai nilai-nilai moral yang boleh diterapkan dalam kehidupan. Golongan muda akan lebih terdedah dengan unsur nilai murni yang ditonjolkan dalam setiap teks yang terdapat di sekolah. Dengan adanya kajian ini, golongan akan dapat membezakan antara perilaku



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

yang baik atau tidak kepada orang lain. Hal ini kerana apabila mempelajari nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan golongan muda pastinya dapat menghadapi setiap permasalahan, cubaan dan rintangan dalam meneruskan kehidupan disamping mampu mendidik masyarakat untuk berfikir secara matang dan telus serta mempunyai pemikiran yang ke arah lebih relevan. Oleh itu, jelaslah bahawa pengkaji menggunakan cadangan dengan menerapkan unsur nilai kepada diri sendiri, ibu bapa serta kepada pendidikan persekolahan. Hal ini dapat dirumuskan bahawa golongan remaja akan lebih memahami pemikiran penulis melalui unsur nilai ini apabila kita dapat menerapkan setiap nilai murni ke dalam teks ini.

Selain itu, juga boleh melakukan kempen atau program yang berasaskan kepada kerohanian. Seperti melakukan aktiviti keagamaan. Hal ini dikatakan demikian kerana kita boleh menggunakan insiatif untuk melakukan program keagamaan melalui pembicaraan forum bersama-sama atau melalui plotform dalam talian dengan menggunakan *facebook* dan *intagram* sebagai medium khas. Seterusnya, aktiviti bergotong-royong bersama-sama membersihkan kawasan juga dapat dilakukan. Hal ini juga dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Masyarakat juga akan dapat merehatkan minda dengan tidak hanya berfokuskan kepada kerja sahaja dan mengenal orang baru menerusi aktiviti tersebut. Melalui hal ini dapat dilihat bahawa pemikiran penglipur lara berunsurkan rohani dapat diterapkan dalam diri dengan melakukan hal positif yang boleh membawa kepada kebaikan. Oleh itu, jelaslah bahawa dengan adanya aktiviti ini pemikiran penglipur lara dalam aspek rohani ini dapat ditonjolkan lagi serta ia dapat memberikan dampak yang positif serta membentuk diri sering melakukan hal-hal yang baik.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Seterusnya, pengkaji mencadangkan bahawa pemikiran yang berunsurkan mitos ini seharusnya dibukukan kepada teks-teks sastera. Hal ini kerana golongan muda kini cenderung untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai unsur mitos pada zaman dahulu. Pengkaji mencadangkan bahawa setiap karya-karya naratif lisan dibukukan supaya setiap peristiwa atau cerita zaman dahulu tidak akan dilupakan oleh generasi akan datang. Dengan adanya pelbagai karya naratif lisan ini dapat menjadi sumber rujukan masyarakat kini untuk mengetahui setiap warisan cerita terdahulu. Hal ini juga dapat mengelakkan daripada cerita rakyat yang diwariskan daripada nenek moyang kita dilupakan dek kepada perubahan zaman. Setiap karya hasil naratif lisan yang telah dibukukan akan memberi kelebihan kepada para sarjana untuk melakukan penyelidikan serta kritikan terhadap naratif lisan dan dapat mengkaji mengenai maksud tersurat dan tersirat yang cuba disampaikan kepada semua orang. Keunikan dan kehebatan naratif lisan masyarakat Melayu melalui unsur mitos dan nilai-nilai murni dapat ditonjolkan dengan lebih meluas sekirannya para sarjana tempatan serta dari luar negara memberikan fokus yang lebih terhadap karya naratif lisan. Selain itu, unsur mitos dapat dijadikan sebagai medium dalam pembentukan akhlak iaitu melalui perkara negatif telah dipaparkan menerusi teks lisan ini untuk memberi teguran serta nasihat kepada pengkaji dalam membentuk keperibadian golongan kini.

Hal ini dikatakan demikian kerana setiap unsur negatif ini dipaparkan bagi memberi nasihat dengan menggunakan maksud yang tersirat. Masyarakat Melayu seharusnya mempunyai daya fikiran yang tinggi untuk memahami setiap maksud tersirat yang ingin dilontarkan oleh masyarakat generasi terdahulu dalam naratif lisan masyarakat Melayu. Justeru itu, pemikiran unsur mitos ini dapat membentuk masyarakat yang mempunyai daya fikir yang kreatif dan kreatif dalam menghasilkan penulisan yang berbentuk naratif lisan. Oleh itu, pemikiran mitos ini dapat dikembangkan lagi dengan



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

membukukan lebih banyak karya sastera agar setiap ilmu serta nilai-nilai murni yang ditulis dapat dipraktikan dalam diri sendiri bagi membentuk insan yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, cadangan yang dihuraikan menerusi teks Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,Kelantan mempunyai kaitan rapat dengan hasil kajian. Kehebatan pemikiran penglipur lara dalam teks ini tidak dapat disangkal lagi kerana terdapat unsur-unsur yang positif telah diterapkan melalui bentuk nilai-nilai murni serta unsur teguran dan cara penyampaian tukang cerita dalam menyampaikan mengenai maksud tersirat dan tersurat yang terkandung dalam teks tersebut. Hal ini dapat dirumuskan bahawa pengkaji menggunakan naskah ini sebagai bahan rujukan untuk menyediakan cadangan-cadangan yang bernas serta yang relevan dan boleh digunakan pakai pada generasi kini. Justeru itu, jelaslah bahawa teks *Seuntaian Naratif lisan* ini memberi banyak manfaat kepada pembaca untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai cerita rakyat agar cerita ini tidak pupuk dek zaman.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 5.4 Penutup

Berdasarkan kajian ini mendapati bahawa pemikiran penglipur lara menerusi teks ini bukanlah sesuatu yang terbatas. Hal ini kerana pelbagai unsur yang dilontarkan bagi menarik minat golongan muda untuk membaca karya penulis ini. Penerapan nilai murni juga diwujudkan dalam teks ini kerana itu merupakan satu hal yang perlu dititikberatkan. Perkara ini boleh memastikan bahawa masalah keruntuhan akhlak dapat dielakkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Kesimpulannya, masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan nilai-nilai murni yang dijadikan sebagai didikan dalam pembentukan diri. Menerusi nilai-nilai murni kita dapat melahirkan modal insan yang lebih mempunyai keyakinan diri serta dapat membentuk sahsiah diri ke arah yang lebih positif.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BIBLIOGRAFI


A. Alimin & Saptiana Sulastri (2018). Nilai Keberanian dalam Novel Negeri di Ujung Tanduk Karya Tere Liye. *JP-BSI (Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia)*, *3*(1),1-5.

Abd Aziz Azmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairunnisa Abdul Karim, & Nurliana Suhaini. (2019). Realiti Kepelbagaian Kaum Ke Arah Perpaduan Nasional Pasca Merdeka. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, *2*(1), 1-24.

Abdul Noraini Shukor. (2016). *Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu Paddy as A Sign in Malay Proverb*. *Jurnal Melayu,* 15(1), 26-49.

Abd Rahim & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi teori pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, *4*(2), 48-57.

Ab.Rahim & Nurul Safiah. (2020). *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan. (Doctoral dissertation,Universiti Malaysia Kelantan).

Ahmad Tharmizzie Mat Jusoh, Jabil Mapjabil, Ruzanna Syamimi Ramli, & Mohamad Pirdaus Yusoh. (2011). Persepsi Komuniti Tempatan Terhadap Pelancongan Budaya di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *Prosiding PERKEM VI, Jilid*, 2, 459-466.

Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesusasteraan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ajeng Safitri. (2018). Hubungan Antara Kesabaran Dengan Stres Menghadapi Ujian Pada Mahasiswa. *Jurnal Islamika*, *1*(1).

Amirah Mastura. (2018). Prinsip Tawakal Dalam Al-Qur’an Dan Integrasi Pada Wawancara Konseling Islam (Doctoral dissertation, UIN Ar-Raniry Banda Aceh).

Asniza Zakaria. (2019). Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih. *Jurnal IPDA*, *26*(1), 203-211.

Asnawi. (2020). Kategori dan Fungsi Sosial Teks Cerita Rakyat Mayarakat Banjar Hulu: sebagai Pengukuh Warisan Kebudayaan Lokal Bangsa. *Jurnal Sastra Indonesia*, 9(3), 212-221.

Azlin Mohd Rosdi, Siti Zubaidah Raja Mohamed, Salmiah Mohd Md Salleh, & Anida Mohd Idrus. (2020). Tahap Kesediaan Aplikasi C-Pantun Sebagai Satu Kaedah Baharu Dalam Penciptaan Pantun Melayu. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II*, *22*(1).

Baterah Alias, Huzaimah Ismail, & Che Zarinna Sa'ari. (2014). Perpaduan kaum di Malaysia: suatu penilaian, 1-43.

Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu Manifestatation of The Malay Society’s Livelihood in Bedar Sukma Bisu. *Jurnal Melayu Bil*, *17*(2).




FYP FTKW

FYP FTKW

Eiffa Yuhanis Roslan. (2022). *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989)* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Ezzah'afifah Nasrudin, & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara. *Journal of Business and Social Development*, *3*(2), 63-79.

Florina Jumil, & Norjietta Julita Taisin. (2017). Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, (*8),* 36-46.

Fifi Anak Renyuk. (2017). *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Kesusasteraan Melayu). Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker, & Farra Humairah Mohd. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, *2*(4), 1-11.

Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional Edisi Kedua.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hazrul Mazran Rusli. (2020). *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (*Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan. *Idealogy Journal*, *5*(1), 43-56.

Intan Sazima Sarip. (2021). *Wadah Pemikiran Dan Konsep Kepercayaan Dalam Sastera Lisan Bagi Masyarakat Asli Jah Hut* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan)

Jamilah Mohd Noor. (2014). *Keberkesanan Pendidikan Akhlak Di Sekolah Menengah Kebangsaan di Seremban Negeri Sembilan* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).

Johari Yahaya. (2015). *Pantun peribahasa Melayu: analisis daripada perspektif teori pengkaedahan Melayu*, Universiti Sains Malaysia (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).

Jumali Selamat. (2009). Aplikasi Teori pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut Menerusi pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*, (*12*), 19-37.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, & Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, *27,* 81-92.

Kamus Dewan Bahasa (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

FYP FTKW

Liputan 6. (2022). *8 Pengertian Kerajinan Menurut Para Ahli, Tujuan, Jenis, dan Contohnya*.

Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi, & Maizira Abdul Majid. (2020). Hubungan Rakyat dan Pemerintah dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan (People and Government Relationship in Oral Traditional Based on Leadership Perspective). *Akademika*, *90*(3).

Maguna Eliastuti. (2018). Analisis Nilai-Nilai Moral Dalam Novel “Kembang Turi” Karya Budi Sardjono. *Genta Mulia: Jurnal Ilmiah Pendidikan*, *8*(1).

Maizatul Akma Shamsuddin. (2022). *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan:Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Marhamah & Yusmi Aminah. (2022). Pendidikan Sabar Dalam Al-Qur’an.Kajian Surat Al-Baqarah Ayat 153-157. *Murabby: Jurnal Pendidikan Islam*, *4*(1), 50-58.

Marzalina Mansor Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati Hassan, (2016). Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashita Dan Percivel. *Proceedings of the ICECRS*, (1), 101-112.

Mastura Othman. (2022). *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Mazarul Hassan Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali, & Mohd Rosli Saludin. (2020). Keindahan Simbol dan Makna dalam Pantang Larang Masyarakat Melayu. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences (IJMTSS)*, *3*(12), 1-12.

Mia Angeline. (2015). Mitos dan Budaya. *Humaniora*, *6*(2), 190-200.

Minah Sintian. (2015). Personaliti Ibu Bapa dalam teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun.

Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid, & Samsilah Roslan. (2015). Penghayatan Nilai Murni dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, *18*, 1-20.

Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden, & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda dari Perspektif Pendekatan Pengurusan: Hikayat Awang Sulung Merah Muda from The Perspective of The Management Approach. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, *26*(1), 95-116.

Mohamed Nazreen Shahul Hamid, & Md. Salleh Yaapar. (2015). Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, *8*(2).

Mohd Anuar Ramli. (2006). Instrumen 'Urf Dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, (17), 253-289.

Mohd Fahmi Ismail, & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, *6*(2), 101-120.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad, & Mohd Sharifudin Yusop. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, (*3),* 91-100.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia).

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu penelitian pengkaedahan Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). *Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*, *Journal of Business and Social Development,* 4 (2), 48-57.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, *16*(2), 1-12.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Gambaran Nilai Murni Dalam Seuntaian Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Suatu Pengaplikasian Konsep Rohani. *Journal of Business and Social Development*, *6*(2).

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). *Akal Budi Dalam Cerita Rakyat di Tumpat Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah*, *Jurnal Melayu*, (*21),* 129-144.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Seuntaian Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan, penerbit UMK.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Kajian Malaysia*, *40*(1), 215-252.

Mohd Firdaus Che Yaacob, & Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak, *Jurnal Melayu,* (*1)*, 80-92.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, *4*(2), 48-57.

Mohd Firdaus Che Yaacob, & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (*TENIAT), 5(2), 94-107.



FYP FTKW

FYP FTKW

Mohd Firdaus Che Yaacob, & Nasirin Abdillah. (2017). Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, *5*(2), 21-35.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin, & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, (*6*), 35-44.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari, & Nasirin Abdillah. (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, *10*(1).

Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, & Nur Samsiah Mazlan. (2021). *Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja Melalui Media Animasi*, *Jurnal Melayu*, (*2*), 230-246.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, *8*(1).

Mohd Kamel Mat Salleh, Muhammad Firdaus Abdul Manaf, & Mohd. Asyran Safwan Kamaruzaman. (2022). Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat Di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 144-157.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek, & Muhammad Asyraf Mansor. (2021). Aplikasi Pendekatan Interpritave Structural Modelling Dalam Pembangunan Model Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Journal of Educational Research*, (*39*), 1-12.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang, & Nor Asiah Muhamad. (2017). *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan*. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(4), 26-30.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan (Jakun Orang Asli community in Rompin, Pahang: A study on the preservation of oral stories). *Geografia*, *17*(2).

Mohd Zaki Abdul Latiff & Suriati Zakaria. (2016). Konsep Ruang Melalui Fauna Dalam Cerita Lipur Lara: Analisis Semantik Inkuisitif. Kertas Kerja Ini Dibentangkan Semasa Business Management and Computing Research Colloquium (BMCRC), Raub, Malaysia.

Mohamad Luthfi Abdul Rahman. (2015). Cerita Lisan sebagai Sumber Pelancongan: Suatu Perbandingan di Malaysia dan Singapura. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman), 3 (3)*, 19-27.

FYP FTKW

Mohamad Zakir, & Nur Safiah. (2020). *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntaian Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

Muhammad Atiullah Othman, & Indriaty Ismail. (2016). Pengetahuan sebagai Elemen Tanggungjawab Manusia menurut Perspektif Islam. *Islamiyyat*, 38(1), 65-70.

Muhammad Irfan Waqiuddin Hasanudin, Mohd Affiq Affandy Azlizan, & Muhd Norizam Jamian. (2021). Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*, *5*(3), 1-21.

Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri. (2021). Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel- Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

Muhammad Nur Al-Hakim Hanafiah, & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu Islamic Values and Moral Development in Malay Folktales. *Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu*, *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL),* (*10),* 48-56.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid, & Siti Aishah Jusoh. (2021). Polimik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak, *2,* 194-212.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, *8*(2).

Muhammad Nur Al-Hakim bin Mohamad Hanafiah, & Mohd Firdaus bin Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, *12*(1),11-25.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah. (2022). Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa. *PENDETA*, *13*(1),103-114.

Muhammad Nur Al-Hakim Hanafiah, & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* (*10),* 48-56.

Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali, & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin. (2021). Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater: The Documentation of Oral Tradition in Malay Sarawak Folktales for Theatre Performance. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, *2*(2), 34-41.

Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar, & Nik Rafidah Nik Muhamad Effendy. (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, *1*(1), 296-329.

Muhammad Syauqi Mat Zawawi. (2022). *Transkripsi Lagu Rakyat Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

FYP FTKW

Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2021). *Naratif Puteri dan Santubong dan Puteri Sejinjing Mepertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik*.

Nadia Ishak, & Kamariah Kamarudin. (2019). *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahnda: Child Education through Surah Luqman in Ayahanda Novel*. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, (30), 103-129.

Nasha Azreena Mohd Jaihan, Nur Ainnul Humairah Mohd Yusoff, Dayang Nuraziemah Nooradik, Nurul Farisha Sudin, & Siti Nur Zaahirah Mohd Jafri. 2022. Unsur Kerohanian dalam Filem Munafik Karya Syamsul Yusof: Analisis Pendekatan Dakwah, *Pelestarian Warisan*, 111-119.

Noorzatul Hidayah Mohd Hanipah, Daeng haliza Daeng Jamal, & Nasirin Abdillah. (2021). Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, *9*(1), 18-29.

Nor Anis Izzati Noridzulhata. (2022). *Nilai Budi Dalam Cerita Asal Usul Melalui Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

Nor Muhammad Shahir Nordin. (2022). *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Norzatul Iqmal Mohd Noor. (2020). *Nilai Kemelayuan dalam Himpunan Drama Melayu PopularTerpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

Norazilah Buhaari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz, & Mohd Syuja Saedin. (2022). Manifestations of Malay Civilization Culture in The Novel Kasyaf Ain: An Application of Pengkaedahan Melayu Theory. *International Journal of Law, Government and Communication*, *7*(28), 192-208.

Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun, & Farra Humairah Mohd. (2019). Mythical Elements Based on Traditional Malay Literature Text. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, *2*(6), 78-87.

Norfarizah Mohd Bakhir. (2018). Preserving and Promoting Malay Folklores and Legends Using Interactive Motion Comic: The Fang King (Raja Bersiong). *SHS Web of Conferences*, (*45),* 1-5.

Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat, & Nor Shahila Mansor. (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, *14*(1).

Norshahera Zulkifli, & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2022). Elemen-Elemen Sosiobudaya dalam Kalangan Masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor Sosiocultural Elements of Boyan's Community in Semenyih, Selangor. *Elemen-Elemen Sosiobudaya Dalam Kalangan Masyarakat Boyandi Semenyih, Selangor*, *6*(2), 1-13.

Noor Hafizah Mohd Haridia, Norsaleha Mohd Saleha & Khairul Hamimah Mohammad Jodib. (2019). Penerapan Elemen Kerohanian terhadap Remaja Berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID), (6), 87-98.

FYP FTKW

Nur Erieyana Hassan. (2022). *Kepercayaan Terhadap Cerita Asal Usul Dalam Masyarakat Kampung Gajah: Satu Kajian Naratif Lisan* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

Nur Ezatull Fadtehah Hedel, & Mary Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuistif. *Asian People Journal (APJ)*, *3*(2), 147-160.

Nur Emy Amirah Zawawi. (2022). *Analisis Nilai Dan Pengajaran Dalam Buku 'Pantun Berkait: Peri Loka Tanah Melaka'Karya'Azimin Daud* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

Nur Haifa Rosle. (2021). Penenun Cinta: Analisis Sisi Pengkaedahan Melayu. Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu,* 2021.

Nurhasma Muhamad Saad, Kartina Kamaruzaman & Dr. Rosni Samah, (2009). Fungsi Cerita Binatang dalam Sastera Kanak-kanak Melayu–Arab. In *Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Bahasa dan Budaya: Membentuk dan Memupuk Masyarakat Global, anjuran Fakulti Sains Kemanusiaan, UKM* (pp. 5-6).

Nur Samsiah Mazlan, & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Adat dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, (1), 48-58.

Nur Shamsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob, & Nasirin Abdillah. (2021). Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business and Social Development*, *9*(2), 93-106.

Nur Shahirah. (2020). *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Nur Yuhanis Mohd Nasir, Rahmah Bujang, & Eizan Mat Hussain. (2016). Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, (*23)*, 143-160.

Nurfarhana Shahira Rosly, Normaliza Abd Rahim, & Hazlina Abdul Halim. (2015). Pengaruh Elemen Cerita Binatang Berbentuk Digital ke atas Ujaran Kanak-kanak Sindrom Asperger. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, (*2),* 75-85.

Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi, & Nordiana Ab Jabar. (2022). Sang Kancil Dan Harimau Sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022)*, 403.

Nurul Nasuha Mohd Rosle, & Zubir Idris. (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, *2*(2), 1-15.

Olivia M. Kaparang. (2013). Analisa Gaya Hidup Remaja Dalam Mengimitasi Budaya Pop Korea Melalui Televisi, Vol 3.

FYP FTKW

Osman Ayob, Roslan Chin, & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2021). Analisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I.Rumpun Jurnal Persuratan Melayu. *Rumpun Jurnal*, (*2)*, 49-59.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim, & Mawar Safei. (2018). Introspeksi Puisi 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan. *Jurnal Wacana Sarjana*, *2*(4), 1-15.

Rahimah Hamdan, & Alya Batrisyia Annuar. 2020. Perspektif "Melayu Malas" dan "Melayu Bodoh" oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, *2*(3), 71-82.

Rika Juwita,Asep Munajat & Elnawati, (2019). Mengembangkan Sikap Tanggung Jawab Melaksanakan Tugas Sekolah Melalui Metode Bercerita Pada Anak Usia 5-6 Tahun Di Tk Aisyiyah Bustanul Athfal 2 Kota Sukabumi. Vol. 2.

Ros Aiza Mohd Mokhtar, & Che Zarrina Sa'ari. (2016). Sinkretisme dalam Adat Tradisi Masyarakat Islam. *Journal of Usuluddin*, *43*(1), 69-90.

Roslina Abu Bakar, & Aone van Engelenhoven. (2016). Alam dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*, *1*(1), 20-49.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak, & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, *12*(2).

Salhah binti Abdullah, Dini Farhana Baharudin, & Noranis Ismail. (2009). *Penerapan Nilai-Nilai Islam Melalui Penggunaan Media Dalam Pendidikan*,1-13.

Sesilia Seli. 2016. Kearifan Tempatan dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik. *Universiti Malaya: Kuala Lumpur*.

Shaiful Bahri Md Radzi. (2015). Si Tanggang Moden dan Perubahan Makna Dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid*, *31*(2), 247-261.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob, & Nasirin Abdillah. (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, *12*(2), 67-79.

Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar, & Arbai'e Sujud. (2019). Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*, *4*(1), 77-89.

Siti Husnul Hotima. (2019). Sosialisasi Pemanfaatan Kerajinan Tangan Menggunakan Stik Es Krim. *Majalah Ilmiah Pelita Ilmu*, *2*(2).

Siti Noridayu Abd Nasir, & Hazlina Abdul Halim. (2022). Elemen dalam Buku Cerita Binatang sebagai Sumber Pemerolehan Bahasa Murid Lembam Elements in Animal Storybooks as a Language Acquisition Resource for Retarded Students]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (E-ISSN: 2600-9080)*, *5*(4), 134-146.

FYP FTKW

Siti Norashikin Azmi, Hanita Hassan, Wan Farah Wani Fakhruddin & Zaliza Mohamad Nasir. (2019). Pemaknaan Naratif Pengalaman dalam Cerpen Melayu/Narrative Experiential Meaning-making in Malay Short Stories. *LSP International Journal*, *6*(2).

Siti Norsyahira Md Sabri. (2022). *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral*, 1-143.

Siti Rahmah Wahab. (2015). *Adaptasi sosiobudaya orang laut di Kecamatan Tanah Merah Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia* (Doctoral dissertation, Jabataan Antrapologi dan Sosialogi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

Siti Zuhaidah Zakeria, & Nik Rafidah Nik Affendi. (2016). Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak the Continuance of Cultural Heritage among East Coast Community in Children Folklores. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, *4*(1), 93-103.

Sopyan Hadi. (2018). Konsep Sabar Dalam Al-Qur'an. *Jurnal Madani: Ilmu Pengetahuan, Teknologi, Dan Humaniora*, *1*(2), 473-488.

Syaidul Azam Kamarudin, & Arbai'e Sujud. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, (*7),* 47-63.

Syaimak Ismail, Muhammad Saiful, & Islam Ismail. (2020). *Unsur-Unsur Mistik Dan Pemujaan Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Di Pulau Besar Negeri Melaka*. 254-269.

Tan Tien Chee, & Mohd Syariefudin Abdullah. (2021). Kesepaduan Sosial dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, *2*(2), 24-33.

Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan. 2022. *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral*.422-434.

Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan, & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan Common Sense in Oral Narrative Collected at Kota Baharu, Kelantan: An observation on Sosial Approach. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, *11*(2),126-140.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). *Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja*. (*1)*, 68-80.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Cultural Elements in Folk Narratives at Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, (*12*), 27-37.

Wan Kamarull Ariffin, & Wan Khairul Faiz. (2019). *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

Wan Nurzafirah Wan Zin. (2019). *Analisis Cerpen Terpilih A.Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu.*

Yuminah. (2018). Konsep mimpi dalam perspektif psikologi Islam: Studi komparasi psikologi Islam dan psikologi Barat. *Jurnal Psikologi Islam*, *5*(2), 87-102.

FYP FTKW

BIODATA PENULIS



Saya, Anis Nazurah Binti Md Karim. Genap berusia 23 tahun pada 27 Oktober 2022 yang lalu. Dilahirkan di Hospital Hulu Terengganu, Terengganu dan berasal daripada negeri di pantai timur Malaysia iaitu di Kampung Ajil, Terengganu. Memulakan persekolahan peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Bukit Apit sejak tahun 2006 sehingga 2011. Pada tahun 2012 sehingga tamatnya tingkatan Lima dengan menduduki pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2016 di Sekolah Menengah Agama Mahmudiah manakala pada pertengahan bulan Mei 2017 telah melayakkan pengkaji untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) selama setahun setengah dengan penuh suka serta duka dalam aliran sejarah yang mana pengkaji telah memilih untuk mempelajari subjek Syariah Islamiah dan Sejarah selain daripada subjek teras. Pengkaji telah mengubah Haluan hidupnya dengan mencuba untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2019 dan memasuki Elektif Kesusasteraan Warisan. Hal ini demikian kerana pengkaji berasa tertarik untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sastera. Nama bapa pengkaji dikenali sebagai Md Karim Bin Besar manakala ibu bernama Rosiah binti Mohamad. Pengkaji mempunyai tiga orang adik beradik dan pengkaji merupakan anak yang pertama.

Terakhir, pengkaji kini sedang menjalani sisa akhir sebagai seorang mahasiswa tahun empat di Universiti Malaysia Kelantan dalam Elektif Kesusasteraan Warisan di bawah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Penulis penyelidikan ini bermula daripada semester keenam sehingga kesemester ketujuh dengan penuh rintangan yang perlu dihadapi. Pengkaji berasa sangat bersyukur kepada Allah SWT kerana memberikan peluang serta ruang untuk diterima oleh penyelia yang sudi meluangkan masa untuk mencurahkan ilmu iaitu Dr.Mohd Firdaus Che Yaacob. Setiap proses yang dihadapi oleh pengkaji juga mencabar serta penuh dengan liku-liku pengkaji berharap setiap penulisan yang dihasilkan dapat memberikan manfaat kepada orang lain. Sekian, terima kasih.



FYP FTKW